

**Jilid III
Bil. 17**



**Hari Rabu
8hb April, 1981**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2045]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan) [Ruangan 2085]

USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 2134]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL**,
P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading)**.

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**,
S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, **DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat)**.

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching)**.

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis)**.

„ Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat)**.

„ Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (KOTA BHARU)**.

„ Menteri Pelajaran, **DATO MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis)**.

„ Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan)**.

„ Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam)**.

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **DATO SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut)**.

„ Menteri Penerangan, **DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai)**.

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **DATO RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut)**.

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping)**.

„ Menteri Pertanian, **DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu)**.

Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. DATO HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- ” Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- ” Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- ” Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMAD (Machang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N. P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- ” TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- ” TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- ” TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).

- Yang Berhormat TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasin Mas).
- „ DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ DATO AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWARD ESNEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI GHAZALI, A.M.N. (Matang).

- Yang Berhormat TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M.
(Bagan Datoh).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P.
(Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N.
(Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K.
(Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K.
(Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P.
(Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B.
(Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N.,
S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH,
D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFAH DORAH BINTI MOHAMMED, A.M.N., B.S.I., P.S.I. (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).

Yang Berhormat WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).

- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K.
(Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S.(Padawan).
- „ DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN
MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 8hb April, 1981

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PENGHISAP ROKOK

1. **Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa bilangan penghisap-penghisap rokok di dunia telah berkurangan dan sama ada demikian juga di Malaysia.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mempunyai perangkaan-perangkaan seluruh dunia bagi menunjukkan sejauh mana kadar amalan merokok dan sama ada amalan ini telah bertambah ataupun berkurangan. Walau bagaimanapun, dari laporan, saya tahu bahawa di Amerika Syarikat misalnya bilangan penghisap-penghisap rokok lelaki telahpun berkurangan di negara tersebut akan tetapi penghisap-penghisap rokok perempuan masih tetap begitu bilangannya. Kementerian Kesihatan tidak menyimpan angka-angka mengenai bilangan orang-orang yang merokok di negara ini kerana ianya adalah agak tidak mungkin bagi kita memperolehi angka-angka tersebut. Apa yang sedang cuba kita usahakan ialah untuk menyedarkan anggota-anggota orang ramai, iaitu mereka yang merokok dan tidak merokok, tentang bahaya-bahaya kepada kesihatan yang diperolehi dari merokok. Kita akan meneruskan lagi kempen-kempen awam ini sebagai sebahagian dari rancangan-rancangan pelajaran kesihatan kita.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kempen-kempen yang dijalankan itu adakah Kementerian mempunyai usaha-usaha yang lain yang lebih efektif untuk mengurangkan orangramai daripada merokok iaitu suatu usaha yang lebih seimbang dengan usaha-usaha membanyakkan pengeluaran rokok, misalnya, kilang-kilang yang mengeluarkan rokok dan juga rokok-rokok yang diimport dan ini seolah-olah menggalakkan merokok dan apakah usaha-usaha selain daripada yang ditulis dan yang dikempen itu iaitu usaha yang lebih efektif yang sesuai dengan apa yang ditunjuk dan digalakkan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kita telahpun mengadakan kempen supaya dalam tempat-tempat awam yang tertentu dilarang merokok dan saya harap bahawa lain-lain tempat di mana orangramai mengunjungi akan mengambil langkah-langkah mereka juga supaya melarang merokok dalam tempat-tempat yang tertentu itu.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, mengikut maklumat Yang Berhormat Menteri sekejap tadi beliau tidak mempunyai rekod-rekod untuk menentukan sama ada bilangan penghisap rokok ini bertambah ataupun berkurangan dan beliau juga ada menyebutkan mengenai usaha-usaha dalam masalah kempen mengurangkan penghisapan rokok.

Soalan saya, apakah beliau sedar bahawa di dalam masalah kempen untuk mengurangkan penghisapan rokok pada hari ini nampaknya kempen untuk merokok itu adalah lebih besar daripada kempen untuk tidak merokok. Misalnya, perkataan "amaran" daripada Kerajaan Malaysia di atas kotak-kotak rokok itu adalah terlalu kecil jika hendak

dibandingkan dengan iklan nama rokok itu sendiri di atas kotak-kotak yang berkenaan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, kempen-kempen menggalakkan orang ramai merokok ialah usaha-usaha industri rokok itu sendiri iaitu industri tembakau tetapi tentang iklan-iklan dalam kotak-kotak dan amaran oleh Kerajaan tentang bahayanya tabiat merokok itu, saya pun sedar bahawa barangkali tulisan itu terlampau kecil dan baru-baru ini saya telah mengadakan perjumpaan dengan wakil-wakil dari industri tembakau dan mereka pun telah diingatkan tentang mustahaknya mereka bekerjasama dengan Kementerian/Kerajaan supaya tidak terlampau menggalakkan orang merokok dalam kempen-kempen dan iklan-iklan mereka dan perkara ini sedang dijalankan.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh sebab merokok ini merupakan satu tabiat yang begitu buruk dan membawa keburukan yang begitu sangat kepada kesihatan, adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengurangkan penghisap rokok ini dari segi menaikkan kadar cukai di atas pengeluaran rokok-rokok ini.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri apakah bentuk kerjasama yang telah dapat dijalankan di antara Kementerian beliau dengan Kementerian Penerangan kerana iklan rokok lebih besar daripada iklan melarang merokok; iklan merokok kadang-kadang sampai 10 saat, iklan melarang merokok hanya 3 saat. Jadi, apakah bentuk kerjasama yang didapati selama ini.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Penerangan sentiasa berhubung dengan perkara ini. Dan seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum sekarang ini amaran Kerajaan tentang merbahaya rokok ada juga disiarkan di dalam TV sahaja dan iklan-iklan pengusaha rokok itu telah diubahsuakan dan tidak sepertimana dahulu rokok diimbangkan kejayaan dan inspirasi dan sebagainya.

ISTILAH PERUBATAN DALAM BAHASA MALAYSIA

2. **Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar istilah-istilah perubatan di dalam Bahasa Malaysia didapati menghadapi kesulitan; jika sedar, apakah langkah-langkah beliau bagi mengatasi hal tersebut.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menubuhkan Jawatankuasa Istilah Perubatan-Kesihatan sejak tahun 1959. Sehingga akhir tahun 1980, Jawatankuasa Istilah ini telah dapat mengusahakan kira-kira 20,000 istilah-istilah Perubatan-Kesihatan yang mencukupi beberapa sub-bidang termasuk Perubatan Umum, Anatomi, Farmasi-Farmakologi, Fisiologi dan Kesihatan Masyarakat. Istilah-istilah ini telah diterbitkan dan disebar kepada pengguna-pengguna istilah bidang berkenaan. Pada tahun 1981 ini, Dewan Bahasa dan Pustaka akan menerbitkan tiga buah buku istilah bidang Perubatan.

Di samping itu, Dewan Bahasa dan Pustaka sedang berusaha untuk memperluaskan istilah dalam 19 cabang ilmu Perubatan-Kesihatan; dianggarkan sebanyak kira-kira 40,000 lagi istilah baru dalam semua cabang ilmu ini akan dibentuk dalam tempoh 3 tahun ini. Sebanyak 15 buah buku istilah dalam cabang-cabang ilmu yang berkaitan dengan bidang perubatan dijangka akan diterbitkan menjelang akhir tahun 1983 untuk kegunaan di institusi-institusi pengajian tinggi sebagai melaksanakan dasar pelajaran kebangsaan kita. Dalam rancangan penyediaan dan penerbitan buku-buku istilah untuk institusi pengajian tinggi ini, Dewan Bahasa dan Pustaka akan mendapatkan kerjasama pakar-pakar bidang ilmu seperti pensyarah-pensyarah universiti dan sebagainya.

Di samping langkah-langkah tersebut di atas, masalah penyelarasan istilah Perubatan-Kesihatan diatasi dengan adanya kerjasama di antara kelima-kelima universiti tempatan dengan pihak Kementerian Pelajaran. Hal ini telahpun dipersetujui dan sedang dilaksanakan berdasarkan cadangan Simposium Bahasa Malaysia Pertama di

Fakulti Perubatan UKM, yang diadakan pada 20hb hingga 22hb Disember, 1980 yang baru lalu.

Dengan ini berertilah bahawa masalah pembentukan istilah-istilah perubatan tidaklah serius.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dengan adanya persediaan istilah-istilah yang diusahakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka seperti yang diceritakan oleh Timbalan Menteri ini, adakah Timbalan Menteri sedar bahawa ditakuti dengan pertukaran istilah ini akan timbul kesilapan daripada pemberian ubat-ubat kepada pesakit-pesakit nanti.

Dato Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, kurang dengar—tersilap!

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang hendak tahu selalukah bertukar istilah ini jadi mungkin mendatangkan kekeliruan apabila memberikan ubat-ubat.

Dato Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita tidak tukar tetapi menghasilkan istilah baru. Bukan tukar.

Dato Hishamuddin bin Haji Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, kerana Dewan Bahasa dan Pustaka ini selalu mencari jalan senang kadang-kadang untuk membuat istilah baru dengan memakai perkataan yang sama tetapi menukarkan ejaannya kepada Melayu. Jadi tidakkah Timbalan Menteri bercadang supaya biarkan sahaja kita meminjamkan istilah yang ada sekarang ini iaitu bahasa Inggeris oleh kerana apa yang penting ialah ilmu itu dan bukan istilah, dan istilah yang ada sekarang pun bukan bahasa Inggeris dan banyak daripadanya divedok daripada bahasa Latin. Kalau kita menggalakkan Dewan Bahasa dan Pustaka meneruskan membuat istilah ini juga akan memakan masa dan perbelanjaan.

Dato Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bahasa dan Pustaka cuma berusaha sedaya upaya kalau ada satu istilah kita tidak dapat mengadakan satu istilah baru tentulah menggunakan istilah perubatan dari bahasa Inggeris. Kalau ada persamaan dengan apa

yang telah dicatat di dalam bahasa Inggeris ini akan memudahkan kita membuat rujukan dan sebagainya.

DISIPLIN BAGI PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA DI LUAR NEGERI

3. **Tuan Haji Ibrahim bin Muhamad** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan bagi meninggikan disiplin dan semangat cintakan negara di kalangan pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri. Dan apakah Kerajaan sedar bahawa setengah-setengah penuntut Jurusan Perubatan yang dihantar dengan Biasiswa Kerajaan keluar negeri seperti di Indonesia menghadapi masalah terutama untuk lulus di pusat-pusat pengajian mereka.

Dato Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, jawapan ini barangkali agak panjang, jadi saya minta izin. Bagi meninggikan disiplin dan semangat cintakan negara di kalangan pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri Kerajaan telah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

Semua penuntut yang dihantar keluar negeri di bawah Rancangan Bersama iaitu di bawah anjuran Kementerian Pelajaran, MARA, Jabatan Perkhidmatan Awam, Lembaga Letrik Negara, PETRONAS dan RISDA adalah dimestikan hadir dalam kursus-kursus orientasi yang diadakan sebelum mereka bertolak ke seberang laut. Kursus orientasi ini diadakan bersama oleh penganjur-penganjur tersebut tadi di salah sebuah sekolah yang berasrama untuk selama 4 atau 5 hari dan ianya berbentuk kursus kediaman. Penuntut-penuntut yang menyertai kursus ini adalah diberi taklimat mengenai dasar-dasar negara, syarahan-syarahan mengenai agama, aktiviti dan kegiatan pelajar-pelajar di seberang laut serta juga menyentuh pengaruh-pengaruh yang tidak diingini dan seharusnya dijauhi oleh penuntut-penuntut di tempat pengajian mereka seperti ajaran-ajaran agama yang sesat atau dakwah yang menyeleweng dan kegiatan politik yang bertentangan dengan keperibadian nasional.

Selain dari itu pegawai-pegawai daripada Jabatan-jabatan Penuntut Malaysia di seberang laut juga dipanggil balik untuk

memberi ceramah atau taklimat kepada penuntut-penuntut ini tentang keadaan hidup di negara-negara masing-masing.

Di samping itu Kerajaan juga menghantar dokumen-dokumen, makalah-makalah dan penerangan-penerangan mengenai pembangunan sosial dan ekonomi di Malaysia. Dokumen-dokumen, makalah-makalah dan risalah-risalah dikemukakan kepada pelajar-pelajar melalui Jabatan Penuntut Malaysia di luar negeri. Bagi negara-negara yang tidak mempunyai Jabatan Penuntut Malaysia perkara ini disalurkan melalui Kedutaan dan wakil-wakil Kerajaan Malaysia tempatan. Kerajaan juga melalui Jabatan Penuntut Malaysia sering memberi bantuan kepada pertubuhan-pertubuhan Malaysia di seberang laut untuk mengadakan perayaan-perayaan Hari Kebangsaan dan sebagainya untuk meninggikan semangat cintakan negara.

Mulai tahun hadapan, penganjur-penganjur di bawah Rancangan Bersama ini bercadang akan mengadakan Kursus Reorientasi bagi semua penuntut-penuntut di luar negeri yang akan dipanggil pulang selepas pengajian tahun ketiga mereka. Ini bertujuan melengkapkan mereka dengan perkembangan semasa di tanah air di samping menanam dan memperkuat semangat dan kesedaran mereka sebagai warganegara yang berdisiplin dan taat kepada negara Malaysia kita.

Masalah Penuntut-penuntut Jurusan Perubatan

Kursus perubatan baik di dalam mahupun di luar negeri adalah merupakan kursus yang sukar dan kompetitif. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar yang ditaja dan mengambil jurusan ini perlulah tekun, rajin dan sentiasa berusaha untuk lulus sebarang ujian universiti di mana mereka belajar. Adalah didapati masalahnya ada berbeza-beza di antara satu negara dengan negara yang lain dan terdapat pelajar-pelajar kita menghadapi masalah penyesuaian diri dengan sistem pengajaran di tempat mereka belajar. Di samping itu pula mereka jua sering menghadapi masalah peribadi. Memandangkan pihak Kerajaan kita telah memberi segala bantuan dan kemudahan-kemudahan kepada pelajar-

pelajar amatlah perlu pelajar-pelajar ini pula mengambil kesempatan untuk menumpukan sepenuh perhatian mereka kepada pelajaran bagi mencapai kejayaan yang diharap-harapkan.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak bertanya sama ada benar atau tidak orientasi yang dicadangkan itu hanya melibatkan penuntut-penuntut scholarship Kerajaan sahaja, jika tidak, bagaimanakah Kerajaan dapat berhubung dengan penuntut-penuntut swasta di luar negeri.

Dato Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penuntut-penuntut swasta (private students) melalui Jabatan Penuntut Malaysia kita atau students centre dan sebagainya di seberang laut, kita selalu mengadakan pintu terbuka kepada mereka. Bila kita adakan ceramah-ceramah atau taklimat dan sebagainya oleh jabatan itu, kita selalu menyebarkan makluman ini kepada mereka memberitahu mereka supaya mereka dapat datang di tempat-tempat tertentu untuk menerima penerangan, taklimat dan sebagainya. Baharu-baharu ini kita telahpun mengadakan satu pendaftaran supaya melalui pendaftaran itu kita akan dapat tahu alamat mereka dan apabila kita hendak beri penerangan-penerangan atau mengadakan majlis-majlis dan sebagainya, kita akan dapat berhubung dengan mereka. Ini saya fikir satu langkah yang baik untuk mereka dan sukalah saya menegaskan di sini sekali lagi bahawa jabatan dan juga pusat-pusat kita itu selalulah terbuka kepada mereka.

Tuan Haji Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya tindakan yang diambil oleh Kementerian Pelajaran terhadap penuntut-penuntut sebelum bertolak ke England itu begitu baik sekali dengan ada kursus dan sebagainya dan apabila mereka berada di sana dihantar pula document-document, risalah-risalah itu adalah baik sekali tetapi adakah Kementerian Pelajaran sedar bahawa apabila kanak-kanak berada di sana ada pertubuhan-pertubuhan yang tidak bertanggungjawab pergi menghasut penuntut-penuntut di sana sehingga mereka ini sudah serba salah dan menentang Kerajaan balik. Dan kalau ada, adakah Kementerian ini bercadang hendak

menghantarkan pemimpin-pemimpin daripada Kerajaan supaya pergi ber-dailog—berbincang dengan penuntut-penuntut di sana in the near future, dengan izin.

Dato Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, "in the near future" bahkan kita sudah buat—kita sudah ada. Jadi, kita berharaplah jika ada Ahli-ahli Yang Berhormat dapat berpeluang pergi ke seberang laut, jikalau ada dijemput, sila hadir (*Ketawa*).

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Yang Berhormat telah menyebutkan tadi bahawa beliau menyedari iaitu selepas orientasi yang diadakan di sini ada pula pemimpin yang tidak bertanggungjawab, yang tidak rasmi pergi mengorientasikan pelajar-pelajar ini dengan dasar-dasar dan fahaman yang berlainan dengan keadaan yang sebenar dalam negara kita. Jadi berapa kalikah orientasi ini diadakan dalam setahun kepada pelajar-pelajar ini untuk menerangkan keadaan yang sebenar dalam negara kita, dan apakah peranan Ataci Pelajaran yang ada di Kedutaan itu dalam memupukkan semangat cintakan tanahair kepada pelajar-pelajar tersebut.

Dato Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan memberikan orientasi, sebelum mereka pergi, kita sudah berikan orientasi yang berkaitan dengan sekolah-sekolah. Jadi lepas tiga tahun di antara tahun yang pertama dengan tahun yang ketiga sebelum mereka balik, antara masa itu ada diberikan orientasi seperti mengadakan ceramah dan sebagainya. Orientasi yang diberikan ini ialah mengenai penerangan yang berkaitan dengan perkembangan negara kita khususnya "the recent development of our country" dan sebagainya. Setakat hari ini kita fikir dengan penerangan-penerangan ini dan juga dengan mengadakan dailog dan sebagainya, kadangkala Menteri-menteri juga ada ber-dailog dengan mereka bila mereka berada di sana dan juga barangkali melalui kumpulan daripada CPA kami juga kadangkala ber-dailog dengan mereka. Dan daripada Kementerian Pelajaran melalui Jabatan Penuntut di seberang laut, kita pun selalu ada membuat anjuran yang semacam

ini. Dengan ini, saya fikir tentulah tiap-tiap penuntut yang diberikan orientasi itu akan mempunyai cukup penerangan dalam berbagai hal.

Ada satu soalan tadi mengatakan bahawa ada orang-orang barangkali yang tidak bertanggungjawab untuk memberikan ceramah-ceramah yang menyeleweng daripada dasar dan sebagainya. Ini tentu kita tidak membenarkan. Jikalau ada, tentulah mereka itu kena berjaga-jaga, dan ini tentu kita akan ambil tindakan yang tegas sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Suara Yang Berhormat Timbalan Menteri kadang-kadang terang kuat kadang-kadang lemah sahaja (*Ketawa*).

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, masalah disiplin ini boleh wujud bukan sahaja di kalangan penuntut-penuntut yang ditaja oleh Kerajaan bahkan juga di kalangan penuntut-penuntut swasta. Dan setakat hari ini pihak Kementerian Pelajaran telahpun menganjurkan kursus orientasi dan reorientasi kepada penuntut-penuntut tajaan Kerajaan. Soalan saya, apakah pihak Kementerian Pelajaran boleh menimbangkan supaya kursus orientasi juga diberikan kepada penuntut-penuntut swasta sebelum mereka itu berangkat keluar negeri.

Dato Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu cadangan yang baik dan apabila kita dapat satu pendaftaran yang lengkap, barangkali kita boleh timbangkan cadangan itu.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Pelajaran sedar bahawa orang yang paling selalu berhubung dengan penuntut-penuntut di luar negeri ini ialah ibubapa ataupun saudara mara mereka dan adakah Kementerian Pelajaran sudah berikhtiar supaya menghubungi ibubapa dan penjaga kepada penuntut di luar negeri ini untuk menggalakkan mereka menghantar berita-berita yang benar berkenaan dengan negara ini kepada anak-anak mereka ataupun kepada keluarga mereka yang dijaganya yang sedang menuntut di luar negeri.

Dato Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar atas perkara ini.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya banyak pemimpin-pemimpin negara melawat ke luar negeri dan berjumpa dengan penuntut. Apakah kerana saranan daripada pemimpin-pemimpin itu sudah out of date, maka tidak dapat pemimpin-pemimpin itu mempengaruhi sehingga mereka terpaksa menerima pemikiran daripada orang lain.

Yang kedua, ialah apakah yang dimaksudkan dengan disiplin itu kerana kadang-kadang ada pelajar-pelajar yang memakai pakaian yang menutup aurat dianggap oleh Kementerian sebagai tidak berdisiplin dan ada pelajar-pelajar yang digantung, misalnya, pelajar-pelajar yang mengikuti latihan guru digantung sematamata kerana mereka memakai purdah, misalnya.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan bahagian pertama itu tidak payah dijawab, itu melanggar Peraturan Mesyuarat. Yang keduanya bolehlah jawab.

Dato Chan Siang Sun: Yang kedua saya pun.....

Tuan Yang di-Pertua: Tentang pakaian ini benarkah itu dianggap tidak berdisiplin kalau pakai dakwah.

Dato Chan Siang Sun: Itu tidak benar.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Disiplin yang dimaksudkan itu?

Tuan Yang di-Pertua: Itu tanyalah sendiri, tidak payah tanya dengan Timbalan Menteri, menghabiskan masanya sahaja!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato Michael Chen Wing Sum.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 4.

BURUH INDONESIA/PERMIT KERJA

4. **Tuan Au How Cheong** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada Kerajaan akan

menimbang memandangkan kekurangan tenaga buruh dan juga menimbang mengesahkan (legalise) buruh-buruh Indonesia yang telah memasuki ke negara ini secara haram dengan cara melonggarkan atau dimansuhkan sepenuhnya sistem permit kerja yang mana sekarang dikenakan ke atas penduduk-penduduk menetap kekal di negara ini.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak akan mengesahkan (legalise) pendatang-pendatang haram yang masuk ke negeri kita. Jika sekiranya Kerajaan berpendapat bahawa adalah perlu bagi pekerja-pekerja asing diambil bekerja di negara ini maka akan dijalankan mengikut peraturan-peraturan yang betul dan correct.

Mengenai pengeluaran permit kerja kepada penduduk-penduduk tetap di negara ini, Kerajaan adalah berpuas hati dengan penguatkuasaannya dan pada masa ini tidak bercadang untuk memansuhkannya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Peter Paul Dason.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, dengan izin, soalan No. 5.

MAJLIS PERBANDARAN NEGERI PULAU PINANG—PEMBERIAN LANGSUNG

5. **Tuan Karpal Singh** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan jumlah amaun wang yang diberi kepada kedua-dua majlis perbandaran yang terdapat di Negeri Pulau Pinang baikpun secara pemberian langsung atau pinjaman bagi tahun 1978, 1979 dan 1980.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, jumlah wang yang diberi kepada kedua-dua Majlis Perbandaran di Negeri Pulau Pinang oleh Kementerian saya baikpun secara pemberian langsung atau pinjaman adalah seperti berikut:

	1978	1979	1980
Majlis Perbandaran Pulau Pinang	\$1,957,500.00	\$4,139,793.00	\$ 4,787,500.00
Majlis Perbandaran Seberang Perai	\$ 305,828.65	\$4,985,741.00	\$ 5,378,472.01
JUMLAH:	\$2,263,328.65	\$9,125,534.00	\$10,165,972.01

BURUH MALAYSIA DI SINGAPURA

6. **Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan berapa jumlah buruh Malaysia yang bekerja di Singapura dan nyatakan bilangannya bagi tiap-tiap negeri.

Dato K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa terdapat sebilangan rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura. Akan tetapi bilangan angka yang tepat tidak dapat ditentukan.

PERKEMBANGAN ANGKATAN TENTERA

7. **Tuan Hussein bin Mahmood** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Angkatan Bersenjata Negara ini dilengkapi dengan segala peralatan yang moden sesuai dengan zaman dan mengikut kehendak keperluan keselamatan di rantau ini dan persediaan yang telah dibuat untuk menghadapi segala kemungkinan pencerobohan dari luar bagi mempertahankan negara ini.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah Kementerian yang bertanggungjawab dalam soal pertahanan, ianya adalah sentiasa mengkaji dari masa ke semasa perkembangan Angkatan Tentera supaya sejajar dengan keadaan keselamatan di seluruh negara dan di sekitar rantau ini, bukan sahaja dari kelengkapan pertahanan, tetapi juga dari segi kekuatan anggota dan peningkatan mutu latihan peperangan.

Kementerian saya telahpun membentuk rancangan-rancangan pertahanan yang difikirkan lengkap dan praktik setimpal dengan kemampuan negara untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang berupa ancaman, sama ada ancaman dari dalam ataupun luar negeri.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah memperuntukkan perbelanjaan yang besar untuk pertahanan negara. Langkah pembesaran dan perkembangan termasuk pembelian kelengkapan yang lebih moden dan sophisticated untuk ketiga-tiga perkhidmatan Angkatan Tentera telah dan sedang

dijalankan. Pada masa ini tentera kita adalah dibekalkan dengan berbagai kelengkapan moden termasuk senjata-senjata dan peralatan-peralatan sejajar dengan keperluan dan kemampuan negara.

JAWATAN PENGUASA KASTAM

8. **Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad** minta Menteri Kewangan menyatakan peratus kekosongan bagi jawatan-jawatan Penguasa Kanan Kastam, Penguasa Kastam dan Penolong Penguasa Kastam sebelum dan selepas pelancaran "Operasi Isi Penuh" sehingga sekarang. Apakah kesan kekurangan kakitangan ini terhadap penguatkuasaan pengutan cukai terutama jualan, yang perlu dipungut dari pengeluaran-pengeluar selepas pengguna-pengguna membayar cukai ini kepada Kerajaan melalui pengeluaran-pengeluaran tadi. Sama ada beliau sedar tentang kelemahan dalam memungut cukai ini (cukai jualan) sehinggakan menimbulkan keraguan sama ada cukai yang dibayar oleh pengguna itu sampai kepada Kerajaan sepenuhnya. Jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil supaya semua cukai yang telah dibayar itu dijamin akan dipungut oleh Kerajaan dan tidak masuk kantung pengeluar.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, peratus kekosongan bagi jawatan-jawatan Penguasa Kanan Kastam, Penguasa Kastam dan Penolong Penguasa Kastam sebelum dan selepas Operasi Isi Penuh adalah seperti berikut:

Bagi jawatan Penguasa Kanan Kastam, peratus kekosongan sebelum Operasi Isi Penuh ialah 70%, peratus kekosongan selepas Operasi Isi Penuh adalah sama juga iaitu 102 orang. Bagi jawatan Penguasa Kastam, peratus kekosongan sebelum Operasi Isi Penuh ialah 20.3%, selepas Operasi Isi Penuh semua jawatan telah diisi.

Bagi jawatan Penolong Penguasa Kastam, peratus kekosongan sebelum Operasi Isi Penuh ialah 15%, selepas Operasi Isi Penuh peratus kekosongan ialah 1% atau 2 orang.

Sungguhpun peratus kekosongan Penguasa Kanan Kastam adalah tinggi, Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja belum pernah menghadapi masalah besar untuk menguatkuasakan pungutan cukai termasuk pungutan cukai jalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, temuduga untuk jawatan-jawatan Penguasa Kanan Kastam sedang dijalankan dan dijangka akan diisikan tidak lama lagi.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Mengikut Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara yang menyebutkan bahawa cukai-cukai jualan telah tidak dikutip dengan memuaskan kerana kekurangan pegawai dan sekadar manakah Kementerian Kewangan dapat meyakinkan Dewan ini bahawa cukai-cukai itu dapat dipungut supaya cukai-cukai yang dibayar oleh rakyat kepada Kerajaan, tidak dimasukkan dalam kantung pengeluaran-pengeluar sahaja.

Dato' Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah diluluskan.

SKIM PINJAMAN PERUMAHAN

9. Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa penduduk luar bandar terpaksa mendirikan rumah-rumah mereka secara tunai. Jika sedar, adakah Kerajaan bercadang menyediakan satu skim pinjaman perumahan untuk membantu penduduk luar bandar yang berkelayakan mendirikan rumah, memandangkan harga bahan binaan yang melambung tinggi pada masa ini.

Dato Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah pun ditugaskan untuk mengendalikan skim pinjaman perumahan bagi golongan berpendapatan rendah sejak Kerajaan meluluskan peruntukannya dalam tahun 1976. Skim ini bukan sahaja dikhaskan untuk penduduk luar bandar tetapi juga untuk mereka yang di dalam golongan berpendapatan rendah yang mempunyai syarat-syarat seperti yang ditetapkan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setahu saya salah satu daripada syarat untuk mendapatkan

pinjaman perumahan hendaklah tanah yang berkenaan mesti bergeran. Kalau tidak permohonan tidak dapat dilayan. Bolehkah Kementerian berkenaan mengubah syarat tersebut kerana banyak peminjam-peminjam yang kurang berada khususnya tentulah mereka itu tidak bertanah, apatah lagi ada bergeran, dengan menjadikan satu jaminan cara penjamin di samping jaminan cagar tanah berkenaan walaupun tidak bergeran.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Satu cukuplah dahulu, panjang sangat.

Dato Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, memang betul satu daripada syarat untuk pinjaman itu ialah pemohon itu mempunyai tanah sendiri yang bergeran, tetapi pada akhir-akhir ini, Kementerian saya telahpun menimbang kelonggaran di mana tanah kepunyaan orang lain juga boleh digunakan untuk cagar bagi pinjaman itu, tetapi sukacita saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat mana-mana pemohon yang tidak mempunyai tanah langsung sudah tentulah menghadapi kesulitan untuk membina rumah daripada wang pinjaman itu sendiri.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar pada hari ini bagi mereka yang bekerja dengan Kerajaan, maka mereka boleh mendapat pinjaman daripada Kerajaan dan bagi mereka yang tinggal di bandar besar atau pun bandar kecil Kerajaan ada menyediakan skim Perumahan Awam Kos Rendah, tetapi bagi penduduk-penduduk kampung hari ini mereka merasa begitu sukar sekali untuk mendirikan rumah. Jadi soalan saya berbalik kepada kenyataan Timbalan Menteri tadi, saya ingin bertanya setakat hari ini berapakah jumlah rumah ataupun berapakah jumlah kewangan yang telah disediakan ataupun yang telah diberi pinjaman kepada penduduk luar bandar sama ada penoreh getah, penanam padi ataupun nelayan untuk mendirikan rumah?

Dato Haji Zakaria bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, tujuan skim pinjaman perumahan ini diadakan oleh Kerajaan

melalui Kementerian saya ialah untuk membantu golongan berpendapatan rendah membina rumah mereka sendiri seperti juga kemudahan yang diperolehi oleh mereka daripada lain-lain sektor sebagaimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu dan kadar faedah yang dikenakan untuk pinjaman itu ialah 5½% setahun sama dengan kadar faedah yang dikenakan untuk mereka yang mendapat rumah awam kos rendah yang dibina oleh Kerajaan. Dengan yang demikian, sekiranya penduduk-penduduk golongan berpendapatan rendah yang berjaya mendapat pinjaman ini mereka juga dianggap mendapat kemudahan sama dengan mereka yang dapat rumah daripada pembahagian rumah awam kos rendah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat peruntukan sebanyak \$10 juta telahpun diperuntukkan bagi Tabung Pusingan Skim Pinjaman ini dan setakat ini pada anggaran kasarnya separuh daripada peruntukan itu telahpun dikeluarkan kepada pemohon-pemohon daripada berbagai skim yang termasuk di bawah skim pinjaman ini. Angka mengikut pecahan petani, nelayan, penoreh getah, pekerja lombong dan sebagainya tidak dapat saya berikan sekarang ini dan saya memerlukan notis.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Timbalan Menteri setahu saya maksima pinjaman bagi rumah luarbandar ini ialah sebanyak \$7,500 dan pinjaman ini adalah alang-kepalang bagi mendirikan sebuah rumah. Apakah pihak Kementerian bercadang untuk menambah maksima ini kepada \$20,000 dan juga bagaimanakah cara bayaran balik yang dikenakan atau syarat pinjaman yang ada sekarang serta jangka masa yang dikenakan.

Dato Haji Zakaria bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, memang benar pada masa sekarang had pinjaman ditetapkan tidak melebihi \$7,500 bagi satu-satu pinjaman tetapi Kementerian saya sedang menimbangkan kemungkinan jika didapati sesuai dan perlu had ini akan dinaikkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menyatakan di antara beberapa syarat pinjaman ini kerana saya dapati ramai di

antara Ahli Yang Berhormat yang begitu tertarik dengan skim pinjaman ini.

Tuan Yang di-Pertua: Panjangkah Yang Berhormat?

Dato Haji Zakaria bin Abdul Rahman: Tidak berapa panjang butirnya sahaja, inipun berhubung dengan apa yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat tadi termasuk jangka masa bayaran balik dan tanah geran . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang itu sahajalah, yang lain boleh diedarkan dengan bertulis.

Dato Haji Zakaria bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, apa yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih tadi, tempoh bayaran balik pinjaman itu adalah di antara 5-25 tahun.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka mendapat tahu daripada Timbalan Menteri berkenaan iaitu ada pinjaman yang telah diluluskan oleh Kementerian berkenaan telah lama tetapi wangnya tidak diberi oleh pihak berkenaan. Salah satu sebabnya ialah banyak tangga, misalnya, permohonan yang datang daripada Perlis, dihantar ke Ibu Pejabat Kementerian Perumahan, kemudian ada satu tangga pula pejabatnya di Alor Setar, asalnya daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis. Jadi, maksud saya adakah Kementerian sedar permohonan telah lulus tetapi lama tidak dapat wang pinjaman seperti saya katakan tadi. Kalau sedar, adakah Kementerian bercadang untuk direct daripada Kuala Lumpur terus ke Ibu Pejabat Negeri berkenaan.

Dato Haji Zakaria bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, aturan pentadbiran yang diamalkan sekarang bagi memproses permohonan pinjaman di bawah skim pinjaman perumahan ini pada masa ini dilaksanakan oleh Jabatan Perumahan Negara di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui pejabat-pejabat wilayah Jabatan Perumahan Negara yang ada di utara, selatan, timur dan tengah. Bagi kawasan utara sebagaimana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ada pejabat Wilayah Jabatan Perumahan Negara yang beribu-pejabat di Alor Setar dan

pejabat inilah yang memproses segala permohonan yang datang di kawasan utara termasuk negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, cara yang diamalkan sekarang ini adalah dijangka cara yang paling cepat sekiranya Ibupejabat di Kuala Lumpur menguruskan semua sekali memproses pinjaman itu dan menyiasat tiap-tiap pinjaman itu adalah dijangka akan melambatkan lagi kelulusan sesuatu permohonan itu. Sukacita saya memaklumkan bayaran yang dibuat kepada tiap-tiap permohonan yang telah diluluskan adalah mengikut 4 peringkat. Peringkat pertama, bayaran 30% setelah siap tapak tanah dan kerja asas untuk mendirikan rumah. Peringkat kedua, 25% ialah setelah siap rangka tetulang, lantai dan bumbung dan peringkat ketiga 30% setelah siap kerja memasang dinding, rangka pintu dan tingkap serta kerja dalam rumah dan peringkat keempat setelah siap kerja memasang bekalan air paip, bekalan elektrik setelah kerja pembinaan dan pengesahan oleh akitek Jabatan Perumahan Negara atau Majlis Perbandaran di mana pinjaman ini diluluskan, dan sukacita saya mengatakan bahawa aturan-aturan ini perlu diikiuti sekarang ini bagi menentukan pinjaman yang diluluskan kepada pemohon itu tidak digunakan untuk lain tujuan yang tidak memberi faedah kepada pemohon itu sendiri.

PERSIDANGAN ANTARABANGSA MENGENAI KAMPUCHEA

10. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Luar Negeri menyatakan oleh kerana Kerajaan Hanoi telah berturut-turut enggan untuk mempersetujui supaya diadakan Persidangan Antarabangsa mengenai Kampuchea; adakah ia mendatangkan apa-apa faedah kepada Malaysia khususnya dan Negara-negara ASEAN pada 'amnya bagi mengadakan dialog dengan HANOI.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa Vietnam hingga masa ini enggan untuk turut serta di dalam satu Persidangan Antarabangsa mengenai Kampuchea. Walaupun demikian, ASEAN

dan penyokong-penyokong resolusi Bangsa-bangsa Bersatu (BBB) No. 35/6 mengenai keadaan di Kampuchea adalah nekad bahawa Setiausaha Agung BBB hendaklah mengadakan Persidangan Antarabangsa itu. Oleh kerana Vietnam merupakan pihak yang penting dalam pertikaian ini berikutan dari pencerobohan dan pendudukan tentera Vietnam yang berterusan di Kampuchea, Malaysia dan ASEAN berpendapat bahawa adalah perlu supaya perbincangan dua hala (bilateral) dengan Vietnam diteruskan. Melalui perbincangan dua hala ini kelak Vietnam dapat digalakkan supaya bekerjasama dan lebih bertolak ansur dalam usaha mendapatkan satu penyelesaian politik terhadap konflik tersebut. Dengan perantaraan dialog-dialog seumpama itu juga ASEAN akan dapat menyakinkan kepada Vietnam bahawa jika pertikaian ini dibiarkan berlarutan, ianya tidak akan menguntungkan sesiapa, malah sebaliknya akan membahaya dan menggugatkan keamanan dan kesetabilan rantau Asia Tenggara di samping kemungkinan campurtangan yang aktif dari kuasa-kuasa besar. Penyelesaian politik terhadap pertikaian Kampuchea ini adalah untuk kebaikan semua negara di Asia Tenggara termasuk Vietnam. Ia juga selaras dengan cita-cita ASEAN untuk mewujudkan satu rantau Asia Tenggara yang aman bebas dan berkecuali.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, sekejap tadi Yang Berhormat Mulia Menteri menyebut soal perbincangan dua hala di antara negara-negara ASEAN dengan Vietnam dan beliau juga ada menyebut mengenai faktor tolak-ansur. Soalan saya setakat hari ini apakah kesan-kesan tolak-ansur yang dapat dirasakan oleh Malaysia ataupun ASEAN dan juga oleh Vietnam atau Kampuchea hasil daripada perbincangan dua hala ini.

Tengku Dato Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya sebutkan tadi iaitu Persidangan antarabangsa yang diputuskan di Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu, Vietnam telahpun tidak bersetuju, tetapi Vietnam dan negara-negara di Indo-China telahpun mencadangkan satu cadangan iaitu mengadakan Persidangan

Serantau (Inter-national Regional Conference) dan sebaliknya kita juga sedia mencadangkan pada masa sekarang ini kita mengadakan dialog ataupun perjumpaan bilateral. Kita suka juga mengatakan iaitu kita tidak bersetuju mengadakan Regional Conference dan kita juga ada mencadangkan Regional Konsultasi sebagai lanjutan daripada apa yang dilakukan pada masa sekarang ini agar dengan cadangan ini tolak-ansur bagi pihak Vietnam akan dapat sedikit sebanyak diberikan dan kita dapat mencapainya penyelesaian politik ini pada masa akan datang. Sungguhpun begitu kita nampak buat masa sekarang ini belum lagi irreversibility, tidak begitu reversible lagi bagi pihak Vietnam. Kita harap pada masa akan datang demi kepentingan rantau ini kita akan dapat satu penyelesaian politik demi kepentingan rantau ini.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, conflict mengenai Kampuchea dan Vietnam ternyata didalangi oleh kuasa-kuasa besar. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Mulia Menteri apakah peranan ataupun dapat kiranya beliau menghuraikan apakah yang telah dibuat oleh ASEAN terutamanya Malaysia supaya mengadakan tekanan-tekanan yang termampu terhadap peranan kuasa-kuasa besar untuk menyelesaikan masalah yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini ada terkeluar sedikit daripada soal asal, tetapi kalau Yang Berhormat Mulia hendak menjelaskan boleh juga.

Tengku Dato Ahmad Ridthaudeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum kita telahpun mencadangkan iaitu di atas konsep aman, bebas dan berkecuali iaitu ZOPFAN ini supaya di atas konsep inilah pihak-pihak Vietnam dan juga negara-negara Indo-China yang lain dapat mempersetujuan di atas konsep ini agar campurtangan kuasa-kuasa besar tidak begitu terlibat dan akan terancamnya kedudukan negara di sekitar kawasan ini. Itulah satu daripada cadangan yang mana Malaysia memainkan peranan yang penting di atas apa yang Dewan ini sedia maklum iaitu Deklarasi Kuala Lumpur menjadi satu asas di mana kita Malaysia tekankan supaya

dapat mencapai matlamat konsep ZOPFAN ini.

KEMALANGAN JALANRAYA BAGI BAS-BAS PENUMPANG

11. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah beliau sedar bahawa beberapa kemalangan jalanraya melibatkan bas-bas penumpang telah berlaku dan apakah tindakan yang akan diambil untuk mencegah kemalangan-kemalangan seperti ini daripada berlaku oleh kerana banyak nyawa telah hilang dan ramai yang telah menjadi mangsa kemalangan sejak tahun 1979 hingga 1980.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teck): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa terdapat beberapa kemalangan jalanraya yang melibatkan bas-bas penumpang. Tindakan-tindakan telah, sedang dan akan terus diambil untuk mencegah kemalangan jalanraya dari berlaku. Berhubung dengan kenderaan perkhidmatan awam seperti bas-bas penumpang pihak Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan sentiasa menjalankan penguatkuasaan yang lebih teliti misalnya:

- (i) Memeriksa keadaan kenderaan.
- (ii) Menentukan kenderaan tersebut tidak melebihi had laju yang dibenarkan.
- (iii) Menentukan kenderaan tersebut tidak membawa penumpang yang lebih dan lain-lain.
- (iv) Penelitian yang rapi apabila menimbangkan permohonan mendapat lesen memandu bas; dan
- (v) Pemeriksaan yang teliti setiap 6 bulan bagi kenderaan perkhidmatan awam.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian yang berkenaan sedar kemalangan yang berlaku kerana pelanggaran dan kerap kali yang telah menjadi mangsa ialah jenis-jenis yang lebih kecil misalnya kalau pelanggaran di antara satu.....

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah misal, panjang sangat.

Tuan Shaari bin Jusoh: yang lebih kecil. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi telah dihadkan oleh Kementerian yang berkenaan, pengangkutan yang lari melebihi had lajunya akan diambil tindakan sebagaimana kata Timbalan Menteri tadi. Saya ingin mendapat tahu adakah Kementerian bercadang akan mengadakan sekatan-sekatan cara mengejut selalu sebab yang saya kata adakah akan dicadangkan walaupun dikatakan ada, tetapi setakat setahu saya tidak ada di jalan-jalan kerana selalu saya berjalan saya tidak nampak. Jadi macammana saya katakan tadi salah satu sebab sebagaimana kata Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana laju yang dihadkan tidak diikuti dan ini kerap kali berlaku. Kalaulah kenderaan tersebut tidak mengikut had laju adakah Kementerian bercadang akan mengadakan selalu sekatan secara pemeriksaan mengejut, jangan macam sekarang kadang-kadang sampai 3-4 jam boleh pihak-pihak pemandu kenderaan memberi syarat dahulu, buat satu teknik cara baru. Adakah Kementerian bercadang akan mengadakan satu-satu pemeriksaan.....

Tuan Yang di-Pertua: Sudah-sudah! Sudah tiga kali ulang perkara itu. (*Ketawa*).

Tuan Shaari bin Jusoh: Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua akan menjadikan satu denda yang besar kepada kenderaan-kenderaan yang agak besar.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian akan mengambil perhatian di atas pandangan Ahli Yang Berhormat itu. (*Ketawa*)

PERTIKAIAN IRAN-IRAQ

12. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah penerangan lanjut yang dibuat oleh wakil Iran telah datang ke Malaysia semasa perjumpaan mereka dengan beliau berikutan daripada persidangan negara-negara Islam di Taif.

Tengku Dato Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, Lawatan Utusan Khas Kerajaan Iran ke Malaysia pada tanggal 7hb-11hb Februari, 1981 ialah untuk

menyampaikan utusan daripada Perdana Menteri Iran kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang menjelaskan pendirian Iran dalam pertikaian Iran dengan Iraq. Perdana Menteri Iran telah menjemput Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, melawat Iran dalam konteks pencarian penyelesaian pertikaian Iran-Iraq.

Semasa lawatannya ke Malaysia Utusan Khas Iran telah mengunjungi Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pemangku Menteri Luar dan pegawai-pegawai Malaysia yang berkenaan.

Beliau telah juga mengunjungi Pusat Islam untuk mendapat taklimat mengenai perkembangan Islam di Malaysia. Utusan Khas Iran ini telah menyatakan rasa puas hati terhadap lawatannya, lebih-lebih lagi tentang pendirian Kerajaan Malaysia yang benar-benar ingin berkecuali dalam pertikaian kedua-dua negara Islam, dan kesediaan Malaysia untuk memainkan peranan dalam usaha mencari penyelesaian pertikaian Iraq-Iran.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kata Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi, kunjungan daripada Iran untuk membuat satu tawaran supaya Perdana Menteri kita melawat Iran. Jadi, apakah sikap Kerajaan kita pada hari ini dan adakah Perdana Menteri akan melawat Iran di atas jemputan pihak Menteri yang berkenaan.

Tengku Dato Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, di atas jemputan itu bagi pihak kita, kita menerima dan kita sedia mengunjungi, tetapi di atas masa dan sebagainya perlulah kita mendapat persefahaman bersama pada masa yang sesuai.

BUKU BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH RENDAH

13. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa buku-buku Bahasa Inggeris yang diluluskan dan sedang dipakai di sekolah rendah itu tidak ditulis dalam Bahasa Inggeris yang betul dan apakah langkah-langkah akan

diambil oleh Kementerian beliau untuk memastikan bahawa standard/mutu Bahasa Inggeris yang diajar di sekolah-sekolah tidak akan jatuh malah akan bertambah baik.

Dato Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran memang menyedari akan adanya beberapa kesilapan-kesilapan dari segi percetakan, ejaan dan sebagainya di dalam buku-buku teks yang sedang dipakai di sekolah-sekolah rendah termasuklah buku-buku teks Bahasa Inggeris. Oleh itu, Kementerian saya telahpun mengambil tindakan untuk menjalankan kajian semula ke atas semua buku-buku teks tersebut. Sebarang kesalahan-kesalahan yang didapati akan dikemukakan kepada penerbit berkenaan untuk pembedaan.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, demi menjaga supaya tidak timbulnya kesalahan ejaan dan sebagainya bukan sahaja di dalam buku Bahasa Inggeris, bahkan juga buku-buku teks yang lain; apakah Kementerian Pelajaran bercadang supaya sebelum sesebuah buku itu diedarkan maka setelah ianya dicetak copy yang pertama hendaklah disemak dahulu oleh Bahagian Biro Buku Teks Kementerian Pelajaran dan sekiranya segala-galanya beres barulah buku-buku berkenaan disebarkan ke sekolah-sekolah yang dibantu oleh Kementerian Pelajaran

Dato Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, memang kita ada cara semacam itu buat masa sekarang.

ASEAN PERTUKARAN RANCANGAN TV/RADIO

14. Dato Haji Yusof bin Malim Kuning minta Menteri Penerangan menyatakan adakah Kerajaan bercadang hendak mengadakan kerjasama dengan Anggota-anggota ASEAN lainnya di segi siaran televisyen melalui satelit bumi kita di Kuantan supaya semua rancangan televisyen di lima-lima negara dapat dinikmati bersama dengan secara langsung tidak seperti keadaan yang ada pada hari ini di mana siaran langsung hanya dapat ditonton oleh penduduk-penduduk di tepi sempadan sahaja.

Menteri Penerangan (Dato Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan telah dan akan terus bekerjasama dengan negara-negara ASEAN dalam bidang penukaran rancangan TV dan Radio. Sebagai misalan ialah penukaran rancangan-rancangan radio dan TV dengan TVRI dan RRI iaitu "Titian Muhibah" dan "Salam Muhibah". Bahan-bahan rancangan yang lain juga saling ditukar antara institusi-institusi penyiaran negara-negara anggota ASEAN. Selain dari itu kunjungan-kunjungan muhibah juga dilakukan. Umpamanya Orkes RTM telah melawat ke Indonesia dan Singapura tidak berapa lama dahulu dan baru-baru ini Orkestra Singapore Broadcasting Corporation telah melakukan lawatan muhibah ke sini dan membuat persembahan konsert. Orkestra daripada Radio dan Televisyen Republik Indonesia telah juga menyatakan persetujuan mengadakan pertunjukan di sini nanti. Pertubuhan Penyiaran negara-negara ASEAN juga saling bekerjasama dalam bidang liputan peristiwa-peristiwa yang penting seperti Persidangan Ketua-ketua Negara ASEAN dan beberapa liputan tertentu khususnya di bidang sukan.

Mengenai perkara semua rancangan-rancangan televisyen di lima-lima negara anggota ASEAN dinikmati bersama secara langsung, perlulah saya menerangkan di sini bahawa ianya sukar untuk dilaksanakan menurut cara yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Ini adalah kerana:

- (i) Kedudukan pertubuhan penyiaran di dalam ASEAN tidak sama di mana di Indonesia, Malaysia dan Singapura dimiliki sepenuhnya oleh pemerintah sedangkan di Filipina dan Thailand ada yang dimiliki oleh pihak swasta dan ada juga oleh pemerintah.
- (ii) Sistem penyiaran yang digunakan oleh negara Filipina, iaitu NTSC adalah berlainan daripada yang digunakan oleh negara-negara Indonesia, Singapura, Thailand dan Malaysia iaitu sistem PAL dan ini akan memerlukan perbelanjaan yang besar dan peraturan yang rumit bagi menyelaraskannya;

- (iii) Ada beberapa masalah Undang-undang Telekomunikasi antara-bangsa, termasuk masalah hak-cipta dan Perjanjian dengan INTELSAT iaitu sistem satelit antarabangsa yang perlu diatasi;
- (iv) Siaran menerusi satelit di angkasa memerlukan saluran stesyen satelit bumi dan juga sambungan menerusi alat-alat pemancar, untuk membolehkan rancangan-rancangan yang disiarkan itu diterima oleh peti-peti TV. Ini bermakna jika alat-alat pemancar yang ada di dalam negara kita ini digunakan untuk siaran dari negara lain menerusi satelit, maka rancangan-rancangan TV tempatan tidak boleh disiarkan menerusi saluran (pemancar) yang sama.
- (v) Tidak ada negara yang secara sukarela mendedahkan rakyatnya kepada pengaruh negara asing dan lazimnya negara-negara mengambil langkah-langkah tertentu, termasuk di dalam bidang penyiaran, untuk melindungi kepentingan Kerajaan dan rakyatnya;

Dalam keadaan sistem penyiaran yang berbeza dan dalam konteks penyiaran untuk lebih daripada dua negara menerusi sistem perhubungan satelit maka adalah amat sukar untuk menjalinkan keadaan nikmat bersama sepertimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu disebabkan oleh soal-soal dasar dan masalah-masalah teknik serta kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 30 adalah diberi di bawah ini).

DOKTOR-DOKTOR MENGIKUT KOMPOSISI KAUM

15. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa ramai doktor yang berkhidmat di dalam negara kita mengikut komposisi kaum dan dalam jangkaan tahun berapakah negara kita mempunyai cukup doktor.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Pada masa ini terdapat seramai 3,514 orang doktor yang mendaftarkan diri sebagai pengamal-pengamal perubatan di negara ini untuk berkhidmat dalam sektor awam dan sektor swasta. Pecahan-pecahan mereka mengikut kaum ialah sebagaimana berikut:

Melayu	341
China	1,534
India dan Sri Lanka ..	1,467
Eropah	40
Lain-lain	132

Matlamat Kementerian Kesihatan ialah untuk mendapatkan nisbah seorang doktor bagi tiap-tiap 2,200 orang penduduk menjelang tahun 1990. Oleh itu negara ini memerlukan kira-kira seramai 6,800 orang doktor menjelang tahun tersebut untuk mencapai matlamat ini. Matlamat ini dijangka dapat diperolehi dengan adanya siswa-siswi yang keluar dari universiti-universiti tempatan yang mempunyai fakulti-fakulti perubatan, jua kembalinya graduan-graduan seperti ini dari luar negeri. Seperti yang mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, latihan doktor-doktor adalah suatu proses yang mengambil masa yang lama. Sama ada doktor-doktor itu cukup ataupun tidak dalam mana-mana jua negara adalah seringkali menjadi soalan kontroversial. Suatu jawapan yang tetap tidaklah dapat diberikan kepada soalan ini kerana ianya bergantung kepada keadaan-keadaan sosial dan ekonomi yang tertentu. Namun demikian, Kementerian Kesihatan akan terus berusaha untuk meninggikan lagi sistem perkhidmatan kesihatan di negara ini selaras dengan daya tenaga kita yang ada.

SKIM TAMBANG MURAH KE BRITAIN

16. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah sebab menyebabkan yang besar membawa sehingga rundingan kali ke 2 di antara negara ASEAN dan British berkait dengan harga tambang murah udara terhenti tanpa mencapai apa-apa keputusan muktamat, di Genting Highlands dalam bulan November, 1980 dan apakah tindakan balas negara ASEAN terhadap Britain.

Dr Goh Cheng Teik: Sebelum negara-negara ASEAN mengadakan rundingan dengan United Kingdom mengenai Sekim Tambang Murah bagi penerbangan-penerbangan di antara Australia dan United Kingdom, negara-negara ASEAN telah terlebih dahulu menandatangani satu perjanjian "Package Settlement" dengan Kerajaan Australia. Perjanjian ini tertakluk kepada penetapan United Kingdom akan membolehkan syarikat-syarikat penerbangan ASEAN menyertai dalam tambang-tambang berikut:

- (i) Penjualan tambang murah 'Super APEX' tertakluk kepada syarat kuota bagi penumpang-penumpang yang ingin membuat penerbangan terus di antara Australia dan United Kingdom atau sebaliknya.
- (ii) Mengadakan tambang jenis persinggahan (stop over fare) yang baru bagi penumpang-penumpang yang ingin membuat persinggahan di mana-mana negara ASEAN dalam perjalanan mereka di antara Australia dengan United Kingdom atau sebaliknya.

Rundingan di antara ASEAN dan United Kingdom bagi mendapatkan persetujuan pihak United Kingdom ke atas pelaksanaan tambang-tambang ini oleh syarikat-syarikat penerbangan ASEAN telah diadakan sebanyak dua kali. Rundingan kedua yang diadakan dalam bulan November 1980 di Genting Highlands telah tidak dapat menghasilkan persetujuan yang boleh diterima oleh pihak-pihak yang berkenaan. Ini adalah kerana United Kingdom telah tidak bersetuju membenarkan syarikat-syarikat penerbangan ASEAN menyertai dan melaksanakan penjualan tambang-tambang tersebut di atas. Sebaliknya United Kingdom telah mengemukakan satu cadangan tambang baru yang mana pada masa itu ASEAN tidak dapat menerimanya kerana adalah perlu bagi ASEAN mengkaji cadangan tambang baru itu dengan lebih mendalam sebelum keputusan dibuat.

Pada masa ini perkara tersebut adalah di dalam pertimbangan yang mendalam dari pihak ASEAN. Perkara-perkara ini akan dikemukakan kepada Menteri-menteri

Ekonomi ASEAN dalam mesyuarat yang akan diadakan tidak lama lagi. Apa-apa tindakan yang wajar yang perlu diambil oleh pihak ASEAN akan cuma dapat ditentukan di mesyuarat itu kelak.

PEMBANTU HOSPITAL KE UNIVERSITI TEMPATAN

17. Tuan Karpal Singh minta Menteri Kesihatan menyatakan memandang kepada hakikat terdapat kekurangan teruk doktor-doktor di negara ini, sama ada Kerajaan bercadang menghantar pembantu-pembantu hospital dan pembantu-pembantu makmal yang sedang berkhidmat yang mempunyai pengalaman ke universiti-universiti tempatan dengan tujuan mendapatkan mereka kelayakan sebagai pengamal-pengamal perubatan untuk berkhidmat di hospital-hospital Kerajaan di negara ini dan jika tidak, mengapa.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pemilihan calon-calon bagi kemasukan ke universiti adalah ditentukan oleh pihak-pihak berkuasa universiti yang berkenaan. Sejauh mana saya ketahui, tidak ada kekurangan pemohon-pemohon bagi kursus-kursus perubatan ini. Kementerian Kesihatan telahpun mendapat kerjasama daripada Kementerian Pelajaran dan universiti-universiti tempatan yang berkenaan untuk menambah pengambilan penuntut-penuntut ini, jua untuk menubuhkan sebuah Fakulti Perubatan yang ketiga di Universiti Sains, Pulau Pinang.

Pembantu-pembantu Hospital dan Pembantu-pembantu Makmal adalah dilatih oleh Kementerian Kesihatan bagi menjalankan kerja-kerja tertentu dalam perkhidmatan kesihatan. Syarat-syarat perkhidmatan mereka tidak menghendaki mereka dihantar ke universiti-universiti untuk menjalani latihan sebagai Pegawai Perubatan. Walau bagaimanapun, mereka tidaklah dihalang dari memohon mendapatkan tempat di universiti-universiti tempatan bagi mengikuti latihan ini sekiranya mereka mempunyai kelayakan-kelayakan yang diperlukan oleh universiti-universiti ini. Tiap-tiap kes itu perlulah dilihat dari segi 'merit' seseorang individu itu.

KEMALANGAN KAPALTERBANG TUDM

18. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Pertahanan menyatakan sejak tahun 1970 hingga bulan Mac, 1981 ini:

- (a) berapakah buah kapalterbang TUDM telah mengalami kemalangan atau terhempas baik dalam waktu latihan ataupun sedang menjalankan tugasnya;
- (b) jenis kapalterbang yang terlibat dan kosnya; dan
- (c) apakah faktor-faktor yang mengakibatkan berlakunya kemalangan jatuh terhempas ini, khususnya dua kes sudah berlaku baru-baru ini.

Dato Abu Hassan bin Haji Omar: Saya telahpun menjawab soalan-soalan yang lebih kurang sama, iaitu ketika saya menjawab pertanyaan dari Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam, Matang, Panti, Maran dan Tanah Merah pada 1hb, 3hb, 6hb dan 7hb April, di Dewan yang mulia ini. Saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi kepada jawapan saya itu.

ASRAMA RISDA DI LENGGONG

19. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan bilangan asrama RISDA di seluruh negara mengikut Negeri dan sama ada RISDA bercadang membina sebuah asrama di Daerah kecil Lenggong memandangkan kesulitan tempat tinggal yang dihadapi oleh murid-murid sekolah menengah dari kawasan pendalaman.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Shariff Ahmad): Bilangan Asrama RISDA di seluruh negara ialah 33 buah mengikut pecahan negeri-negeri seperti berikut:

Bilangan Asrama RISDA (sehingga 12-3-1981)

Negeri	Jumlah (buah)
Kedah/Perlis	3
Perak	4
Selangor	3
Negeri Sembilan ..	4

Negeri	Jumlah (buah)
Melaka	2
Johor	4
Pahang	4
Trengganu	5
Kelantan.. ..	4
Jumlah ..	<u>33</u>

Kawasan pendalaman di mana tidak terdapat kemudahan-kemudahan seperti bekalan letrik dan sebagainya adalah diberi keutamaan dalam pembinaan asrama RISDA. Kawasan-kawasan seumpaman ini memanglah banyak dan perlu diberi perhatian. Oleh hal yang demikian, buat masa ini pihak RISDA belum lagi bercadang untuk membina asramanya di Daerah kecil Lenggong, memandangkan banyak lagi kawasan-kawasan lain yang lebih memerlukannya. Walau bagaimanapun sebuah asrama RISDA telahpun didirikan di Grik.

KECEKAPAN TENTERA LAUT DI RAJA MALAYSIA

20. Dato Hishamuddin bin Haji Yahaya minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa tahap kecekapan Tentera Laut Di Raja Malaysia (TLDM) untuk mengawasi keselamatan perairan Malaysia sangatlah meragukan dan ini berlaku di atas sebab-sebab tertentu. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian beliau.

Dato Abu Hassan bin Haji Omar: Tahap kecekapan dan kemampuan Angkatan Tentera Laut Di Raja Malaysia di dalam menjaga keselamatan di sekitar perairan kita buat masa ini adalah memuaskan. Sama ada pihak TLDM mampu atau tidak untuk mengawasi keselamatan perairan Malaysia adalah tertakluk kepada keadaan dan sifat tentangan yang akan dihadapi.

Di dalam Rancangan Perkembangan Istimewa Angkatan Tentera dan Rancangan Malaysia Keempat, TLDM akan turut diperbesar dan dipermodenkan lagi berasaskan kepada kemampuan negara untuk melengkapkan lagi kemampuannya, baik dari

segi alat persenjataan serta kapal-kapal yang lebih moden, mahupun dari segi latihan anggota.

Selain dari melaksanakan tugas hariannya dalam mengawasi keselamatan pantai dari sebarang pencerobohan, pihak TLDM juga sentiasa mengadakan latihan-latihan profesionalisma, sama ada di laut ataupun di darat dalam usaha meningkatkan lagi tahap kecekapan dari yang ada sekarang ini.

PEMBERIAN PERUNTUKAN KEPADA SEKOLAH CHINA/TAMIL

21. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar sekolah-sekolah rendah China dan Tamil telah dinafikan bahagian yang sah wang pembangunan, peruntukan guru-guru, perhatian Kerajaan dan kemudahan-kemudahan untuk perluasan; jika ya, nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk hentikan layanan anak tiri ini terhadap sekolah-sekolah rendah China dan Tamil.

Dato Chan Siang Sun: Kementerian Pelajaran tidak mengamalkan dasar menganaktirikan sekolah-sekolah rendah China dan Tamil dalam pemberian peruntukan wang pembangunan, kriteria dan standard yang sama adalah digunakan kepada sekolah-sekolah Kerajaan tidak kira sama ada ia sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan, SRJK (C) atau SRJK (T) manakala bagi sekolah-sekolah Bantuan Modal, Kerajaan mengamalkan dasar memberi bantuan setakat 50% oleh kerana sekolah-sekolah ini tidak dimiliki oleh Kerajaan sepenuhnya. Sekolah-sekolah China dan Tamil yang menjadi milik Kerajaan adalah diberikan peruntukan yang sepenuhnya.

TAMIL MALAR—PENGGANTUNGAN LESEN

22. Tuan V. David minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau akan mengembalikan lesen akhbar *Tamil Malar*; apakah Menteriannya akan menimbang untuk mengambil tindakan semata-mata mereka yang bertanggungjawab

ke atas rencana yang menjadi bahan bantahan (objectionable) yang tersiar dalam akhbar tersebut dan bukan sebaliknya menghukum seluruh masyarakat India yang membaca bahasa Tamil.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Kementerian akan hanya dapat menimbang permit akhbar *Tamil Malar* setelah mengkaji rayuan yang dikemukakan oleh pihak penerbit ke Kementerian.

Seperti yang diketahui umum tindakan undang-undang telahpun diambil hanya ke atas mereka yang bertanggungjawab menyiarkan rencana berkenaan sahaja. Tiga orang pengarang yang terlibat telah didenda sebanyak \$1,000 seorang oleh Mahkamah pada 12-3-1981.

BALAI BOMBA DI DAERAH-DAERAH

23. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah Menteriannya bercadang untuk mendirikan balai-balai bomba di semua daerah yang belum ada balai bomba dengan segera.

Dato Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Kementerian saya memang bercadang untuk mendirikan balai-balai bomba di semua daerah yang belum ada balai bomba.

PELAJAR MALAYSIA KELUAR NEGERI—AGEN TEMPATAN

24. Tuan Kamaluddin bin Maamor minta Menteri Pelajaran menyatakan tindakan Kementerian beliau mengadakan kawalan yang ketat terhadap agen-agen tempatan yang mengendalikan urusan pemergian pelajar Malaysia keluar negeri, bagi mengelakkan pelajar-pelajar kita tertipu dan terkandas di luar negeri.

Dato Chan Siang Sun: Untuk makluman Yang Berhormat, jawapan kepada pertanyaan Yang Berhormat telahpun diberi oleh saya dalam Dewan yang mulia ini pada 20hb Mac, 1981 lalu semasa menjawab pertanyaan mulut Yang Berhormat dari Kawasan Kuala Lumpur Bandar, dan oleh itu

saya tidak berhajat untuk menjawab soalan ini sekali lagi.

TABUNG AMANAH SAHAM— ALIRAN WANG

25. Tuan Haji Ampong bin Puyon minta Perdana Menteri menyatakan apakah Kerajaan sedar bahawa skim Tabung Amanah Saham akan menggalakkan pengaliran wang dari desa ke bandar dan bukannya ini bercanggah dengan usaha Kerajaan untuk membangunkan kawasan luar bandar.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Abdullah bin Abdul Rahmar): Saya tidak nampak perkaitan di antara sekim ini dan pengaliran wang dari desa ke bandar dan perancangannya dengan usaha Kerajaan untuk membangunkan kawasan luar bandar.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum di bawah Sekim Amanah Saham Nasional ini pelabur-pelabur akan membeli unit-unit saham amanah. Tabung Amanah Saham Nasional ini adalah didokong oleh saham-saham syarikat dalam sektor-sektor seperti perkilangan, perlombongan dan pertanian yang mana terdapat juga di kawasan-kawasan luar bandar. Oleh yang demikian, secara tidak langsung pelaburan di dalam saham-saham Amanah Saham Nasional ini akan menguatkan lagi aktiviti syarikat-syarikat di kawasan luar bandar.

Tambahan pula Sekim Amanah Saham Nasional ini adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi penyertaan dan pemilikan kaum Bumiputra di dalam sektor syarikat, melalui pengumpulan lebih tabungan Bumiputra yang sedia ada untuk pelaburan dalam saham-saham. Bagi Bumiputra yang tidak mempunyai simpanan ianya memberikan kesempatan untuk mereka melabur secara beransur-ansur mengikut kemampuan mereka. Ianya bukan bertujuan untuk memindahkan pelaburan Bumiputra dari satu sektor, umpamanya, sektor pertanian kepada Amanah Saham Nasional.

Memang menjadi matlamat dan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan lagi pelaburan, pengeluaran dan pendapatan

rakyat di luar bandar. Melalui cara ini mereka akan mempunyai tabungan yang lebih besar yang boleh digunakan untuk melabur di dalam saham amanah. Pulangan kepada penanaman modal dalam Amanah Saham Nasional ini pula akan membolehkan mereka mendapat pendapatan yang lebih tinggi dan merupakan sebaliknya aliran wang ke desa-desa.

MINYAK MENTAH—KENAIKAN HARGA

26. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan kenaikan 10% harga minyak oleh negara OPEC, adakah Malaysia turut serta menaikkan harga minyak mentahnya dan berapakah hasilnya yang dijangka diperolehi dengan kenaikan ini.

Dato Abdullah bin Abdul Rahman: OPEC telah mengumumkan kenaikan harga minyak mentah jenis Arab Light pada bulan Disember, 1980. Harga itu dinaikkan daripada US\$30.00 kepada US\$32.00 bagi tiap-tiap satu tong. Kenaikan ini berkuatkuasa mulai 1-11-1980. Berikutan kenaikan itu, lain-lain pengeluar OPEC telah juga menaikkan harga minyak masing-masing dengan harga yang berbeza-beza.

Malaysia juga telah turut menaikkan harga minyak mentahnya. Sebelum pengumuman kenaikan harga minyak OPEC itu, Malaysia telahpun menaikkan harga minyak mentahnya yang berkuatkuasa mulai 1-12-1980, mengikut kadar sebanyak US\$0.50 bagi tiap-tiap satu tong. Dengan kenaikan itu, harga 3 jenis minyak mentah negara ini bagi tiap-tiap satu tong adalah seperti berikut:

Jenis Minyak Mentah	Harga Bulan	
	November '80	Disember '80
Tapis Blend ..	US\$38.10	US\$38.60
Miri Light	US\$37.30	US\$37.80
Labuan	US\$36.90	US\$37.40

Selepas pengumuman kenaikan harga minyak OPEC itu, Malaysia telah menaikkan lagi harga minyak mentahnya mulai 1-1-1981 dengan kadar US\$3.50 bagi tiap-tiap satu tong. Dengan itu harga minyak mentah

negara ini pada tarikh tersebut, mengikut jenis-jenis minyak berkenaan adalah seperti berikut:

Jenis Minyak	Harga bagi satu tong pada 1-1-81
Tapis Blend ..	US\$42.10
Miri Light	US\$41.30
Labuan	US\$40.90

Oleh kerana keadaan pasaran yang lemah akibat daripada keadaan berlebihan minyak mentah di pasaran antarabangsa, Malaysia telah mengurangkan harga minyak mentahnya sebanyak US\$0.50 bagi tiap-tiap satu tong mulai 1-2-1981. Jadi sehingga akhir bulan Mac, 1981 harga minyak mentah negara ini bagi tiap-tiap satu tong adalah seperti berikut:

Jenis Minyak	Harga bagi satu tong pada 31-3-81
Tapis Blend ..	US\$41.60
Miri Light	US\$40.80
Labuan	US\$40.40

Dengan kenaikan-kenaikan harga-harga tersebut, hasil eksport minyak mentah Malaysia meningkat sebanyak M\$113.7 juta bagi tempoh dari bulan Disember, 1980 hingga Februari, 1981.

PENDATANG HARAM INDONESIA

27. Dr Chen Man Hin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada kehadiran beribu-ribu pendatang-pendatang haram Indonesia adalah disebabkan kerana persetujuan Menteri yakni "Ministerial condonation" dan sama ada keistimewaan telah ditunjukkan kepada orang-orang ini dengan membenarkan mereka menetap secara tetap di sini dengan mengeluarkan kepada mereka kad-kad pengenalan biru.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Jawapan kepada soalan yang hampir sama maksudnya telah diberikan di Dewan yang mulia ini pada 18hb Mac, 1981 semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kluang.

Dengan itu saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

PEMBEDAHAN MAYAT SI MATI CHOW SIAN CHONG

28. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Kesihatan sama ada beliau sedar tentang tuduhan (allegation) terhadap Dr Lim Boon Sho dari Nibong Tebal yang dikatakan (alleged) telah salah memberi ubat kepada seorang pesakit, Chow Sian Chong dari Nibong Tebal pada 10.1.81 dan agaknya 2 jam kemudiannya, pesakit itu didapati mati dan kes itu pun telah dilaporkan kepada pihak Polis di Nibong Tebal; jika ya, sama ada laporan otopsi telah siap sedia, dan jika tuduhan ini benar, sama ada Kementeriannya akan mengambil tindakan mahkamah terhadap doktor ini dan sama ada salinan laporan otopsi ini akan dikirimkan kepada bapa si mati.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pesakit yang berkenaan telah dirawat oleh seorang doktor persendirian. Kejadian ini telahpun dilaporkan kepada pihak Polis untuk siasatan selanjutnya. Walau bagaimanapun, pembedahan mayat (post mortem) ke atas si mati sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak Polis telah dibuat pada 10hb Januari, 1981 jua. Laporan post mortem ini telah dihantar kepada pihak Polis dan bapa si mati. Tindakan yang harus diambil tentang kes ini akan bergantung kepada keputusan siasatan ini.

JALANRAYA LUBOK ANTU— NANGA KUMPANG

29. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

(a) bilakah Kerajaan akan membina jalanraya dari Lubok Antu ke Nanga Kumpang terus ke Engkilili dan bila pembinaannya di jangka siap; dan

(b) adakah Kerajaan bercadang untuk membina jalanraya dari Betong Saka ke Pengkalan Lindong dan dari Jalanraya Lubok Antu ke Nanga Kesit Lemanak.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato S. Samy Vellu):

(a) Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan akan membina dan menyiapkan projek jalanraya Lubok Antu/Nanga Kumpang terus ke Engkilili serta jalanraya Lubok Antu/Nanga Kesit/Lemanak di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Jalanraya-jalanraya tersebut telah dimasukkan dalam Program Jalan Pembangunan Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Keempat yang diberi peruntukan sebanyak \$4.9 juta dan jika tiada apa-apa masalah, jalan ini akan disiapkan dalam tempoh rancangan ini.

(b) Berkenaan dengan pembinaan Jalan Betong Saka ke Pengkalan Lidong, projek ini adalah di dalam senarai projek yang kurang diberi keutamaan. Oleh yang demikian, Kerajaan belum lagi bercadang untuk melaksanakan projek tersebut.

DEMONSTRASI OLEH NELAYAN-NELAYAN DI PONTIAN

30. Tuan Wong Hoong Keat minta Menteri Pertanian sama ada beliau sedar akan lebih kurang 1,000 nelayan dengan 247 sampan telah membenteng pantai Pontian seperti dilaporkan oleh Star Publication pada 12 Februari 1981 menunjukkan rintangan terhadap sistem baru tentang had lima batu luar pantai yang mengurangkan tempat-tempat perikanan dari lebih kurang 240 batu persegi hingga hanya 20 batu persegi sahaja, dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk membantu mereka dan nelayan yang lain di Semenanjung Malaysia yang telah terhalang oleh peraturan yang baru ini.

Menteri Pertanian (Dato Abdul Manan bin Othman): Tindakan Kerajaan untuk

menghalang nelayan pukat tunda daripada menangkap ikan secara menggunakan pukat tunda dalam kawasan 5 batu daripada pantai adalah bagi menjamin supaya sumber-sumber laut tidak pupus. Kajian Kementerian Pertanian telah menunjukkan bahawa sekiranya pukat tunda dibenarkan dalam kawasan lebih daripada 3 batu dari pantai maka dalam jangka waktu yang tidak lama lagi sumber-sumber laut akan pupus dan akan menjejaskan pencarian hidup semua nelayan, sama ada nelayan menggunakan alat tangkapan ikan secara tradisional ataupun nelayan-nelayan yang menggunakan pukat tunda. Oleh itu, Kerajaan terpaksa mengambil tindakan meluaskan kawasan had larangan 3 batu kepada 5 batu daripada pantai.

Saya sedar tentang demonstrasi nelayan-nelayan pukat tunda di Pontian baru-baru ini. Sebab pokok mengapa mereka demonstrasi ialah hasutan daripada pihak-pihak subversif yang menghasut mereka bahawa akibat daripada pindaan kawasan larangan tersebut maka kawasan yang mereka boleh menangkap ikan telahpun dikurangkan daripada 240 batu persegi kepada 20 batu persegi sahaja seperti mana yang dinyatakan dalam soalan Yang Berhormat itu. Hasutan itu adalah semata-mata bertujuan mengelirukan nelayan-nelayan pukat tunda yang terlibat. Adalah sama sekali tidak benar kawasan menangkap ikan nelayan-nelayan pukat tunda telah berkurangan sehingga 20 batu persegi. Sebenarnya kawasan menangkap ikan mereka adalah seluas 371 batu persegi. Walau bagaimanapun, setelah beberapa perbincangan diadakan dengan semua pihak yang berkenaan termasuk nelayan-nelayan pantai maka Kementerian telah membuat keputusan mengecualikan kawasan pantai barat Pulau Pisang di mana nelayan-nelayan pukat tunda boleh mengusahakan kegiatan penangkapan ikan mereka di luar kawasan setengah batu daripada pantai barat pulau tersebut. Sekiranya ada masalah yang dihadapi oleh mana-mana nelayan akibat daripada peraturan itu maka Kementerian saya bersedia untuk berdialog dengan wakil-wakil nelayan tersebut, bagi mengatasi masalah-masalah itu.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.35 ptg.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bagi meminda Akta Pertubuhan, 1966 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pertubuhan, 1966 sebenarnya merupakan penyatuan kepada Ordinan Pertubuhan, 1949 bagi Negeri-negeri Melayu; Ordinan Pertubuhan, 1957 bagi negeri Sarawak; dan Ordinan Pertubuhan, 1961 bagi negeri Sabah. Maka nyata Akta ini mempunyai sejarah permulaannya semasa Malaysia belum lagi merdeka dan semasa Sabah dan Sarawak belum lagi menyertai Malaysia.

Ordinan ini diadakan oleh pihak penjajah British yang memerintah negara kita waktu itu semata-mata bertujuan membendung dan menghalang pertubuhan-pertubuhan, umpamanya, pertubuhan kongsi gelap (triad society) dari melakukan kegiatan yang bertentangan dengan ketenteraman awam, dengan akhlak, dengan keselamatan negara; dengan mewajibkan setiap pertubuhan sedemikian didaftarkan.

Sejak tahun 1957 membawa kepada tahun 1966 dan hinggalah pada hari ini, negara kita melalui berbagai-bagai perkembangan, berbagai-bagai pergolakan dan pengaruh dan memandangkan Akta Pertubuhan, 1966 tidak lebih dari hanya gabungan 3 warisan pemerintah, penjajah, maka pada hemat saya sebagai sebuah negara yang sudah merdeka hampir 25 tahun, untuk menjaga keselamatan negara dan yang terpenting lagi ialah untuk memelihara maruah negara, maka wajar sangat kita mengkaji dan memperinci semula Akta ini dan, menjamin ianya tidak usang, tidak ketinggalan zaman dan tidak lapuk dan yang pentingnya oleh kerana ada beberapa kelemahan tidak pula disalahgunakan untuk tujuan-tujuan tertentu oleh mana-mana pihak dengan niat yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, sejak tersiarnya ura-ura Kerajaan hendak meminda, hendak memansuh dan memasukkan beberapa peruntukan dalam Akta Pertubuhan, 1966 bermacam-macam dan berbagai-bagai pandangan, pendapat, tuduhan, tohmah telah dihumbankan. Yang peliknya pihak yang berbuat demikian belumpun tahu apa dia peruntukan yang hendak dimasukkan. Mereka menggunakan kata-kata, istilah-istilah yang agung-agung, yang besar-besar seperti kononnya kebebasan asasi bersuara tersekat, terbatas; kebebasan bergerak terancam dan hak asasi ternoda hinggakkan bahawa demokrasi yang kita kasihi dan amali ini tidak akan kekal lagi. Ini semua adalah kata-kata atau istilah-istilah yang besar, yang umum, yang mempunyai lain pengertian atau tanggapan kepada masyarakat yang berbeza-beza. Kata-kata dan istilah-istilah umum ini telah menimbulkan berbagai kekeliruan, berbagai kekabusan salah pengertian.

Banyak yang saya lihat disengajakan, baik di kalangan masyarakat kita sendiri apa lagi yang di luar negeri yang ada di antaranya tidak pernah penat dan tidak pernah lelah mencaci dan mencari kesah-kesah kita yang diburuk-burukkan. Hasil dari apa yang saya anggap sebagai satu rupa kempen maka timbullah satu reaksi seperti panik, mencurah-curah terbit dan diterbitkan khasnya melalui mass media, bertaburan surat layang kesemuanya membantah ura-ura Kerajaan ini dengan berbagai-bagai alasan dan desakan. Tetapi tetap semua ini bersifat umum dan menyeluruh sambil masing-masing menggunakan ukuran nilai masing-masing berdasarkan dari mana punca itu datang, wallahu-alam.

Tidak kurang pula saya kesan suara-suara sumbang yang keluar dari lidah-lidah tempatan yang saya anggap sebagai penyambung lidah tanpa mereka ini sendiri faham betul-betul yang mereka itu diperalatkan. Ada pula mereka yang terlatah dengan berbagai-bagai perkataan, benda yang tidak pun jadi ada, dan mereka yang terlatih dalam undang-undang pula mereka ini berhujah berkenaan dengan peruntukan Rang Undang-undang ini tetapi hujah-hujah ini semuanya seolah-olah mereka ini buta huruf (*Tepuk*). Umpamanya, seorang

peguam yang jujur tidak akan keliru. Yang sibuk merengsek ialah politikus yang bersembunyi dalam jubah peguam (*Tepuk*).

Sebenarnya apa yang saya anggap sebagai satu macam kempen itu adalah dilakukan oleh beberapa kumpulan sahaja yang mungkin kerana kaitan barangkali, kerana ada perhubungan mereka dengan pihak-pihak yang tertentu termasuk individu tertentu maka riuhlah bunyinya, khasnya melalui mass media.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan undang-undang yang dibawa pada hari ini sematamata bersifat untuk memperkemas Akta ini supaya benar-benar ianya boleh memainkan peranan untuk menyelaras atau meredulete perjalanan dan kehidupan pertubuhan-pertubuhan awam dan tidak sekali bersifat mendera (*punitive*), undang-undang ini bukan bersifat mendera, it is not a *punitive law*. Soal kebebasan bersuara, kebebasan bertindak, soal hak asasi dan soal demokrasi kononnya terganggu, terancam atau terikat langsung tidak timbul. Orang awam tetap boleh bersuara, individu tetap boleh bersuara. Undang-undang ini tidak ada mengaturkan bagaimana individu bersuara, tetap boleh bersuara.

Pindaan kepada Akta ini hanyalah sekadar menetap dan menentukan jenis dan bentuk pertubuhan untuk bertindak atau bergerak mengikut tujuan atau objektif yang ditetapkan oleh pertubuhan itu sendiri. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Kalau sudu mengakulah sudu. Kalau senduk mengakulah senduk. Jadi bentuk dan jenis ditentukan oleh persatuan itu sendiri. Apa yang kita hendak selaraskan atau apa yang kita hendak regulatekan iaitu senduk tidak bertindak sebagai sudu, sudu tidak bertindak sebagai senduk. Apa yang dipastikan ialah tidak ada pihak yang berselindung di sebalik telunjuk. Apa kata nanti, Tuan Yang di-Pertua, kalau satu hari sudu berlagak senduk dan senduk menjadi ular? (*Ketawa*). Ular lidah bercabang memasukkan bisa, besok marah pula kepada Kerajaan mengapa tidak memintas perkara-perkara begini. Inilah sebab kita adakan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah melihat oleh kerana kelemahan-kelemahan

yang wujud dalam Akta Pertubuhan 1966 maka ada pertubuhan yang menggelarkan dirinya sebagai *friendly society* iaitu bukan *political societies* tetapi dari kata-kata, dari tindakan-tindakan, dari apa yang dibuatnya, diperlakukannya, dari desakan-desakan, tuduhan-tuduhan yang dikeluarkan atas nama pertubuhan itu walaupun dia mati-mati mengaku dia bukan politik adalah bersifat politik. Mereka menyalak-nyalak di dalam gelap, perkara yang diperlaku beginilah yang hendak diselaraskan supaya terang dan jelas jenis apa yang membuat bising. Dengan begini dapat disingkap mereka yang berselindung di balik barut, supaya jangan mereka itu langsung terus menjadi tali barut.

Oleh kerana perkembangan demokrasi kita bergerak dengan lancar maka adalah tanggungjawab kita mengawasi supaya apa yang kita pupuk, apa yang kita pelihara tidak dihinggap oleh dedalu api sehingga akhirnya pohon asal itu hilang.

Pindaan yang dihadapkan di Dewan yang mulia ini pada hari ini adalah sangat bersejarah kerana sampailah masyarakat kita kepada satu tahap, pada satu peringkat yang lebih matang, kepada satu peringkat yang benar-benar mempunyai kesanggupan memikul tanggungjawab dan berani menghadapi cabaran dengan membidang dada. Kalau saya politik saya mengaku saya politik. Dengan adanya dua corak pertubuhan, satu politik satu persahabatan marilah kita bergerak berterus terang mengikut lunas masing-masing. Ini adalah satu perkembangan yang difikirkan sangat sihat, Tuan Yang di-Pertua, dan tidak boleh dicurigai oleh mereka yang jujur kerana corak politik di sisi satu pertubuhan itu adalah berlainan sekali dari corak persahabatan dan berkehendakkan *treatment* masing-masing. Dua ini tidak boleh dicampur-adukkan. Kalau kita semua faham dan mencintai demokrasi tidak boleh kita campur-aduk. Apabila kita mengatakan kita hendak main bola umpamanya, ini perkataan bola, ini satu istilah yang sangat general. Kita mesti tentukan saya hendak main bola soccer atau bola rugby kerana gelanggangnya lain dan bolanya satu bulat, satu rupa buah kana, sebelah itu 15 dan sebelah ini 11 dan kalau kita sanggup main bola soccer tetapi kalau

kita bukan goalkeeper dia pegang bola itu dia bawa lari referee nanti whistle, handball, berhenti main. Tidak boleh kita pergi jumpa referee kata apa fasal suruh saya berhenti sebab undang-undang bola kata boleh pegang dengan tangan? Nanti referee kata betul undang-undang bola, tetapi bola mana? Kalau bola yang boleh pegang dengan tangan itu bola rugby, pergilah main padang sana, bukan main padang ini. (*Tepuk*). Ini maksud undang-undang ini, tidak lain daripada itu kerana undang-undang ini untuk mempertahankan demokrasi, tidak ada demokrasi kalau dalam bermain bola, cara bola soccer yang bulat ia seorang diizinkan boleh pegang dengan tangan selain daripada goalkeeper orang lain tidak boleh. Itu untungnya pada dia seorang. Inilah yang dijagai.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini oleh kerana pertubuhan-pertubuhan itu tidak diberi corak yang tertentu, kita tidak tahu yang mana satu, maka demokrasi boleh terancam kerana badan-badan yang kononnya bukan bercorak politik, tetapi berpolitik walhal anggotanya belum tahu. Anggotanya kita belum tahu apakah warga Malaysia anggotanya, kita belum tahu. Apakah mereka itu berhak untuk campur tangan dalam hal ehwal rumah tangga kita, apatah lagi kalau badan-badan itu mendapat pula bantuan duit dari luar, pegawai-pegawainya makan angin di sana di sini berjalan, meeting sana meeting sini. Mana datang duit ini? Dengan tujuan untuk menjaga dan menyelaraskan inilah kita takut kalau tidak ada penyelarasan ini maka badan-badan ini boleh diperalatkan oleh kuasa-kuasa asing sebab dia boleh dibenarkan menerima duit dari luar.

Yang peliknya sekali, mengapa yang sebegitu panik, sebegitu takut. Kita ini tadi berani kerana benar, takut kerana apa? Salah. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, apabila satu-satu pertubuhan itu sudah menentukan jenisnya atau swordnya, ianya bergerak untuk menghayatkan tujuan atau dasar dan objektifnya mengikut lunas undang-undang negara.

Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan dimaksudkan untuk menyabitkan seorang individu macam saya

kata tadi, tidak ada kena-mengena dengan seorang individu. Ia adalah dimaksudkan untuk satu-satu legal person, iaitu sebuah badan yang ditentukan nyawa, semangat dan tulang uratnyanya oleh undang-undang tubuhnya sendiri yang juga menentukan tingkah lakunya. Jadi prinsip ini bukan prinsip baru, ini sudah biasa dipakai. Samalah juga dengan sebuah syarikat perniagaan yang berdaftar dengan maksud dan kegiatannya sudah ditentukan. Bezanya ialah sekiranya syarikat perniagaan tersebut berubah corak, besar kemungkinan pendaftarannya akan dibatalkan, tetapi dalam hal yang dibentangkan hari ini tidak sampai kita ke situ akibatnya sekiranya corak satu-satu pertubuhan itu berubah menjadi politik. Yang dilakukan oleh Pendaftar hanya memberi label, hanya memberi cap politik.

Semalam saya baca dalam surat-surat, termasuk dalam suratkhbar adalah fitnah semata-mata, kononnya, kalau sekiranya berganjak daripada kedudukan lama maka pendaftarannya akan dibatalkan—tidak, di mana, tunjuk, tidak ada dalam Undang-undang ini yang mengatakan akan dibatalkan, hanya ia akan ditentukan coraknya. Sekarang corak politik, Pendaftar kata politik, berhak pula dia menuntut supaya tidak diubahkan, itu hak ditentukan oleh undang-undang dan dia boleh pula bergerak terus, tidak pula dilarang tetapi mereka itu memakai label yang baru. Jadi jelas tuduhan bahawa Kerajaan mahu mengkongkong kebebasan bersuara dan hak asasi individu atau persatuan tidak timbul langsung, hanya Kerajaan berkuasa sekiranya satu pertubuhan yang pada mulanya bersifat persahabatan (*friendly society*) tetapi coraknya berubah tengah jalan, merupakan dirinya sebagai politik, maka pertubuhan itu ditentukan sifat yang baru, iaitu badan politik. Di mana yang saya pelik boleh menjadi penyakit kepada pertubuhan itu? Pertubuhan itu tidak didenda. Jadi saya takjub, mengapa riah sekali, Tuan Yang di-Pertua, ada orang mengatakan bahawa kebebasan terbatas, yang terbatas adalah peluang bertopeng, itu yang terbatas (*Tepuk*) atau membaling batu, menyorok tangan—itu terbatas, itupun langkah akan diambil sesudah diambil kira secara menyeluruh dan saya sebutkan lagi

mengikut undang-undang ini, secara menyeluruh bahawa pertubuhan persahabatan itu mempunyai kecondongan atau bergiat terhadap politik.

Tuan Yang di-Pertua, ada orang mengatakan bahawa dengan adanya undang-undang ini maka tiada siapa boleh menyuarakan apa-apa yang berunsur politik melainkan melalui satu-satu parti politik, ini tak benar sekali-kali. Pertamanya, siapun bebas menyuarakan hal politik tanpa parti politik, tak payah masuk political society. Saya tengok hari-hari orang tulis dalam suratkhbar menceritakan hal politik, tak ada siapa menyekat, yang terbatas ialah pertubuhan persahabatan berlagak dalam politik, itu terbatas. Yang bebas berpolitik ialah pertubuhan politik dan ini bukan bermakna parti, jadi tidak payah masuk parti, masuk dalam pertubuhan politik, cukup. Parti politik adalah satu pertubuhan politik tetapi tidak semestinya pertubuhan politik itu parti.

Umpamanya MCA, Tuan Yang di-Pertua, boleh saya bercerita sedikit fasal MCA? MCA ini adalah badan yang masa penjajah dahulu ditubuhkan untuk menjaga kesejahteraan orang-orang yang duduk di kampung baru, benar bukan? Tetapi bergulung-gulung, bergulung-gulung, kesudahannya muncul menjadi parti politik. Sekarang ini kita terpaksa memikirkan satu keadaan, biar benar-benar kita tentukan, jangan main bergulung-gulung, tiba-tiba muncul sahaja parti politik, tentukan betul-betul. Ini adalah badan politik, ini tidak. Jadi itulah maksudnya undang-undang yang disebutkan tadi.

Tadi sudah saya sebut, Tuan Yang di-Pertua, bahawa soal kebebasan individu tidak timbul langsung, yang timbul ialah perjalanan satu-satu pertubuhan itu tidak tergelincir daripada relnya dan kalau tergelincir daripada relnya macam keretapi, kita cuba letakan balik ke atas relnya, itu sahaja, tetapi kalau dia tak hendak letak atas rel itu, kita letak atas rel lain, itu sahaja (*Ketawa*). Ada pula orang berkata, kalau begini rupanya, orang politik pun tak boleh memegang jawatan apa-apa di dalam satu-satu pertubuhan friendly society. Mana satu undang-undang mengatakan tak boleh?

Siapa-siapa boleh. Saya sendiri jadi Presiden Olahraga, saya sendiri jadi Presiden Kelab Terbang, takkan sebab saya menjadi Presiden Olahraga, saya menjadi Presiden Kelab Terbang maka Persatuan Olahraga dan Persatuan Kelab Terbang semua jadi parti politik. Itu tak betul. Saya boleh bercakap sebagai Presiden Olahraga dengan sendirinya tidak menjadi badan itu badan politik, tetapi sekiranya Badan Kelab Terbang, Tuan Yang di-Pertua, maafkan saya untuk buat satu contoh. Tadi, Tuan Yang di-Pertua tak berapa suka contoh-contoh ini tetapi ini terpaksa saya beri satu contoh (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Itu contoh dalam soal-jawab, masanya lain (*Ketawa*).

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Oh! terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Itu di bawah peraturan lain.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Saya ini tadi umpamanya adalah Presiden Kelab Terbang. Dalam Kelab Terbang ini tadi anggotanya kita tak tahu siapa, katalah, kebanyakannya bukan warganegara Malaysia, macam-macam warna ada—warna balau ada, warna kuning ada—apapun ada ia membuat satu resolusi terhadap Kerajaan mengatakan Kerajaan mesti memutuskan perhubungan dengan Indonesia, sebab Indonesia tak izinkan kapal-kapal terbang pihak penerbangan Malaysia pergi ke Medan, minta maaf kepada Menteri Luar Negeri. Ini contohnya. Jadi kalau sekali buat, macam orang merokok, kalau dia sekali sahaja merokok bukanlah dikatakan dia itu perokok, tetapi kalau hari-hari dia merokok, dia itu memang ahli merokoklah. Begitu juga kalau sekiranya dia mendesak putus hubungan dengan Indonesia, dengan tentunya Undang-undang ini mengatakan bahawa Persatuan Kelab Penerbangan tadi adalah persatuan politik dan tidak ada sekatan dia bercakap pula—bercakaplah, tetapi sekarang tentulah dia jadi pertubuhan politik. Begitu juga kalau ada satu-satu pertubuhan umpamanya, Tuan Yang di-Pertua, pertubuhan itu pertubuhan menanam okid, mahu menggalakkan orang menanam okid, manis perkara ini, ajak saudara saya ini Tengku Li .

Tuan Yang di-Pertua: Tak boleh sebut nama di bawah Peraturan Mesyuarat.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Oh! tak boleh sebut nama, maaf.

Satu orang politik bercakap fasal bunga okid, itu bukan menjadi persatuan okid itu persatuan politik, sebab dia mengajak orang politik bercakap dengannya atau walaupun orang politik itu bercakap hal politik sendiri, ini tidak mengubah rupa dan sifat persatuan itu, kerana orang yang bersifat politik dan orang yang bercakap itu bukan dia, jadi apa yang takut sekarang ini? Ini yang pelik. (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, saya kira adalah sangat bijaksana kepada kita semua memikirkan hal ini dengan mendalam, kerana di dalam Undang-undang ini apabila sudah ditentukan bahawa satu badan itu adalah badan politik, maka dengan sendirinya Undang-undang ini mengatakan: Ah! keahliannya mestilah warganegara. Apa ini tidak bijaksana, salahkah ini? Maksudnya kalau betul-betul satu-satu badan itu hendak bercampur dengan hal politik negara, biarlah badan itu tentu-tentu warganegara Malaysia, jangan orang lain campur (*Tepuk*). Sekarang kita tidak ada cara macam mana kita boleh menyekat orang yang bukan warganegara tetapi menjadi satu anggota kepada satu pertubuhan boleh campurtangan dalam hal politik Malaysia, itu satu.

Satu lagi dia mengregulatekan supaya duit dari luar jangan masuk macam saya sebut tadi. Jadi ini semua di mana salahnya sehingga naik panic, naik mabuk berdiri di tepi jalan, dalam hujan (*Tepuk*). Saya rasa kepentingan negara boleh binasa jikalau sekiranya Undang-undang ini tidak kita buat dengan segera.

Satu lagi dalam Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, iaitu tujuannya untuk menyelaraskan perjalanan pertubuhan ialah untuk memelihara kepentingan dan kebajikan ahli biasa supaya dia tahu pemimpin dia tidak menyeleweng kerana kadang-kadang itu ahli biasa itu kena jual nama sahaja, atas nama dia maka pemimpin-pemimpinnya membuat berbagai tindakan. Jadi dengan adanya Undang-undang ini bolehlah anggota-anggota sendiri menjaga

kepentingannya supaya dia tidak kena jual. Kerana tiap-tiap lapisan mesti mahu tahu apa pemimpin dia buat dan dari mana duit itu datang? Bukan sahaja Kerajaan mesti hendak tahu, anggota dia pun mesti tahu. Besok, Tuan Yang di-Pertua, boleh jadi oleh kerana menerima body, maka body terjual.

Seorang Ahli Yang Berhormat: Kerana budi!

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Kerana budi, body terjual. (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Sayapun tidak faham, body apa yang terjual? (*Ketawa*).

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi tujuannya iaitu Kerajaan mesti menjamin pemimpin pertubuhan benar-benar bertanggungjawab, dan bersih dari kuatkuasa undang-undang negara. Selanjutnya pemimpin pertubuhan dan ahlinya harus betul-betul boleh menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dalam keadaan biasa kerana mustahil misalnya seorang Setiausaha satu-satu pertubuhan boleh bekerja dengan efisien daripada dalam penjara! Sebab itulah kita adakan peruntukan berkenaan dengan itu.

Tuan Yang di-Pertua, seperti juga mana-mana Akta lain yang dibentang untuk diluluskan oleh Dewan yang mulia ini maka Akta Pertubuhan ini juga berteraskan kepada Perlembagaan negara. Maka itu peruntukan dalam Akta ini diadakan kerana mendaulat dan menjunjung Perlembagaan Negara dan tiada sesuatu yang bercanggah, yang terpenting ialah untuk menjamin agar setiap pertubuhan yang diterima untuk didaftarkan juga mendaulat dan menjunjung Perlembagaan, maka itu peruntukan diadakan bagi membatalkan pendaftaran mana-mana pertubuhan selepas rayuan didengar yang menentang hal-hal seperti sistem Kerajaan yang wujud, kedudukan Islam sebagai agama negara, kedudukan Raja-raja; itu memang kena cancel. Apakah ini bagus atau tidak bagus? Itu terserahlah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Seterusnya, sebagai sebuah negara yang berdaulat dan mempunyai maruah ada

beberapa hak dan kebebasan yang mesti kita pelihara dan kita hadkan kepada warganegara kita sahaja. Sebab itulah tadi saya bertalu-talu, berbalik-balik saya kata biarlah hal ehwal politik dalam negeri kita, hal ehwal politik luar negeri kita, biarlah kita warganegara Malaysia yang menentukannya. Sebab itu mengapa yang kita mesti takut, satu-satu pertubuhan kalau benar anggotanya semua dari warganegara Malaysia menjadi pertubuhan politik.

Tuan Yang di-Pertua, kita sangat curiga kalau sekiranya satu-satu pertubuhan itu bergabung dengan badan luar. Kerana kita tidak tahu apa badan luar ini. Tetapi itu bukan bermaksud atau bermakna kita sama sekali tidak benarkan bergabung, itu tidak. Tetapi yang dikehendaki oleh Undang-undang ini apabila hendak bergabung tanyalah dahulu Kerajaan, jangan awak mambuta tuli sahaja pergi meredah sahaja bergabung dengan pertubuhan luar, akhirnya esok terkongkong sahaja satu-satu badan yang tidak diingini. Jadi ini semua adalah maksud yang betul-betul murni di dalam Undang-undang yang dibentangkan di hadapan kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab dan adil, Akta ini memberi peruntukan yang tertentu, dalam hal-hal tertentu di mana satu-satu pertubuhan yang bersabit boleh membuat bantahan dan rayuan. Jadi keputusan Kerajaan memberikan kuasa-kuasa tertentu kepada Pendaftar atau kepada Menteri itu buat selepas cukup lama berbincang, cukup mendalam dan segala segi buruk baiknya semua dikaji. Keputusannya begitu rupa kerana Kerajaan yakin di dalam keadaan dan situasi di dalam perkembangan dan pergolakan negara inilah yang sewajarnya dan sebaiknya.

Ada pula orang mengatakan bahawa sifat Undang-undang ini melampau kerana keputusan tidak boleh disoal lagi. Mula-mula dia kata kuasa pada Pendaftar Pertubuhan itu besar sangat. Ada pula mengatakan, Undang-undang ini tidak boleh disoal lagi, kalau begitu gunakan perkataan lebih besar—ini adalah draconian, ini adalah diktator; perkataan yang besar, yang kotor digunakan untuk berkempen. Tetapi adakah

kita lupa bahawa kita juga terikat di dalam lingkungan dan rangka undang-undang? Kerana pertamanya, apabila sudah dihantar satu-satu rayuan kepada Pendaftar terutamanya kalau Pendaftar itu menerima rayuan itu, Menteri pun tidak boleh tegur Pendaftar, itu dalam undang-undang. Keduanya, kalau tidak diterima oleh Pendaftar, dia appeal kepada Menteri. Mengikut kata dalam Undang-undang ini, habis. Apa Menteri kata, kota. Itu diktator! Tidak, Tuan Yang di-Pertua! Motif *bona fide* Menteri itu boleh disoal di Mahkamah. Takkanlah lawyer tidak tahu. Ini saya kadang-kadang pelek. (*Tepuk*). Boleh disoal, proses decision itu boleh disoal. Jadi di mana yang kita mesti takut, menggeletar semua? Kalau menggeletar sebabkan basah hujan semalam itu soal lain. (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pindaan kepada Akta ini diheboh dan diruih-rendahkan sudah jelas kepada kita bahawa yang sibuk ini adalah orang-orang yang tertentu. Tetapi jangan lupa Undang-undang ini banyak aspek-aspek yang lain. Umpamanya, barangkali tidak ada siapa menyebut alangkah eloknya Undang-undang ini kerana ada peruntukan untuk mengawal pertubuhan-pertubuhan faedah bersama (*mutual benefits society*) yang menghadkan ganjaran \$600 sahaja dan umur tidak melebihi 55 tahun yang boleh menerimanya. Pindaan yang dicadangkan menaikkan maksima kepada \$1,000 kerana dalam ekonomi negara dan dunia hari ini Kerajaan fikir angka ini lebih rialistik dan meninggikan had umur 60 tahun kerana umpamanya orang Islam yang menyertai Pertubuhan Khairat dan Kematian itu boleh mendapat banyak faedahnya.

Ada lagi satu aspek Undang-undang ini yang patut diambil perhatian. Ini adalah perkara kelayakan pemegang jawatan, penasihat dan pekerja sesuatu pertubuhan. Tentulah menasabah apabila seseorang itu telah dijatuhkan kerana hukuman jenayah yang besar. Umpamanya, pecah amanah, tentulah kita tidak boleh memberi kesempatan dia memegang satu jawatan yang disuruh pula pegang amanah. Katakanlah, Tuan Yang di-Pertua, seorang itu sabit kesalahannya kerana bawa motokar, langgar

orang, cedera dia di atas apakah hukumannya, dia termasuk di dalam Akta ini. Kalau tiba-tiba dia hendak menjadi pegawai atau Presiden kepada Persatuan Bunga Anggerik apa kena-mengena itu, takkan tidak boleh. Tetapi kalau dia hendak menjadi President of the Automobile Association itu susahlah sedikit, kerana baru sangat dia melanggar orang, ini caranya yang kita buat di dalam undang-undang ini.

Satu lagi pada mereka yang menerima umpamanya orang yang tadi itu walaupun, Tuan Yang di-Pertua, dia tadi dihadkan kerana dia adalah seorang penjenayah mengikut macam undang-undang dalam Parlimen juga dia tidak boleh menjadi anggota Parlimen, tetapi ada edahnya, sesudah edahnya boleh. Ada pula satu kelebihan undang-undang ini boleh pula orang itu memohon kepada Pendaftar minta dikecualikan, itu lebihnya, tetapi tidak diterima itu, takut pula orang lain.

Lagi satu orang dikenakan perintah tahanan berhubung dengan umpamanya pencegah jenayah atau keselamatan tentulah tidak kena pada kita mengizinkan seseorang itu selagi dia masih di bawah perintah tahanan itu diberi keizinan untuk menjadi pegawai satu-satu persatuan. Ada orang yang mengatakan dia boleh menjadi anggota Parlimen, betul bukan? Dia boleh jadi anggota Parlimen tidak ada apa-apa. Ya, anggota Parlimen dia tidak ada pengaruh dalam Parlimen ini kerana dia duduk di Kamunting. Tetapi walaupun dia duduk di Kamunting pengaruhnya ada dalam pertubuhan. Dan kalau pengaruhnya itu menjadi merbahaya kepada negara mengapa tidak kita pakai undang-undang ini. Ini soalnya, Tuan Yang di-Pertua. Itupun ada juga lubang yang boleh dia minta pengecualian. Adil betul Kerajaan!

Begitu juga mereka, Tuan Yang di-Pertua, tadi ada orang berkata berkenaan dengan orang bankrap. Undang-undang ini mengatakan orang yang bankrap tidak boleh jadi pegawai dalam sesuatu pertubuhan. Itu saya rasa adil. Kerana kita dalam Parlimen orang bankrap pun tidak boleh duduk di sini, bukan! Lagi satu orang tidak siuman. Undang-undang ini mengatakan tidak

usahlah jadikan dia pegawai dalam persatuan. Itupun saya rasa adil. Entahlah kalau ada pihak hendak orang yang tidak siuman menjadi pemimpin itu terserah kepadanya!

Jadi, Kerajaan yang memerintah hari ini adalah satu Kerajaan yang bertanggungjawab, yang betul-betul meletakkan kepentingan rakyat dan negara di puncak pertimbangan sambil mendaulat dan menjunjung Perlembagaan dan Undang-undang. Di dalam suasana peperangan ideology yang ada pada masa ini dan perang dingin yang menjadi-jadi sekarang ini pihak musuh, baik dari Soviet, baik dari China atau mana-mana berlumba-lumba hendak menakluk pertubuhan kita untuk dijadikan alat perkakas mereka. Dahulu kita sudah kena sekali. Itu satu pengalaman yang pahit. Kerajaan juga bukan sahaja mahu memelihara dan menjamin bahawa keadaan negara terus stabil dan bebas dari sebarang gangguan dan campurtangan, buat masa ini Kerajaan juga mahu mengambil kira dan menjamin bahawa masa depan negara dan warisan kita juga, kita siap dan bekalkan dengan satu keadaan yang sebaik dan sempurnanya. Kerajaan mempunyai pertimbangan bahawa dalam keadaan rakyat dan negara yang stabil, tenteram dan terhapus dari sebarang gangguan, baik dalam mahupun dari luar bolehlah Kerajaan menjalankan berbagai kegiatan sosial dan politik dan juga kerohanian untuk kepentingan kebajikan dan kesejahteraan rakyat.

Jadi pada kesimpulannya, Tuan Yang di-Pertua, hak asasi seseorang itu tidaklah langsung tergugat hanya peraturan dibuat untuk menentukan corak sesuatu pertubuhan itu adakah ianya pertubuhan persahabatan ataupun pertubuhan politik. Itu sahaja. Kebebasan yang terbatas ada, tetapi kebebasan apa ialah kebebasan untuk bertopeng—tidak boleh bertopeng—kebebasan itu terhad. Bahkan undang-undang ini ialah akan dibenci oleh orang yang suka bertopeng, muka masam, kedut, ketawa, ini yang kita hendak lahirkan. Jadi, kita minta semua buka topeng supaya benar-benar nampak kalau muka masam, masamalah, kalau manis, manislah.

Jadi, di dalam demokrasi ini patut kita benar-benar sampai anak cucu kita ingatkan. Undang-undang dalam demokrasi, peraturan dalam demokrasi dan semua cara-cara demokrasi mengajak semua orang berpolitik, bukan sahaja yang duduk di sini, orang yang duduk di situ diajak berpolitik. Politik adalah satu benda yang mulia iaitu benda untuk mengambil berat soal kesejahteraan, soal ketenteraman, soal kebaikan rakyat. Benda yang paling mulia sebab itulah istilah di sini 'Yang Berhormat' kerana politiknya hormat, mengapa takut sangat dihormati. Apabila satu-satu persatuan itu digelar persatuan politik. Itu yang saya pelek. Giat dia sebagai politik tetapi bila kita kata awak satu parti politik atau awak satu persatuan politik, dia kata tidak, tidak. Mengapa, benda yang mengembang dan penghormatan diberi. Ini satu kadang-kadang saya jadi pelek,

Satu lagi pertubuhan ini hendaklah berjiwakan Perlembagaan, negara dan negeri seperti yang dikehendaki oleh Rukunegara. Yang ketiganya kelayakan pemimpin pertubuhan hilang kerana cacat, itu sahaja dalam pindaan ini, itu sahaja bendanya, yang pertama sudu itu sudu, senduk itu senduk. Yang keduanya, pertubuhan hendaklah berjiwakan Perlembagaan, yang ketiganya kelayakan pemimpin itu hendaklah dikawal kerana orang cacatpun tak usahlah menjadi pemimpin. Itu sahaja. Jadi, saya berkeyakinan penuh bahawa orang yang waras, matang dan bijaksana serta yang mahu hanya yang terbaik untuk rakyat dan negara kita akan tidak teragak-agak menyokong penuh pindaan-pindaan yang Kerajaan cadangkan pada hari ini. Jangan dengan tidak kelulu mengikut kehendak hati membantah Rang Undang-undang ini di bawah naungan demokrasi yang akhirnya maka membawa demokrasi itu sendiri mati.

Dalam sistem demokrasi, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak boleh diperintah oleh lain daripada Dewan yang mulia ini. Tidak boleh diperintah oleh pressure group, tidak boleh sekali-kali jangan kita benarkan. Kita mesti dengan apa pressure group ini cakap tetapi jangan dia memerintah kita. Ini undang-undangnya. Kerana di dalam sistem demokrasi kita rakyat melantik wakilnya di sini dan kepada wakil-wakil inilah letaknya peranan dan tanggungjawab untuk

menentukan apa yang baik untuk rakyat, bukan berdiri di tepi jalan (*Tepuk*). Dalam sistem demokrasi rakyat tidak memilih pressure group, mana rakyat ada memilih pressure group, pressure group bukan Wakil Rakyat. Maka bagi mengelakkan dan mengatasi peranan yang diberi sendiri oleh pressure group inilah Rang Undang-undang ini dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Biarlah Dewan yang mulia ini yang mengandungi Ahli-ahli Yang Berhormat dengan sah dipilih oleh rakyat untuk mewakili mereka yang menentukan dasar Kerajaan dan untung nasib negara.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, marilah kita bersama mengangkat tangan menyokong Rang Undang-undang ini dan dengan tangan itulah mari kita tatang tinggi demokrasi yang kita pupuk, yang kita kasihi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. (*Tepuk*).

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan, 1966 dibacakan kali kedua dan terbuka untuk perbincangan sekarang.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

4.21 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, tidak ada mana-mana Rang Undang-undang dalam sejarah Parlimen Malaysia yang telah menyebabkan begitu banyak kontroversi dan menerima penentangan hebat dari rakyat Malaysia seluruh kaum, ugama dan segala lapisan masyarakat atau dari begitu banyak pertubuhan-pertubuhan dan organisasi-organisasi yang meliputi segala spectrum, kegiatan-kegiatan seperti ABIM, Young Christian Workers, ALIRAN, Majlis Peguam, Dewan Perniagaan, Pertubuhan-pertubuhan Iktisas, Badan-badan Pelajar seperti Badan-badan Lembaga Pengurus Sekolah-sekolah Cina dan Badan Guru-guru Sekolah-sekolah Cina, Pertubuhan-pertubuhan Pengguna dan Alam Sekitar seperti Persatuan Pengguna Pulau Pinang dan

Persatuan Perlindungan Alam Sekitar seperti Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan), 1981 yang dihadapan Dewan ini.

Kontroversi dan tentangan yang timbul itu mempunyai sebab-sebab yang berasas kerana jika Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan) 1981 ini dalam bentuknya sekarang diperbuat sebagai undang-undang maka hari ini, 8hb April, 1981 akan merupakan hari yang paling hitam dalam sejarah negara kita dan ia akan diingati dan ditandakan oleh rakyat Malaysia setiap tahun sebagai ingatan bagaimana birth right rakyat Malaysia terhadap kebebasan dan keadilan dihentak dan dinafikan oleh satu brute Parliamentary majority dan juga sebagai ingatan bahawa perjuangan untuk memulihkan birth right mereka dalam dignity manusia kebebasan dan keadilan memerlukan pengawasan, dedikasi dan sifat-sifat keberanian rakyat Malaysia yang cintakan kebebasan itu.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Apabila saya menyemak Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan) ini saya terkejut dengan menstrosity, saya rasa tidak ada perkataan lain selain daripada monstrosity peruntukan-peruntukan kerana ia bertentangan dengan asas sebuah masyarakat demokrasi yang mencintai kebebasan bercakap, berhimpun dan menubuh persatuan mengganggu perimbangan kuasa atas doctrine of seperation of powers antara pihak Eksekutif, Badan Perundangan dan Kehakiman dan apa yang menakutkan lagi ia menginstitutionalisekan satu sistem dictatorship dengan menggunakan topeng demokrasi berparlimen.

Jika sekiranya Kerajaan Barisan Nasional masih terus mensifatkan dirinya sebagai sebuah Kerajaan demokratik yang menghormati pendapat orangramai dan mengasaskan legitimacynya ke atas pandangan, pendapat dan consensus orangramai, maka saya menyeru Kerajaan Barisan Nasional supaya menyahut reaksi-reaksi yang jujur, benar, berani dan bertanggungjawab pertubuhan-pertubuhan dan individu-individu sejak beberapa hari ini, semenjak Rang Undang-undang ini

diterbitkan dan rayuan mereka agar memandangkan betapa seriusnya kesan cadangan pindaan-pindaan ini. Rang Undang-undang ini dirujuk kepada sebuah Jawatankuasa Pilihan yang akan membolehkan orangramai membuat komen ke atas peruntukan-peruntukan tersebut.

Saya dengan ini secara formal dan rasmi mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini supaya Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan) hendaklah dirujuk kepada sebuah Select Committee dan saya juga memberitahu bahawa saya akan mengemukakan satu usul berkait dengan ini pada masa yang sesuai.

Memang sekiranya Kerajaan ingin menghormati permintaan-permintaan berbagai-bagai pertubuhan dan rakyat Malaysia untuk merujuk Rang Undang-undang ini kepada satu Select Committee, maka saya akan memberi jalan kepada pihak Kerajaan tetapi nampaknya pihak Kerajaan tidak akan buat begitu dengan ucapan yang baru diutarakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan) hendaklah dirujuk kepada satu Jawatankuasa Pilihan untuk membolehkan mengesan perbincangan orangramai secara luas dan menyeluruh kerana pindaan-pindaan ini dalam bentuk sekarang jika diluluskan akan, yang pertama, secara berkesan mengikis menerusi undang-undang kebebasan asasi Perlembagaan berkait dengan bercakap, berhimpun dan menubuh persatuan. Kedua, menjejaskan dengan seriusnya doctrine of separation of powers untuk memperuntukkan checks and balances kerana ianya sama seperti satu use of patience of powers oleh Eksekutif bukan sahaja daripada pihak Kehakiman tetapi juga Legislature. Ketiga, membawa Malaysia lebih dekat kepada satu institutionalised dictatorship sementara memelihara perhiasan, bentuk-bentuk demokrasi berparlimen.

Memang kesemua 48 pertubuhan dan persatuan dalam rayuan bersama mereka atas pindaan-pindaan tersebut kepada pihak Kerajaan pada hari Isnin, 6hb April, 1981 yang pada awalnya merayu kepada Kerajaan

supaya jangan meneruskan pembentangan Rang Undang-undang tersebut dan meminta supaya pindaan-pindaan yang dicadangkan itu digugurkan sama sekali tetapi dari sejarah Kerajaan Barisan Nasional yang meletak Rang Undang-undang yang mencabuli hak-hak manusia dan kebebasan-kebebasan demokratik walaupun ada bantahan-bantahan orangramai, saya perlu dimaafkan jika saya tidak memikirkan kemungkinan berlakunya seumpama dahulu sekali lagi walaupun saya rela dibetulkan. I am prepared to be put wrong, mahupun saya tidak memikir Kerajaan akan bersetuju untuk merujuk pindaan-pindaan ini kepada satu Select Committee tetapi kita akan membincangkan perkara ini dan kita akan cross the bridge apabila kita sampai kepada bridge itu.

Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan Merdeka tahun 1957 mencerminkan dalam negara kita high watermark, kebebasan-kebebasan demokratik yang sejarahnya telah dihakiskan kerap kali dengan tindakan-tindakan executive, legislative dan constitutional. Hak asasi kebebasan bercakap, berhimpun dan menubuh persatuan sepertimana termaktub dalam Perkara 10, Perlembagaan Malaysia telahpun disyarat, dihad dan dihakiskan oleh undang-undang yang tidak demokratik dan oleh keputusan-keputusan pemerintah atau executive fiat sehingga ke semua ini tidak mempunyai apa-apa sama sekali. Perkara 10 Perlembagaan Malaysia memperuntukkan bahawa:

- “(a) tiap-tiap warganegara adalah berhak bebas bercakap dan mengeluarkan fikiran;
- (b) semua warganegara adalah berhak berhimpun secara aman dan dengan tidak bersenjata;
- (c) semua warganegara adalah berhak menubuhkan persatuan.”

Hak asasi,kebebasan bercakap telahpun dikurangkan dan dihakiskan melalui cara-cara seperti monopoli radio dan TV oleh parti pemerintah dan undang-undang akhbar yang

authoritarian dan dengan menghendaki diperbarui lesen setiap tahun telah secara berkesan mengkritik dan dissent dan melalui Akta Keselamatan Dalam Negeri yang membolehkan Kerajaan menahan tanpa had masa pengkritik-pengkritik Kerajaan yang tidak melakukan sebarang kesalahan di sisi undang-undang negara ini seperti dua orang Ahli Yang Berhormat dari parti DAP, Yang Berhormat Tuan Chian Heng Kai dan Yang Berhormat Tuan Chan Kok Kit yang telah ditahan lebih daripada empat tahun, seperti saudara Kassim Ahmad daripada PSRM dan dahulunya saudara Syed Hussein Ali dari PSRM juga, saudara Annuar Ibrahim dari ABIM, malah saya sendiri pun juga ditahan. Dan juga melalui lagi penghapusan immunity Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri untuk menyoal beberapa issue sensitif sejak tahun 1971. Kedua-dua hak asasi, bercakap dan berhimpun telah dihadkan oleh keputusan pemerintah melalui Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam tahun 1978. Untuk mengharamkan rapat umum dengan alasan bahawa pihak komunis akan merayakan ulangtahun ke-30 mereka. Jadi rakyat nampaknya dirayakan sehingga hari ini walaupun sukar untuk terima bahawa pihak komunis—Yang Berhormat Menteri selalu ada bercakap sudah kept on the run—ada kebolehan untuk merayakan ulangtahun untuk tiga tahun sehingga sekarang rapat umum belum dikembalikan.

Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan) ini menunjukkan sifatnya dengan serangan yang terbaru dan paling serius terhadap hak-hak bercakap, berhimpun dan menubuhkan persatuan yang tipis bagi rakyat Malaysia oleh kerana ia memberi kuasa-kuasa luas dan baru kepada Pendaftar Pertubuhan yang akan membolehkan beliau untuk hampir-hampir menguasai operasi dan pentadbiran semua pertubuhan dalam negeri ini. Dengan yang demikian, Rang Undang-undang (Pindaan) ini memperuntukkan 3 jenis pertubuhan iaitu parti politik, pertubuhan politik dan pertubuhan persahabatan.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Rang Undang-undang ini sesuatu pertubuhan politik adalah ditakrifkan sebagai satu

pertubuhan, dengan izin, oleh kerana naskah sahah dalam Bahasa Inggeris:

2. xxxxxxxx

“political society” means any society which-

(a) by any of its objects or rules, regardless whether such object or rule is its principle object or rule, or constitutes merely an object or rule which is ancillary to its principal object or objects or to its principal rule or rules, makes provision for the society-

(i) to secure in any manner any degree of control of, or to influence in any manner, the Government of Malaysia, or the Government of any State or the administration of any local authority; or

(ii) to influence in any manner the policies (mungkin termasuk tulis satu surat) or activities or the functioning, management, or operation of the Government of Malaysia, or of the Government of Malaysia, or of the Government of any State, or of any local authority, or of any statutory authority, or of any department or agency or any such Government or authority; or

(iii) to assist in any manner any other society or societies to secure such control or exercise such influence as is referred to in subparagraphs (i) and (ii); or

(b) notwithstanding anything contained in its objects or rules, conducts itself or carries on activities in a manner which taken as a whole has a tendency to urge the adoption of its principles or objectives as the Policy of the Government of Malaysia or the Government of any State; or

(c) is a political party; or

(d) supports, or expresses in any manner support or sympathy for, any political party, or is opposed to, or expresses in

any manner any opposition to, any political party; or

(e) supports, or expresses in any manner support or sympathy for, or is opposed to, or expresses in any manner any opposition to;

(i) any candidate, candidates, or group of candidates in any election to the Dewan Rakyat, or to a Dewan Undangan Negeri, or to a local authority; or

(ii) any person in the matter of any appointment or election to the Dewan Negara; or

(f) supports, or expresses in any manner support or sympathy for, or is opposed to, or expresses in any manner any opposition to, any political party in any election or appointment referred to in paragraph (e).

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati di bawah Part 1A Rang Undang-undang ini satu seksyen baru 18A sampai 18J memberi kuasa yang boleh dikatakan absolute kepada Pendaftar Pertubuhan untuk denote a society sebagai satu political society dan apabila satu political society di “denoted” oleh Pendaftar ia diharamkan daripada membenarkan sesiapa yang bukan warganegara Malaysia menjadi seorang ahli ataupun pertubuhan politik pun diharamkan daripada mendapat apa-apa kewangan atau harta atau pecuniary benefit or advantage daripada punca-punca luar negeri, selain daripada dengan izin Pendaftar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kedua-dua perkara ini Pendaftar ada kuasa yang absolute untuk membatalkan pendaftaran pertubuhan politik kalau ada melanggar kedua-dua peruntukan ini dan kuasa ini dengan kuasa untuk denote satu badan sebagai satu political society tidak boleh dicabar di mahkamah. Rayuan baru ialah kepada Yang Berhormat Menteri yang mana keputusannya:

“Shall be final and conclusive, and shall not be challenged, appealed against, reviewed, quashed or called in question in any court.”

Tadi beliau katakan kalau tidak *bona fide* boleh cabar, tetapi kalau Yang Berhormat

Menteri tidak membuat apa-apa sebab mana asas untuk dicabar, cakap sokong atau tak sokong—habis tak ada alasan untuk cabar selain daripada Menteri dalam rayuannya akan memberi alasan yang cukup di mana boleh serah kepada sesiapa untuk rayu dan cabar di mahkamah dan itupun mungkin satu perkara yang boleh dipertikaikan. Kalau tadi Yang Berhormat Menteri kata boleh pergi mahkamah lagi, bolehlah pinda di mana bahagian-bahagian yang disebut bahawa tidak boleh dicabar di mahkamah ditinggalkan.

Tuan Yang di-Pertua, kuasa-kuasa ini saya sifatkan sebagai terrible powers. Yang pertama definition sebuah pertubuhan politik begitu luas and all-encompassing, saya rasa sangat sukar untuk satu pertubuhan kalau mahu lari daripada definisi itu. Saya rasa pertubuhan-pertubuhan sukarela semacam Red Cross atau semacam Persatuan Orang Buta atau Pertubuhan Sejarah Malaysia atau Parents-Teachers' Association semua boleh didefine sebagai political society, kalau misalnya mereka menjemput Menteri-menteri atau pemimpin-pemimpin Barisan Nasional untuk datang kepada upacara-upacara makan mereka dengan harapan bahawa dapat bantuan sedikit daripada pihak Kerajaan. Ini pun mahu influence government dan tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan dia Pengerusi Persatuan Olahraga, ataupun dia ada sebut contoh Persatuan Orkid Malaysia, kalau Persatuan Olahraga mengharapkan boleh dapat sedikit bantuan daripada Kerajaan, tentulah ini sudah menjadi satu political society. Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju?

Tuan Sanusi bin Junid: Tidak setuju.

Tuan Lim Kit Siang: Sebab itu definisi political society begitu luas and all-encompassing, semua boleh masuk dan ini akan memberi kuasa kepada Pendaftar untuk berkecuali dengan apa yang kita tengok bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri katakan contoh tadi itu bukan political society, ini menunjukkan bahawa Pendaftar Pertubuhan ada kuasa yang penuh untuk mahu kecuai atau tidak kecuai satu badan denote sebagai pertubuhan politik dan apa

yang akan berlaku ialah selective exemption, selective kegunaan kuasa dengan selective semacam apa yang kita sekarang boleh tengok, proses selective prosecution oleh Attorney-General's Chambers terhadap mereka yang ada korap, yang ada melanggar kesalahan-kesalahan hasutan atau Akta-akta Jenayah, selective prosecution. Sama itu akan berlaku, Pendaftar Pertubuhan selective, denotion, definition sebagai political society. Dan ini akan membangkitkan satu keadaan di mana salahguna kuasa akan maharajalela di negara kita dengan tujuan mencapai tujuan politik parti-parti pemerintah.

Tuan Yang di-Pertua, ketiga usaha-usaha untuk categorisekan society-society sebagai political society adalah tujuan untuk stifling kritik-kritik dan dissent dengan tujuan untuk menghadkan kebebasan berucap dan association untuk menyekatkan beberapa banyak pertubuhan-pertubuhan yang sudah memberi sumbangan yang besar kepada perkembangan negara kita, dalam beberapa bidang baikpun kebudayaan, pelajaran, agama, sosio-ekonomi dan lain-lain. Seperti memorandum 48 Persatuan-persatuan, Pertubuhan-pertubuhan ada mengatakan bahawa pindaan-pindaan semacam ini akan mengakibatkan satu keadaan di mana penyertaan masyarakat dalam soal-soal penting negara akan berkurangan. Perbincangan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan persatuan-persatuan tertentu dan masyarakat juga pasti berkurangan, hal yang sedemikian akan mendatangkan kesan buruk dan akan merugikan semua pihak.

Lagi satu sebab ialah dengan peruntukan semacam ini dan pindaan-pindaan di hadapan kita kakitangan-kakitangan Kerajaan, guru-guru, pensyarah-pensyarah dan lain-lain jenis kakitangan-kakitangan Kerajaan yang sehingga hari ini ada memainkan peranan yang besar dalam kumpulan-kumpulan sosial ini seperti persatuan-persatuan environmental and consumer, reform movements dan badan-badan agama, nampaknya akan dipaksa undur daripada penglibatan ini oleh kerana mereka disifatkan sebagai political society, mungkin melalui satu directive, arahan daripada PSD—mungkin. Kemungkinan ini sebenarnya

antara sebab tujuan utama di dalam Rang Undang-undang ini untuk menafikan kakitangan-kakitangan Kerajaan, pensyarah-pensyarah, guru-guru daripada memainkan satu peranan dalam political society oleh kerana PSD boleh mengeluarkan satu arahan bahawa semua kakitangan-kakitangan Kerajaan tidak boleh ambil bahagian dalam political society dan kalau inilah tujuan yang sebenarnya yang unstated, tujuan unstated utama Kerajaan. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh dengan terus terang dalam perkara ini atau membuat satu jaminan bahawa tentulah tidak akan berkembang perkara semacam ini. Kekurangan penglibatan awam dalam isu-isu sosial yang mustahak, saya rasa akan menjadi satu kehilangan besar kepada masyarakat Malaysia oleh kerana kesihatan nasional dan kesihatan sosial Malaysia bergantung kepada satu keadaan di mana ada kesedaran penglibatan yang lebih luas oleh orang ramai dan bukan dikurangkan. Bar Council dalam memorandum mereka yang ada protest terhadap pindaan-pindaan ini ada mengatakan bahawa Rang Undang-undang ini nampaknya gagal mengakui bahawa pertubuhan-pertubuhan ditubuhkan untuk mempengaruhi sesiapa dan dalam perkara ini tidak ada apa-apa salah semacam Bar Council di dalam memorandumnya ada sebut beberapa perenggan, *dengan izin*:

"A society for the blind or deaf might want legislation in the interest of the disabled, a nature society will want the Government to make provision for parks, a consumers society may want the Government to control certain foodstuffs to impose price legislation, and an organisation of manufacturers may want tariffs imposed on certain imports.

All this is in the public interest. This is how democracy works and a democratic and representative Government welcomes all these approaches, comments, criticisms and proposals. That is one of the ways in which it is kept in touch with society's needs.

Freedom of speech and freedom of association are essential in a free society."

Dan memorandum 48 pertubuhan-pertubuhan ada memberi pandangan bahawa

categorisation pertubuhan-pertubuhan sebagai political society dan lain-lain menunjukkan bahawa tidak begitu banyak fahaman mengenai bagaimana satu sistem demokrasi berjalan. Tetapi dalam pandangan saya Kerajaan dan Menteri-menteri Kerajaan faham dengan kononnya bagaimana satu sistem demokrasi berjalan dan dengan sebab itulah mahu memberi satu pukulan yang hebat kepada idea demokrasi, kepada spirit of democracy dengan pindaan-pindaan ini untuk cripple kalau boleh destroy interest and pressure groups melalui control yang begitu stringent oleh Pendaftar Pertubuhan, tentulah consequence-consequence yang sangat serius akan ditimbulkan, akibatnya ialah apa yang saya sebut di mana kumpulan-kumpulan sosial dilemahkan dan seperti memorandum 48 pertubuhan yang ada menyebutkan akibat-akibatnya ialah:

- (i) Kumpulan-kumpulan sosial tidak dapat mengemukakan pandangan bebas terhadap apa-apa masalah dan tidak terikat dengan kepentingan kepartian parti-parti politik mungkin terbatas dalam keadaan-keadaan tertentu kerana terikat untuk menjaga kepentingan mendapat sokongan pengundi-pengundi.
- (ii) Pertubuhan-pertubuhan ini tidak lagi merupakan saluran berkesan untuk menyampaikan hasrat rakyat yang dapat dimanfaatkan bersama oleh Kerajaan sebagai maklum balas dari rakyat.

Sambutan rakyat yang dapat dikesan melalui pertubuhan-pertubuhan akan mencakup persoalan masyarakat secara meluas. Ini akan membantu Kerajaan dalam perancangan mengkaji semula dan sesuaikan dengan dasar-dasar yang dapat menjamin kepentingan dan kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Rang Undang-undang inipun menjadi satu shift kuasa, shift in power relationship in the doctrine of the separation of powers yang menguntungkan Executive dan atas kepentingan Judiciary. Dalam Rang Undang-undang ini ada empat bahagian atau empat seksyen yang ada memberi multiple kuasa kepada Pendaftar di mana kuasa-kuasa

Pendaftar tidak boleh dicabar dalam mahkamah, barulah rayu kepada Menteri.

Seksyen 18 misalnya tadi saya ada sebut memperuntukkan bahawa kuasa-kuasa Pendaftar untuk menamakan satu Pertubuhan sebagai political society untuk batalkan pertubuhan-pertubuhan ini is non-judicial—tidak boleh dicabar di mahkamah. Tetapi peruntukan saya rasa yang begitu blatant and brazen usurpation kuasa Judiciary dan boleh kata menjadi satu upset yang besar kepada doctrine of the separation of powers ialah seksyen baru 2A, di mana seksyen baru 2A yang berbunyi:

“It shall be the duty of every registered society in carrying out its activities and in conducting its affairs to ensure that they are in accord with, and conducive to the fulfilment of and adherence to”

Saya tidak tahulah apa erti semuanya, mungkin nanti dalam Committee Stage, Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh beri definition ini.

“. . . in accord with, and conducive to the fulfilment of and adherence to, the provisions of the Federal Constitution and the State Constitutions, and where any of the activities or affairs of any society is in any manner violative of, or derogatory to, or militates against, or shows disregard for”

Terrible words, Tuan Yang di-Pertua, words yang tidak ada erti, words di mana setiap orang ada definition sendiri sahaja.

- “(a) the system of democratic government headed by a constitutional sovereign of the Federation, and, in the States, by the respective constitutional Rulers or Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri; or
- (b) the position of Islam as the religion of the Federation with other religions, being practised in peace and harmony; or
- (c) the use of the National Language for official purposes; or
- (d) the position of the Malays and of the natives of the States of Sabah and Sarawak; or

(e) the legitimate interests of the other communities; or

(f) any other matter

as provided under the Federal Constitution or any of the State Constitutions.”

This is even more terrible, Tuan Yang di-Pertua, “any other matter”—kalau tidak suka satu koma atau semi-colon pun kenalah. The Registrar may cancel the registration of the Society after giving the Society an opportunity to make representations.

Tuan Yang di-Pertua, inilah satu monstrous clause dengan consequence yang begitu far-reaching bukan sahaja shift kuasa daripada Judiciary kepada Executive, pun shift kuasa satu usurpation daripada pintu belakang kuasa Legislature kepada Executive.

Yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, kuasa-kuasa inherent mahkamah untuk menentukan soalan-soalan Perlembagaan dan undang-undang sama ada ada tindakan “violative of, or derogatory to, or militates against, or shows disregard for” apa-apa peruntukan Perlembagaan, tentulah satu perkara dalam bidangkuasa mahkamah untuk menentukan atas evidence, atas interpretation of the Constitution dan bukan untuk Pendaftar-pendaftar yang nampaknya bukan sahaja sudah sapu semua kuasa Federal Court, pun sapu semua kuasa Privy Council yang akan menentukan siapa ada “violative of, or derogatory to, or militates against or shows disregard for”.

Saya pun tidak tahu bahawa kalau kita ada seorang Pendaftar dan tidak ada latar belakang undang-undang atau ada pengalaman yang sangat terhad dalam legal (Undang-undang), saya rasa terrible, kita dalam satu “dark-ages” kenapa mahu satu peruntukan monstrous provision semacam ini. Inilah satu encroachment yang sangat teruk, kuasa-kuasa Kehakiman yang mesti dilawan. Kalau tidak, saya rasa kita akan buka flood-gate di mana lain-lain kuasa-kuasa Kehakiman pun sudah dirampas oleh Executive. Lain kali tidak payah ada Kehakiman, Judiciary kita boleh tutup, semua Government Department buat keputusan—baik.

Tuan Yang di-Pertua, di tahun 1971 Perlembagaan kita ada dipinda untuk senaraikan keempat-empat perkara sebagai sensitif, tidak boleh disoalkan termasuk dalam Dewan yang mulia ini. Kalau disoalkan, boleh didakwa atas Sediton Act dan MPs dan State Assemblymen pun hilang parliamentary immunity dalam keempat-empat perkara ini. Masa itu pihak Kerajaan ada buat satu pengumuman bahawa parti-parti politik kalau selalu di mana pemimpin-pemimpin, pegawai-pegawai mereka menyoalkan sensitive issues dan didakwa di mahkamah dan kena dapat conviction, Kerajaan mungkin akan mengharam atau membatalkan pendaftaran parti-parti politik itu; mungkin melalui Seksyen 13 principal Act yang mana ada peruntukan bahawa Pendaftar Pertubuhan ada kuasa untuk batalkan pendaftaran. Kalau pertubuhan itu ada digunakan for "purposes prejudicial to or incompatible with peace, welfare, good order or morality in the Federation".

Masa itu kalaulah ada pemimpin-pemimpin satu parti beberapa kali soalkan, bawa ke mahkamah, kena sedition, lagi soalkan, pergi mahkamah; mungkin parti itu akan ditutup. Tetapi sekarang dengan peruntukan Seksyen 2A, Pendaftar boleh membatalkan pendaftaran parti itu oleh kerana aktiviti-aktiviti of any society in any manner violative of, or derogatory to, or militates against, or shows disregard for. Tidak payah mahkamah buat apa keputusan, Pendaftar sudah menjadi seorang supremo, apabila dia cukup puas hati melalui pindaan ini boleh cancel parti-parti politik.

Ini bererti dengan satu stroke of the pen, empat perkara sensitif melalui satu pindaan Perlembagaan, mengenai kedaulatan Raja-raja, kerakyatan, Perkara 152 mengenai Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi dan bahasa-bahasa lain dan mengenai hak-hak istimewa orang Melayu; masa itu empat perkara; sekarang dengan satu pindaan bukan kepada Perlembagaan tetapi satu pindaan kepada satu undang-undang yang biasa sahaja sudah diperluaskan kepada empat sensitive issues sekarang sudah jadi enam sensitive issues. Kalau kita tengok (f) any other matter, dalam Federal Constitution dan State Constitutions nampaknya beratus-ratus, beribu-ribu issue sudah jadi sensitif

tanpa pindaan kepada Perlembagaan. Adakah ini menunjukkan bahawa undang-undang ini berasaskan kepada Perlembagaan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Menteri. Ini unconstitutional sebenarnya. Ini adalah merampas kuasa Parlimen oleh Executive. Inipun bererti kalau saya di Parlimen atau di luar ada cadangan selain daripada empat isu yang sensitif, selain daripada itu ada cadangan bahawa patutlah Perlembagaan Federal atau State dipinda oleh sebab tidak berapa baik, parti saya boleh dibatalkan pendaftarannya di bawah pindaan ini. Saya mahu bertanya, adakah ini tujuan Kerajaan; kalau tidak, mengapa. Saya sangat seronok tengok Yang Berhormat Menteri berkata bukanlah itu tujuannya. Jikalau itu bukan tujuannya, kenapa ada peruntukan-peruntukan yang begini monstrous. Adakah ini bad draftsmanship? Adakah ini secara cepat-cepat membuat pindaan ini yang begitu terrified. Saya rasa ini patut diberi satu penjelasan yang cukup-cukup memuaskan hati, kalau tidak Parlimen ini ada remiss, Dewan yang mulia ini ada remiss dalam tanggungjawabnya untuk meluluskan satu peruntukan semacam ini di mana Perlembagaan tidak ada bererti lagi.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara mengenai peruntukan ini new section 2A yang patutlah diambil perhatian oleh semua orang yang saya sebutkan tadi, dahulu semenjak tahun 1971 ada termaktub empat perkara sebagai sensitif, sekarang nampaknya sudah ada lima. Tetapi kalau kita bandingkan isu-isu sensitif tahun 1971 dengan isu-isu sensitif dalam Rang Undang-undang ini selain daripada any other matter is incomparable tetapi tidak boleh dibanding itu a, b, c, d, e. Nampaknya tidak serupa, nampaknya pihak Barisan Nasional ada menukar fikiran mengenai apa yang sensitif dan apa yang bukan sensitif. Sungguhpun ada fikiran yang baru bukan melalui pindaan perlembagaan tetapi melalui back-door pindaan, mahu tukar hak-hak Perlembagaan. Sebagai contohnya di antara empat perkara sensitif ialah artikel atau Perkara 152 yang memberi perlindungan kepada kedudukan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi dan memberi perlindungan kepada lain-lain bahasa dalam kegunaan dan dalam pengajaran.

Dalam Rang Undang-undang ini 2A (c) apa yang disebut "the use of the National Language for official purposes" ialah bahagian pertama sahaja, mana bahagian kedua? Sudah hilang. Adakah ini bererti bahawa itu mungkin tidak begitu sensitif. Saya rasa inilah tindakan yang tidak sewajarnya, adil dan patut. Dan lagi di antara empat perkara yang termaktub sebagai sensitif ialah perkara kerakyatan. Dalam Rang Undang-undang ini tiada tersebut kerakyatan. Adakah ini menunjukkan ada different scale of values secara senyap?

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa peruntukan ini sangat-sangat disturbing bukan sahaja peruntukan yang explicit yang dikatakan usurp kuasa-kuasa Judicial Kehakiman dan Perundangan. Tetapi dengan falsafah-falsafah, motif-motif politik di belakangnya. Seksyen 2A baru ini akan memberi kuasa hidup mati kepada Barisan Nasional menentukan semua parti-parti politik, bukan political societies, parti-parti politik dan tidak boleh cabar dalam Mahkamah. Saya rasa tidak ada satu negara yang mengatakan dia demokratik, boleh mengadakan undang-undang begitu authoritarian. Sebab itu tadi saya ada kata kalau pindaan-pindaan bentuk ini diluluskan, Malaysia akan hampir lebih dekat satu institutionalised dictatorship sungguhpun di luar ada bentuk-bentuk parliamentary democracy.

Lagi satu bidang di mana Pendaftar ada kuasa-kuasa yang begitu absolute yang tidak boleh dicabar di Mahkamah ialah Seksyen baru 9A. Ini membuat peruntukan bahawa seseorang akan disqualified from being, and shall not become or remain, an office-bearer, adviser or employee of a registered society:

- (a) if he has been convicted of any offence against this Act; or
- (b) if he has been convicted of any offence under any other law and sentenced to a fine of not less than two thousand ringgit or to imprisonment for a term of not less than one year; or
- (c) if there is in force against him any order of detention, restriction, supervision, restricted residence, banishment or

deportation under any law relating to the security, or public order in, the Federation of any part thereof, or to prevention of crime, preventive detention, restricted residence, banishment or immigration.

Seksyen 9A (1) (b) Tuan Yang di-Pertua, akan menangkap Datu Harun Idris selepas dia bebas daripada Penjara Pudu untuk 5 tahun dan dia tidak boleh jadi office-bearer daripada tarikh dia dapat dibebaskan.

Seksyen 9A (1) (c) akan melibatkan Ahli-ahli M.P. DAP Saudara Chian Heng Kai dan Saudara Chan Kok Kit yang sekarang masih dalam tahanan lebih daripada 4 tahun dan dalam masa tahanan ia tidak boleh menjadi office-bearer. Dan Kassim Ahmad sebagai President PSRM pun akan kena, oleh kerana masih dalam tahanan tidak boleh memegang apa-apa jawatan. Sungguhpun saya tahu selepas present term of office.

Saya sangat tertarik dengan ucapan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri apabila membentangkan Rang Undang-undang ini. Oleh kerana nampaknya beliau ada berkata ada kemungkinan bukan sahaja seorang yang masih dalam tahanan bukan oleh kerana beliau ada membuat apa-apa kesalahan oleh kerana Kerajaan takut bawa mereka ke Mahkamah yang menjadi satu pengakuan mereka tidak bersalah, bahawa Kerajaan tidak ada apa-apa bukti can stand up in the court of law, bahawa mereka masih dalam tahanan mungkin juga tidak boleh menjadi Ahli-ahli Parlimen. Sungguhpun ini bukan dalam teks ucapannya tetapi dalam tambahan (addition) nampaknya ada suggestion, ada cakapan semacam ini. Kenapa tidak dengan terus terang bercakap apa tujuannya sama ada seorang dalam tahanan boleh atau tidak menjadi Ahli Parlimen. Banyak dalam peruntukan ini yang ada cover-up. Satu hari monster akan keluar, sekarang the lead is on, oleh kerana sungguhpun Seksyen ini ada menyebutkan bahawa ia tidak boleh jadi office-bearer. Apa dia definition office-bearer, Tuan Yang di-Pertua? Mengikut Seksyen 9A (7) (c) definition of office-bearer lagi satu monstrosity, lagi satu monster.

Definition of "office-bearer" di bawah Seksyen baru 9A (7) (c) termasuk,

"any person who is appointed or authorised to represent, or act on behalf of, a registered society, in any matter..."

ialah office-bearer, bukan President sahaja, bukan Treasurer, bukan Setiausaha tetapi, "any person who is appointed or authorised to represent, or act on behalf of, a registered society, in any matter". Ini akan bererti bahawa seorang ahli yang biasa, seorang anggota yang biasa yang tulis satu surat kepada suratkhbar atau buat satu ucapan sudah kena, sudah jadi office-bearer. Adakah tidak? Kalau tidak kenapa ada definition ini, mansuhkan definition ini. Tak guna, Tuan Yang di-Pertua, di sini kata "tidak, tidak", tetapi selepas dua tahun menjalankan, melaksanakan. Masa itu mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah pergi ke lain Kementerian, dia kata tak tahulah. Tujuannya itu bukan begitu, sekarang lain orang jaga, lain orang buat. Dan "any person who is appointed or authorised to represent, or act on behalf of, a registered society, in any matter" bererti bukan sahaja tulis surat, memberi ucapan, tetapi stand for election oleh kerana ini "represent". Stand for election atau menjadi calon partipun tidak boleh.

Adakah ini oleh kerana Kerajaan dalam tahun 1978 tengok dua calon DAP dalam tahanan bertanding dalam pilihanraya besar sungguhpun dalam *in absentia* pun boleh menang, bukan sahaja boleh menang tetapi di Sungai Besi mendapat majority yang terbesar sekali dalam sejarah Malaysia, yang menunjukkan rakyat sokong mereka, yang menunjukkan bahawa Kerajaan adalah salah. Adakah ini satu cara daripada belakang untuk menafikan mereka keluar lagi, untuk menunjukkan bahawa dalam 4 tahun lagi mereka boleh dapat sokongan rakyat.

Saya mahu bertanya kenapa dalam pindaan Trade Unions Ordinance baru-baru ini pun ada definition "office-bearer" yang baru, apa dia definition itu? Definition itu ialah "office-bearer":

"When used with reference to a political party means any person who is the President, Vice-President, Secretary, Assistant Secretary, Treasurer or Assistant

Treasurer of the political party or who holds any office or position by whatever name called, which is analogous to any of those mentioned above, or who holds any office or position in the political party whereby he exercises management or control of the affairs of the political party."

Bukan semacam ini "authorised to represent"—authorised to represent anything? Kalau itu kata ini lagi satu pelanggaran Perlembagaan, lagi satu usaha untuk pinda Perlembagaan, bukan dengan tindakan ternyata tetapi back-door oleh kerana Fasal 48, Perlembagaan ini ada senaraikan syarat-syarat di mana seorang disqualified dari menjadi seorang Ahli Parlimen—(a), (b), (c), (d), (e) dan (f) tidak bahawa dia dalam tahanan. Kenapa dalam sejarah kita Kerajaan Barisan Nasional sekarang mahu pinda Constitution bukan dengan terbuka tetapi daripada back-door.

Saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri boleh memberi satu penjelasan yang terang dan bukan sahaja satu penjelasan yang terang, tetapi memastikan bahawa peruntukan-peruntukan tidak boleh menimbulkan intepretasi-intepretasi tadi oleh kerana tak guna ucapan-ucapan Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri have no force of law, pergi mahkamah, Oh! itu ucapan sahaja, tetapi Bill inilah force of law, sebab itu nampaknya dalam banyak bahagian, perlulah kajian semula. Sebab itu saya cadangkan pergi ke Select Committee supaya apa-apa monstrosity boleh ditarik keluar.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu bidang di mana Pendaftar Pertubuhan ada kuasa yang tidak begitu absolute ialah dalam menentukan bahawa pertubuhan-pertubuhan tidak boleh ada perhubungan antarabangsa. Ini ialah dalam peruntukan Seksyen baru 13A. (1) yang berbunyi bahawa Registrar ada kuasa membuat satu order in writing:

"(b) prohibiting the society from having, directly or indirectly, any affiliation. . . ."

Apa ertinya, saya tak tahu lagi, "directly or indirectly". Lain orang tulis surat dia tengok, itu indirectlykah? Mana ada erti, this is a law, a legal document, what is meant by

“indirectly”? “Prohibiting the society from having, directly or indirectly, any affiliation”—itu bolehlah affiliate—“connection”, apa itu connection? Satu panggilan telefon kena; “communication, or other dealing whatsoever, with any society, organisation, or other body whatsoever outside the Federation”. Terrible, Tuan Yang di-Pertua, Penuh dengan terrible words—“indirectly”, “communication”, “connection”, “dealing”. Saya haraplah bahawa dalam Dewan ini yang ramai ada legal training and background termasuk Menteri Pertanian sekarang dengan menggunakan bolehlah prompted oleh conscience mereka bahawa inilah tak boleh diluluskan, serah. Tentulah mereka tidak ada conscience, apapun boleh lulus. Saya tidak bercakap kepada mereka yang tidak ada conscience, ini buang masa sahaja, fasal mahu orang-orang yang ada conscience dengar sahaja. Tuan Yang di-Pertua, mereka tak faham, single pun tak faham, itu apa boleh buat. Inilah tragedi Malaysia ada wakil semacam ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada dua bahagian dalam Rang Undang-undang ini di mana saya rujuk kepada Part IA, 18F di mana kata bahawa kalau puas hati Registrar boleh ambil tindakan terhadap mereka yang sungguh langgar peruntukan-peruntukan (1) dan (2):

“(4) Where the Registrar is satisfied that any registered society has contravened the provisions of subsection (1) or (2).....”—

ialah mengenai orang-orang bukan Federal citizen dan lain-lain—

“.....he may cancel the registration of such society after giving it an opportunity to make representations to him, notwithstanding that no prosecution has been brought against the society under subsection (3), or that a prosecution against the society or any other person under subsection (3) is pending.....”

dan lebih dahsyat lagi,

“.....or has not resulted in a conviction of the accused”.

Ada prosecution, no conviction, innocent, tetapi Pendaftar boleh terus ambil tindakan.

Apa ini? Ada prosecution, no conviction; menang, tidak salah, tetapi Pendaftar kata salah. Bukan di satu tempat itu sahaja, ada satu tempat lagi terrible, 18G (3) pun macam itu juga. Ada prosecution, tidak ada conviction tidak mengapa, ambil tindakan. Ini menghina sistem kehakiman. Ertinya ialah kehakiman boleh buat apa sahaja, iaitu keputusan bahawa seseorang itu tidak bersalah pihak executive tidak akan menerima oleh kerana dia katakan dia salah. Semacam dahulu mahkamah kata seorang Menteri corrupt; Kerajaan kata, tidak dapat diterima, kita rasa dia tidak corrupt. Tetapi sebaliknya apa dia contoh rule of law ini. Apabila kuasa-kuasa ini ditempatkan di tangan Menteri, oleh kerana merayu kepada Menteri, adakah seorang Menteri mempunyai judicial temper oleh kerana ini satu exercise of judicial power, judicial temper untuk menilai, untuk menimbang, untuk memberi satu hukuman, satu keputusan yang adil, yang patut.

Semalam apabila ahli-ahli Bar Council datang untuk membentangkan rayuan-rayuan, memorandum-memorandum kepada Ahli-ahli Parlimen, kepada Menteri-menteri, saya dapat tahu bahawa Pengerusi Bar Council cuba kemukakan memorandum kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, tetapi apa dia buat, bukan diterimanya—dismiss dia, snub dia: “Hantar kepada office saya.” Kalau ini bukan angkuh, atau seorang yang mempunyai arrogance of power, membuatkan tindakan itu bolehlah beliau dengan adil menimbang dan menilai rayuan-rayuan. Sebab itu kita bawa kehakiman, away from the hustle and bustle dalam bidang-bidang ini. Saya rasa inilah satu sistem yang tidak sihat akhirnya setiap keputusan yang akan menentukan satu pertubuhan mesti boleh pergi ke mahkamah untuk satu keputusan yang akhir. Dalam ucapannya Yang Berhormat Menteri ada berkata bahawa sebenarnya tujuan pindaan Rang Undang-undang ini ialah to call a spade a spade. Tetapi nampaknya disembunyikan di kebanyakan peruntukan ini, banyak spade yang tidak boleh dilihat, ada banyak monster yang kita belum tengok. Di mana spade itu dan kalau tidak mahu to call a spade a spade, kalau Rang Undang-undang ini diluluskan janganlah namakan Malaysia sebagai satu

negara demokrasi lagi. Call a spade a spade! Dia authoritarian dictatorship di mana Parlimen ialah rubber stamp sahaja. Ada orang yang tidak concern, apa yang di cakapkan, dia tidak tutup fikiran dia. Lebih baik kalau begitu kita luluskan satu paragraph cukuplah, tidak payah begitu banyak membaca, luluskan satu paragraph dulu, kita beri kuasa kepada Pendaftar Pertubuhan membuat apa-apa yang dia rasa perlu kepada pertubuhan-pertubuhan, cukup. Itu cukup. Dan Parlimen lima tahun sekali mesyuarat, diluluskan dan beri kuasa yang penuh. Satu perkara yang begitu penting ada orang yang berkata: apa gunanya, tidak mustahaklah. Saya rasa mereka yang bersikap seperti ini tidak layak menjadi Wakil Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kalau tujuannya ialah, tengok peruntukan Seksyen 2 yang memberi definition "political party" ialah mereka yang mahu calon-calon mereka dapat dipilih baik di Dewan Rakyat, Dewan Undangan Negeri ataupun Dewan Negara. Mereka yang ada tujuan semacam ini patutlah ditopeng keluar. Kalau begitu saya mahu bertanya kenapakah tidak ada peruntukan di mana mereka yang memberi derma yang begitu banyak kepada Barisan Nasional, beratus ribu ringgit, setengah juta ringgit itupun mereka yang mahu pengaruh politik ini mahu calon-calon yang memberikan donation kepada parti Barisan Nasional, mahu calon-calon Barisan Nasional menang, mereka inilah ambil penglibatan dalam proses politik. Syarikat-syarikat baikpun dalam negara ataupun luar negeri kenapakah tidak dikecualikan daripada scrutiny ini? Adakah ini satu lagi double standard, mereka yang kaya-raya, tidak mengapa. Bagaimana boleh menunjukkan consistency untuk menjaga proses politik kita, barulah tidak ada orang-orang yang bukan warganegara atau syarikat-syarikat yang bukan warganegara untuk mempengaruhi dan perkara semacam ini patut ditimbang oleh Select Committee.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak silap, dua tiga hari dahulu Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa kita jangan bimbang, tidak apa yang perlu ditakuti. Tujuannya yang sebenar ialah

mahu mencegah pertubuhan-pertubuhan Communist United Front Antarabangsa untuk mempengaruhi pertubuhan-pertubuhan di Malaysia. Kalau itulah tujuannya sangat senang. Kerajaan senaraikan, namakan badan-badan yang dalam pandangan Kerajaan ialah Communist United Front Organisation di bidang antarabangsa dan pertubuhan-pertubuhan Malaysia sebagai satu amaran. Kita tengok, itu sudah cukup. Kenapa mahu bawa pindaan yang terrible semacam ini? Sehingga sekarang saya belum habis membaca begitu teliti.

Tuan Yang di-Pertua, saya kata dalam masa yang sesuai saya akan kemukakan usul untuk mencadangkan bahawa Rang Undang-undang ini dirujukkan kepada satu Select Committee. Saya harap timbangkanlah perkara ini. Janganlah UMNO atau Barisan Nasional bersikap, biarlah apa DAP cakap, sungguhpun benar, tetapi tidak mahu dengar; mahu hentam; mahu react sebagai orang yang mindless sahaja. Saya harap di dalam usul untuk serahkan perkara ini kepada Select Committee perkara ini boleh dirujuk, banyak perkara mustahak yang saya timbulkan boleh dibincang di mana pertubuhan-pertubuhan pun ada peluang membentangkan pandangan-pandangan mereka supaya satu siasatan yang menyeluruh boleh dibuat. Saya akan memanggil division dalam perkara ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Akhirnya oleh kerana di setiap seksyen dalam Rang Undang-undang ini ada banyak perkataan-perkataan dan peruntukan-peruntukan yang begitu tidak jelas (vague), sangat merbahaya, saya hendak di dalam peringkat Jawatankuasa nanti kalau usul saya untuk serahkan perkara ini kepada Select Committee tidak diterima dalam satu-satu section, ada banyak perkara untuk memberi penjelasan.....

Tuan Yang di-Pertua: Saya dengar banyak kali Yang Berhormat kata hendak bawa kepada Select Committee, bila hendak cadangkan lagi?

Tuan Lim Kit Siang: Selepas Second Reading. Bolehkah saya cadangkan sekarang?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh, bila-bila masa boleh cadangkan.

Tuan Lim Kit Siang: Usul untuk diketengahkan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi saya baca Peraturan Mesyuarat kalau saya tidak silap.....

Tuan Yang di-Pertua: Setelah dibacakan kali yang kedua—54 (1). Tetapi diulang-ulangkan banyak kali buat apa.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau sekarang saya boleh kemukakan, tetapi itu tidak mengikut Peraturan Mesyuarat. Untuk mengakhiri ucapan.....

Tuan Yang di-Pertua: Bila hendak habiskan lagi ucapan!

Tuan Lim Kit Siang: Point yang akhir, di peringkat Jawatankuasa saya hendak tanya di tiap-tiap seksyen untuk mendapatkan penjelasan. Saya minta dalam peringkat Jawatankuasa bahawa Rang Undang-undang ini dikaji satu seksyen dengan satu seksyen.

Tuan Yang di-Pertua: Bila sampai Jawatankuasa waktu itulah bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tahu kerana yang biasa semua seksyen itu diketengahkan. Oleh kerana itu saya buat permintaan di peringkat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Maran.

5.34 ptg.

Dato Hishamuddin bin Haji Yahaya (Maran): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang baharu sebentar tadi dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Baharu sebentar tadi kita telah dengar hujah-hujah yang dikemukakan oleh pihak DAP selaku Ketua Pembangkang, tetapi sukalah saya mengatakan kepada beliau iaitu sebelum beliau menjadi champion kepada demokrasi eloklah beliau ini berusaha membetulkan partinya sendiri (*Tepuk*).

Kerana di dalam parti DAP sekarang cara tindak-tanduk yang dilakukan membuang ahli dan sebagainya beliau sendiri tidak mempraktikkan demokrasi (*Tepuk*). DAP kalau dahulunya merupakan Democratic Action Party tetapi skarang ini sudah bertukar kepada Dictatorship Action Party (*Tepuk*). Jadi, kalau parti yang seperti ini hendak menjadi champion kepada demokrasi, saya percaya rakyat umum—masyarakat umum akan mentertawakan mereka itu.

Saya berasa bangga kerana Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri begitu confident di dalam membentangkan Rang Undang-undang ini kerana beliau percaya dan saya juga percaya bahawa Rang Undang-undang ini akan dapat sokongan dari seluruh rakyat yang cintakan keamanan dan kesejahteraan hidup. Yang menentang Bil ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah pertubuhan-pertubuhan sahaja yang segelintir, kita ada beratus-ratus pertubuhan tetapi yang menentangnyanya barangkali tidak sampai satu pertiga. Pertubuhan-pertubuhan yang kita hormati seperti Pengakap, Bulan Sabit Merah, St. John dan sebagainya tidak menentang tetapi yang menentang adalah mereka yang tidak berjalan dengan betul, mereka yang menjalankan kegiatan ada udang di sebalik batu. Itu yang menentang. Jadi, kepada mereka Bil ini adalah merupakan satu pembukaan tirai. Jadi apabila tirai telah dibuka maka mereka ini telah didedahkan jadi nampaklah berbagai-bagai kesilapan, berbagai kegiatan yang dilakukan oleh mereka, jadi mereka ini menjadi seperti cacing kepanasan. Mereka inilah yang menyuarakan bantahan-bantahan dan bukan daripada persatuan yang betul-betul berjalan secara jujur yang memperjuangkan kepentingan persatuan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati dengan pendapat-pendapat yang telah dikemukakan oleh Bar Council kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari semalam. Jadi, mereka mengatakan bahawa pindaan kepada Akta Pertubuhan ini adalah bertentangan dengan Artikel 10 Perlembagaan iaitu mengenai dengan kebebasan bercakap dan mengadakan

pertubuhan-pertubuhan. Jadi, kempen seperti ini tidak ubah dengan kempen PAS dalam pilihanraya juga di mana ayat Quran dibaca sekerat tetapi kalau dibaca habis makna lain. Saya minta Bar Council ini, terutama Presidennya yang telah beramal undang-undang berpuluh-puluh tahun untuk membaca seterusnya Artikel 10. Artikel 10 ini panjang dan Menteri ada hak untuk membuat batasan-batasan yang tertentu untuk keselamatan dan keamanan negara. Ini tidak bertentangan dengan Perlembagaan. Seterusnya Bar Council juga saya percaya Ketua Pembangkang itu adalah membawa suara Bar Council kerana point-pointnya serupa dengan yang dibawa oleh Bar Council. Seterusnya Bar Council juga mengatakan bahawa pindaan Bil ini akan membelakangkan bidangkuasa Mahkamah Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini hendak mencabar Presiden Bar Council searif manakah mereka ini dalam masalah undang-undang (*Tepuk*). Adakah mereka itu betul jujur di dalam mengemukakan pendapat mereka? Ini saya kurang pasti, Tuan Yang di-Pertua. Bil ini tidak sekali-kali menahan kebebasan bercakap dengan menahan rakyat mengadakan berbagai pertubuhan seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi, cuma setakat kita hendak menentukan supaya kalau mereka bercakap dalam pertubuhan biarlah mereka itu bercakap di atas hal-hal kepentingan pertubuhan dan bukan menyuarakan suara-suara politik seperti Bar Council.

Bar Council ini, Tuan Yang di-Pertua, memang pandai menarik perhatian umum, kononnya pindaan ini akan membelakangkan bidangkuasa Mahkamah Tinggi. Jadi pengertian orangramai jikalau kita membuat sesuatu membelakangkan Mahkamah jadi tentulah orangramai mengatakan ini adalah satu tindakan yang paling zalim. Jadi itu reaksi yang dikehendaki oleh Bar Council.

Saya minta Bar Council jangan bercakap fasal separation of powers dan juga Ketua Pembangkang jangan cakap fasal separation of powers. Banyak orang mengerti di sini apakah itu separation of powers. Separation of powers ertinya memisahkan tugas di antara

legislative body seperti Parlimen ataupun Dewan Negeri, Judiciary dan Executive. Perpisahan tanggungjawab ini masih ada tetapi bukan ertinya kalau Menteri berhak menentukan ataupun Pendaftar berhak menentukan bahawa sesuatu badan ini adalah pertubuhan politik maka kita membelakangkan Mahkamah Tinggi, sama ada Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Persekutuan tanggungjawabnya adalah untuk menterjemahkan undang-undang yang dibuat oleh Parlimen. Itu sebab Parlimen ini supreme. Tidak ada mahkamah, tidak ada badan yang lebih tinggi daripada Parlimen, bukannya Parlimen mesti pergi tanya pendapat mahkamah sama ada kita boleh buat undang-undang ini atau tidak (*Tepuk*), kerana tugas mahkamah itu sendiri servant-master di sini, servant of sana, mereka hanya akan mentakrifkan apa benda, dan tiap-tiap kali Hakim membaca Ordinan atau Akta, Hakim akan mengambil kira apakah tujuan yang sebenarnya maka undang-undang ini digubal. Jadi, ini sepatutnya Bar Council sebagai satu badan yang terhormat dan mengetahui, arif, begitu juga Ketua Pembangkang seorang peguam yang arif patut mengetahui masalah ini. Tetapi nampaknya mereka ini bebal ataupun jahil ataupun sengaja barangkali hendak menegakkan benang basah, jadi cakap sampai satu jam setengah pun tidak membawa kesan apa-apa.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu yang saya sebutkan tadi masalah separation of powers, sebenarnya ini tidak berlaku dengan adanya pindaan undang-undang ini. Jadi argument ini saya rasa tidak sesuai bagi pihak Ketua Pembangkang untuk membawa dalam Dewan ini kerana kalau hendak kelentong biarlah di luar, janganlah hendak kelentong dalam Parlimen ini.

Fungsi Parlimen ini sebagai badan yang membuat undang-undang, fungsi executive dan juga fungsi judiciary memang tidak terjejas. Mengapa pula beliau menjadi champion kepada mahkamah mengatakan patut kuasa ini diberi kepada mahkamah? Bukannya tujuan mahkamah untuk datang merangkak ke Parlimen dan mengatakan: ini kuasa saya jangan ambil. Kita menetapkan kuasa mahkamah. Kalau kita tidak beri tugas

mahkamah, kalau Menteri sahaja ataupun Pendaftar sahaja boleh mengtakrifkan bahawa pertubuhan ini adalah pertubuhan politik dan bukannya pertubuhan lain, kita meringankan tugas mahkamah. Bukanlah mahkamah boleh paksa Parlimen supaya tugas itu kita berikan kepada mereka.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, Bar Council sendiri memang telah diresapi oleh fahaman politik diri sejak awal lagi. Jadi saya harap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mesti mengambil perhatian yang rapi Bar Council ini adalah satu badan yang merbahaya sebab tiap-tiap tahun dia ada berbagai-bagai conference, di Manila, di Jakarta, di Bangkok, Lawasia Conference, apa-apa SIA Conference dan di dalam conference ini mereka akan mengemukakan beberapa pendapat; apa juga perkara yang dicakapkan, apa juga perkara yang dituliskan akan berselindung di bawah human rights. Jadi, macam-macam telah diperkatakan landasan kepada human rights, jadi mereka tidak payah dunia lain, di dalam ASEAN ini sendiri telah banyak berpendapat seolah-olah kita di dalam Malaysia ini tidak ada mempraktikkan human rights. Ini adalah satu perkara yang sangat merbahaya.

Tidak mengapalah, Tuan Yang di-Pertua, itu fasal Bar Council, ada satu lagi saya hendak menarik perhatian kepada pihak yang tertentu, kalau boleh saya menyebutkan di sini bahawa pagi tadi saya ada membaca suratkhbar *The New Straits Times*, boleh saya quote, dengan izin:

“In Penang the Green Garden MIC Branch sent a telegram to Tan Sri Ghazali Shafie to protest against the proposed amendments to the Societies Act.”

Ini, Tuan Yang di-Pertua, saya harap MIC dapat membetulkan kedudukan MIC kerana MIC ini dalam Barisan Nasional. Jadi, saya harap pemimpin MIC ini janganlah berlagak membetulkan diri sendiri sahaja tetapi hendaklah membetulkan branches yang dalam Barisan Nasional. Takkan parti komponen Barisan Nasional membuat statement macam ini. Saya harap MIC dapat membetulkan keadaan ini supaya jangan ada pula duri di dalam daging di dalam masalah pindaan Bil ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong.

5.45 ptg.

Dr Tan Tiong Hong (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bolehlah diam sahaja jikalau motif Kerajaan yang tadi telah dapat beberapa misinterpretation dari wakil dari Petaling. Wakil dari Petaling tadi telah menggunakan adjective seperti monster, lain-lain adjectives seperti Supermo. Satu yang dia tidak gunakan, saya ingat ialah Ivan the Terrible. Tetapi saya dengar hujah-hujahnya, saya masih lagi tidak memahami apakah solution dia berkenaan masalah yang menghadapi negara kita hari ini iaitu untuk menstabilkan politik, ekonomi dan security kita. Selepas itu barulah kita boleh mengatasi masalah-masalah kemiskinan yang menghadapi majoriti rakyat kita.

Negara yang membangun seperti Malaysia nasib baik ada lima universiti, ada ekonomi yang stabil dan sekarang ada elites di dalam masyarakat kita; orang yang telah cukup makan, cukup pakaian, kereta besar, rumah besar dan juga ada orang yang boleh kata professional intellectuals. Orang-orang seperti ini kita perlu ada tetapi tanggungjawab Kerajaan ialah bukan sahaja untuk intellectual elites. Tanggungjawab Kerajaan kita ialah untuk silent majority, untuk orang yang tidak ada kerja, untuk orang yang menghadapi masalah dadah, untuk orang yang duduk di luar bandar dan juga di kampung-kampung baru. Ada lagi orang yang belum mendapat peluang untuk memasuki universiti atau tempat-tempat pelajaran vokasional atau teknik. Dan menggunakan hujah-hujah seperti monstrosity dan berkata negara kita ini sudah jadi sebuah negara yang bercorak dictatorship, saya ingat ini tidak benar dan barangkali rakyat jelata di luar bandar, di kampung baru apabila mereka membaca suratkhbar mereka pun tidak memahami apa sudah jadi, benarkah atau tidak benar negara kita sudah menjadi sebuah negara yang bercorak dictatorship.

Ini kita hari ini sudah jelas, Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dewan ini sesiapapun boleh bercakap. Dalam perbahasan usul ini, saya ingin beritahu kepada Tuan Yang di-Pertua

bahawa Barisan Nasional pun tidak menggunakan whip. Ini benar oleh kerana saya ingat kita semua ialah orang yang ada conscience, bukan tidak ada conscience yang tadi disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling. Kita ada conscience kita boleh timbang, kita mesti hendak ingat apakah yang kita perlu what is our priority, satu masyarakat yang adil, saksama yang boleh memberi peluang kepada orang ramai yang berpendapatan rendah atau memberi peluang yang lebih lagi kepada elitist. Ini yang kita harus mengkaji.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong pindaan-pindaan kepada Akta Pertubuhan ini dan saya penuh kesedaran serta menghargai kebimbangan yang ditunjukkan oleh persatuan-persatuan berkenaan Bill ini sambil menghargai peranan dan sumbangan elit-elit terpelajar dalam masyarakat kita yang berbilang bangsa. Kerajaan yang dilantik oleh rakyat dalam sebuah negara membangun yang kecil lagi kalau berbanding dengan negara-negara lain berhadapan dengan ancaman luar dan dalam terhadap keselamatan negara harusnya tak boleh lupa tanggungjawab terhadap rakyat jelata, terutama majoriti yang bukan elitist. Kerajaan harus menjaga kepentingan minoriti seperti elit-elit yang terpelajar, tetapi Kerajaan tak boleh mengeneipkan kepentingan rakyat keseluruhannya yang diwakili oleh persatuan dan juga yang tidak diwakili oleh persatuan. Kita mempunyai satu Kerajaan yang jujur yang telah dilantik oleh rakyat jelata dalam pilihanraya pada tahun 1978 dengan majoriti yang besar. Kebimbangan terhadap kebebasan dan keadilan ini bukanlah satu perkara baru bahkan telah bertahun-tahun disuarakan di kalangan rakyat tetapi Kerajaan yang berkuasa sekarang juga dilantik oleh rakyat jelata pada tiap-tiap pilihanraya yang lalu. Saya sangatlah berharap isu kali ini tidak akan diperbesar-besarkan di kalangan rakyat, terutama bukan elitist. Saya penuh keyakinan akan akhirnya melihat betapa jujurnya pihak Kerajaan terhadap keselamatan negara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, implikasi pindaan-pindaan berkenaan nampaknya ada serius tetapi Kerajaan kita telah berkali-kali

membuktikan kejujuran dan tidak pernah menyalahgunakan kuasa-kuasanya yang boleh membahayakan keselamatan negara dan rakyat. Sebaliknya, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menggunakan kuasa-kuasanya dengan adil untuk menjaga ketenteraman negara-negara yang merdeka.

Tadi, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Petaling membaca Clause 3 pindaan Akta ini yang berbunyi (*Dengan izin*):

3. The principal Act is amended by inserting immediately after section 2 a new section 2A as follow—

Dan dia membaca dan di sini disebutkan perkataan macam violative of, or derogatory to, militates against, or shows disregard for sebagai perkataan-perkataan yang monstrous. Ini saya tidak begitu faham apa monstrous—ini ialah words of description or descriptive words untuk tidak boleh disalahfahamkan kepada sesiapa pun jika ingin menggunakan society mereka sebagai satu alat dengan tujuan-tujuan yang tertentu yang mereka sendiri sahaja memahami.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah jelaskan di sini pindaan Akta ini bukanlah oleh kerana yang mana tadi disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling Kerajaan ingin hendak denial of right of association; atau deny hak perhimpunan tidak ada satu paragraph atau satu sentence dalam Akta ini yang deny. Dan saya harap rakyat jelata dapat diberi satu penjelasan yang benar-benar, bukan yang mis-interpretation dan lagi Akta ini tidak langsung ada perkataan-perkataan di mana kita telah hilang democracy and freedom of speech.

Tadi rakan saya telah diberitahu Parlimen ialah satu sistem yang penting yang utama untuk rakyat mendapat peluang melalui wakilnya menyuarakan atau memberi pendapat berkenaan pembangunan negara, berkenaan keselamatan negara dan juga memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat memberi pendapat membantu Kerajaan, bukanlah oleh kerana kita sahaja di Barisan Nasional boleh memberi pendapat-pendapat yang berfaedah, saya pun harap sebagai satu democratic principles pun kadangkala pihak Pembangkang juga

mengingatkan dan memberi sedikit sebanyak pendapat-pendapat yang berfaedah bukan selalu sahaja menggunakan perkataan-perkataan macam monstrous, cripple and destroy dan lain-lain. Kita pun boleh menggunakan perkataan-perkataan macam ini jika kita hendak kita pun boleh kata jikalau Kerajaan tidak mengambil perhatian yang berat, barangkali ada orang-orang macam a wolf in sheep's skin dan merekapun boleh menggunakan pertubuhan sebagai satu shield. Kita telah jelaskan, Tuan Yang di-Pertua, di sini pindaan Akta ini ialah hendak menyelaraskan atau regulate dan menentukan corak apa fungsi atau tujuan pertubuhan itu, pertubuhan itu ialah menjadi satu pertubuhan yang positif berkhidmat untuk rakyat macam Lion's Club, Rotary Club atau lain-lain society yang benar mengambil tindakan yang positif untuk berkhidmat kepada rakyat dan memberi perkhidmatan kepada negara atau pertubuhan-pertubuhan yang ingin menjadi satu pertubuhan politik.

Saya telahpun ada beberapa kali membaca statement daripada pertubuhan-pertubuhan yang sekarang tidak puas hati berkenaan pindaan Akta ini. Persatuan-persatuan itu bolehlah jika mereka ingin selepas pindaan Akta ini, aktiviti politik mereka telah dihadkan dan mereka tidak dapatlah peluang untuk menyuarakan pendapat-pendapat politik mereka, bolehlah kalau mereka mahu ingin jadi ahli dalam parti politik yang ada sekarang atau tidak mahu oleh kerana hendak menjadi ketua sendiri bolehlah menubuhkan satu parti politik sendiri dan ini mereka telah dapat satu janji dan jaminan di dalam Clause 3. 2A yang tadi disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling sebagai monstrous. Tetapi pada pendapat saya tidak begitu monstrous. Ia jelas. Saya bacakan:

"2A. (1) It shall be the duty of every registered society in carrying out its activities and in conducting its affairs to ensure that they are in accord with, and conducive to the fulfilment of and adherence to, the provisions of the Federal Constitution and the State Constitutions, and where any of the activities of affairs of any society is in any manner violative of, or

derogatory to, or militates against, or shows disregard for--

Dengan (a), (b), (c), ini telah jelas oleh sebab itu kita harus bekerjasama untuk mencapai satu masyarakat yang bersatupadu, dengan ini kita bolehlah menentukan keselamatan, ketenteraman dan political stability di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya haraplah kita tidak usahlah menggunakan peluang di dalam Parlimen memberi satu misinterpretation, ini oleh kerana ada rakyat yang jikalau tidak dapat peluang mendengar penjelasan mereka pun boleh menerima tuduhan-tuduhan yang tadi disebut oleh Ahli dari Petaling. Kita di sini ada sedikit confidence untuk Perlembagaan kita, untuk sistem kita yang menunjukkan selepas 13hb Mei, kita boleh kembalikan ke sistem demokrasi bukan ditentukan selepas masa NOC sebagai satu sistem dictatorship. Ini sudah jadi bukti kalau saya boleh memberi satu contoh sahaja oleh kerana Ahli dari Petaling ada menyebutkan pindaan-pindaan di Parlimen kita sekarang dan dahulu sudah menjadi Kerajaan ini sebagai satu institutionalised dictatorship—ini tidak benar. Pindaan-pindaan ini dibuat oleh kerana kita berani buat, oleh kerana kita menghadapi masalah dan kita harus juga mengadakan alat-alat di mana kita boleh defend. Adakah adil jikalau orang ingin hendak menghapuskan sistem demokrasi yang kita sokong dan kita duduk diam sahaja, jikalau kita yang mengikut undang-undang tahu tidak ada lagi undang-undang di mana boleh diselamatkan negara kita. Kalau kita sudah mengambil perhatian di mana ada kelemahan-kelemahan—mesti, ini tanggung-jawab kita memperbaiki lagi kelemahan-kelemahan itu seperti masalah dadah.

Baru-baru ini saya diberitahu ada negara yang boleh kata the beacon of freedom, the beacon of human rights, pun ada undang-undang macam anti-conspiracy law di mana satu orang yang kita tahu, tetapi tidak ada bukti dan kita sudah dengar dia ada berpakat dengan satu orang yang menjual atau mentraffick dadah, ada satu pakatan hendak membeli dadah itu. Bukti itu sahaja sudah cukup boleh tahan orang itu dan penjara

orang itu dan ini ialah satu law, jikalau kita di sini ada menghadapi masalah-masalah dadah ingin hendak menghapuskan, saya ingat pihak Pembangkang tidak tunggu memanggil kita dictator dan tidak ingin sama, tidak ada hormat sama human rights. Tetapi kalau kita ada masalah kita harus mengambil tindakan-tindakan yang positif dan yang tertentu, seperti yang disebutkan dalam Fasal 3(2) berkenaan dengan appeal against the decision of the Registrar—

“3(2) Any society, appeal against the decision to the Minister and the Minister’s decision thereon shall be final and conclusive, and shall not be challenged, appealed against, reviewed, quashed or called in question in any court”.

Ini sahaja “in any court”, tetapi kita boleh datang ke Parlimen bertanya kepada Menteri apa sebabnya satu-satu society itu digantung, ini kita ada hak, bukan Menteri sahaja ada hak secara langsung, Menteri pun ada tanggungjawab berhadap Parlimen dan kita ada hak meminta Menteri berkenaan membuat penjelasan. Saya harap rakyat tidak dapat dimisled oleh kerana rakan saya pun ada menyebutkan penjelasan diberi setengah sahaja, barangkali apa yang kita buat pun salah, tetapi jikalau hendak mengkaji satu-satu pindaan, satu-satu undang-undang kita harus dengan menelitinya daripada A to Z memberi penjelasan, ini barulah benar. Dan seperti Ahli dari Petaling menyentuh berkenaan Seksyen 2A (1) (f) “any other matter”. Tetapi dia stop di sini “(f) any other matter.” tetapi ini coma sahaja, “as provided under the Federal Constitution” dan ini ada satu provision yang benar.

Saya harap dengan penjelasan sedikit sebanyak ini kita di sini tidak boleh dikumpulkan sebagai orang-orang yang duduk diam-diam sahaja, orang-orang yang tidak ada conscience. Kita ada otak, kita pun ada tanggungjawab dan hari ini ucapan-ucapan Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional menunjukkan mereka bukan di bawah whip— tidak kita dengan bebasnya memberi penjelasan-penjelasan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat pindaan ini akan dapat mendisiplinkan Persatuan-persatuan lalu membantu

mewujudkan ke arah pencapaian satu masyarakat Malaysia yang lebih bersatu, adil dan saksama. Rakyat jelata akan terus menjadi lebih organised, lebih berdisiplin dan lebih bertanggungjawab apabila menjalankan tugas-tugas mereka supaya Rancangan Malaysia Keempat dapat dilancarkan dengan jayanya demi perpaduan negara yang berbilang bangsa.

Akhirnya dengan kejujuran serta kebijaksanaan Kerajaan, rakyat jelata sendiri akan terus menikmati kemewahan hidup yang begitu aman dan sentosa.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan) selesai ditimbang dan diluluskan.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui. Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan) selesai ditimbang dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN (PINDAAN)

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

6.11 ptg.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, rakyat bagi sesebuah Kerajaan adalah ibarat

anak bagi seseorang bapa. Anak akan merasa bahagia dan bertuah kalau ianya bernasib baik mendapat bapa yang melayaninya dengan baik dan mesra. Selain dari menyiapkan masalah makan dan pakai, bapa juga melatih dan mendidik anak-anaknya supaya berfikiran cergas, pandai membawa diri dan bijak dalam hidupnya bila membesar nanti. Dengan itu biasanya segala peraturan dan kawalan yang dikenakan oleh bapa ke atas anak-anaknya dimasa kecil dahulu sedikit demi sedikit akan diketepikan bila anaknya mula membesar dan akan dilonggarkan lagi bila anaknya menjadi dewasa dan tahu membawa diri.

Itulah dia sunnah alam yang biasa dilihat dan peraturan hidup yang pernah dilalui dan diterima oleh orang-orang yang berfikir. Rakyat Malaysia sejak ianya merdeka berpuluh tahun dahulu telah dijaga oleh hanya seorang bapa dan tidak pernah bertukar tangan. Ianya bermula dengan jagaan Perikatan dan sampai sekarang pun masih dalam jagaan Perikatan. Yang berlainan hanya pada nama dan pakaian sahaja yang terpaksa diubahsuaikan mengikut masa dan situasi. Dengan demikian, mengikut lojiknya, sepatutnya bagi rakyat Malaysia hari ini dengan jagaan yang tidak pernah bertukar tangan itu dan dengan usianya setelah dewasa juga dengan kelengkapan-kelengkapan hidup yang serba ada, dengan rancangan-rancangan raksaksa yang datang silih berganti, sepatutnya bagi rakyat Malaysia hari ini bukan sahaja sudah pandai bertateh tetapi lojiknya sudah boleh berjalan dan berfikir secara dewasa. Dengan sendirinya bagi seorang bapa atau bagi sebuah Kerajaan perlulah ketepikan walaupun tidak semua, sebahagian dari peraturan-peraturan dan kawalan-kawalan yang dikenakan semasa anaknya masih kecil atau semasa rakyatnya masih mula-mula mencapai kemerdekaannya tempoh hari.

Kalau mula-mula dahulu kita terikut-ikut dengan cara penjajah maka kita sekarang sudah terasa menjadi bangsa yang bersendirinya. Kalau dahulu kita dipengaruhi oleh komunis kerana kemiskinan dan kerana kabur dalam akidah hidup, maka sekarang Pengerusi komunis sendiri telah menyerah kalah dan tahanan-tahanan ISA seperti Abdullah

Majid, Samad Ismail pun telah pandai menyebut akidah Islamiah dan mengakuinya dalam kenyataan-kenyataannya sepertimana yang disaksikan oleh umum.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, dukacita dan saya ulangi dukacita keadaan menjadi terbalik; jarum berputar ke belakang, kawalan undang-undang semakin diperhebat, walaupun kita sudah semakin dewasa. Kebebasan bercakap dan bergerak dalam pertubuhan semakin dipersempitkan lingkarannya walaupun rakyat semakin ramai yang berpelajaran dengan bertambahnya institusi-institusi pelajaran. Kuasa-kuasa darurat dalam pindaan Perlembagaan yang akan dibahas tidak lama lagi semakin dipertajamkan taringnya walaupun khabarnya politik dan ekonomi kita cukup stabil yang disebut-sebut sebagai rekod dunia. Parti politik dan pertubuhan politik hendak dibezakan secara sungguh-sungguh walaupun melalui takrif dan definasi yang begitu rumit dan kabur hingga terpaksa diserahkan sahaja kepada budibicara Pendaftar Pertubuhan yang diberi kuasa penuh untuk menentukannya hingga keputusannya tidak boleh dicabar oleh mana-mana Hakim yang arif bistari dan Tuan Hakim terpaksa berputih mata sahaja melihat kedaulatannya dicabar.

Itulah, Tuan Yang di-Pertua, pandangan saya secara umum. Adapun khusus mengenai pertubuhan-pertubuhan yang bercorak Islamiah yang terdapat dengan banyaknya di negara kita sepertimana juga di negara-negara yang ramai penduduknya beragama Islam, mereka itu terasa benar bahawa nasib mereka akan senasib dengan saudara-saudara mereka di negeri lain di mana rakyat dan Kerajaan mereka tidak beragama Islam. Mereka tetap merasa bahawa Akta ini akan menyeret pertubuhan mereka menjadi pertubuhan politik kalau tidak pun sebagai parti politik sekiranya mereka tegas dan istiqamah dengan dakwah Islamiah mereka, kerana seperti yang diketahui umum bahawa Islam adalah satu cara hidup: Qul hazihi sabili dan di antara unsur penting ajaran Islam ialah 'an-nasihah' atau tegur-menegur; 'amal makruf nahi mungkar' atau mengajar buat yang makruf dan mencegah dari membuat mungkar. Dengan erti Islam bukan ugama yang negatif

sekadar membetul diri sendiri tetapi ianya positif kerana serentak dengan membetul diri sendiri, diperintah juga membetulkan kawan teman bersama. Misalnya kalau kita dilarang berjudi oleh Islam, maka Islam juga menyuruh kita supaya turut melarang orang lain sama dari berjudi; melarang orang lain membuka tempat judi; melarang orang lain memberi kebenaran berjudi ataupun lesen judi dan seterusnya melarang dan dibuat peruntukan-peruntukan tertentu untuk membolehkan orang berjudi. Dan begitulah seterusnya dalam hal-hal lain yang terlalu banyak untuk disebut.

Hal seperti ini bila didakwahkan juga ianya akan menjerumuskan pendakwah itu ke dalam perangkap mengkritik yang boleh dikira sebagai orang politik walaupun pendakwah tadi tidak terniat dan tidak terlintas di hatinya selain dari menunaikan kewajibannya sebagai seorang Muslim yang diwajibkan berdakwah dan beristiqar.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu contoh dan implikasi pindaan Akta ini yang pasti menimbulkan dilemma baru dalam sejarah Islam dan pertubuhan-pertubuhan Islamiah Malaysia. Kesan dari dilemma ini pasti menimbulkan sekurang-kurangnya—

- (1) melahirkan rakyat-rakyat yang cacat akal dan pendakwah-pendakwah yang pondan; yang tidak berfungsi yang akan melibatkan ke seluruh rakyat yang didakwa turut menjadi tidak berfungsi dan tidak bermaya terhadap Islam sebagai satu cara hidup.
- (2) Mencetuskan dendam kesumat yang terus panas membara dan berkesudahan dengan tindakan-tindakan yang Tuhan sahaja mengetahui hujung pangkalnya; (barang dijauhkan Allah).

Tuan Yang di-Pertua, satu hal yang perlu diberi perhatian dan boleh memalukan kita ialah perkara hilang kelayakan—Ceraian (c) dalam halaman ini. Ceraian ini bererti Kerajaan kita telah tidak mengiktiraf prinsip bertaubat, kerana bila seseorang itu dikenakan perintah tahanan atau sekatan pengawasan dan seterusnya maka hilang terus kelayakannya untuk beberapa perkara dan tidak boleh lagi bertaubat.

Penyesalannya tidak ada tempat dan jalan untuknya balik ke pangkal seperti yang diseru selama ini bertutup rapat.

Ceraian ini bercanggah bulat-bulat dengan reka bentuk kejadian manusia itu sendiri. Kalau Allah Subhanahu Wataala yang mencipta manusia yang menjadi akitek agungnya sendiri memberi peluang terus menerus kepada hambanya yang bersalah untuk balik dan bertaubat dengan kelemahan-kelemahan yang tertentu, maka amatlah janggal bagi kita memandai-mandai menghapuskan prinsip ini kepada rakyat kita. Kalau orang-orang komunis yang berpegang dengan fahaman sekali komunis tetap komunis pun ada yang berpaling tadah dan bertaubat dan kita menerimanya dengan dada terbuka maka bagaimana keadaan orang yang tidak terlibat dengan komunis yang jika lebih rendah kesalahannya. Lebih-lebih lagi, Tuan Yang di-Pertua, penentuan bahawa seseorang itu benar-benar bersalah dan boleh dikenakan hukuman-hukuman dalam Ceraian (c) tadi, misal boleh dipersoalkan lagi, kerana besar kemungkinan seseorang itu difitnah oleh musuh peribadinya dan sebagainya.

Akhir kata, mengikut logiknya maka Akta ini tidak wujud sekarang dan juga akan datang memandangkan Barisan Nasional telah memenangi pilihanraya 1978 dengan majoriti yang begitu banyak dan menyeluruh yang sepatutnya tidak memberi apa-apa kesan dari suara-suara kritikan dari satu dua orang rakyat yang suka mengkritik. Tetapi rupa-rupanya tidak begitu; Akta yang boleh mencerut pernafasan kemerdekaan dan kebebasan rakyat ini telah dibuat menandakan ada sesuatu di luar dugaan di sebalik kemenangan yang disebut cemerlang itu. Boleh jadi kerana rakyat negeri ini dari jenis orang yang bodoh, payah diajar ataupun boleh jadi sebaliknya iaitu Kerajaan yang memerintah sekarang dari jenis angkuh dan cerdik yang tidak dapat ditumpang.

Dengan ini saya menolaknya dengan sepenuhnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah.

6.18 ptg.

Datuk Senu bin Abdul Rahman (Kuala Kedah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun sebagai anggota Kerajaan Barisan Nasional bukan hendak menentang, tetapi ingin memberi pendapat-pendapat yang saya rasa sebagai seorang anggota yang bertanggungjawab di dalam pindaan Akta yang ada di hadapan kita pada masa ini. Sebagai seorang anggota Barisan Kerajaan, saya merasa bertanggungjawab menolong mengingatkan Kerajaan sekiranya terdapat kelemahan-kelemahan dan kepincangan-kepincangan (loopholes) dalam pindaan ini yang boleh mendedah untuk dieksploitasikan oleh Pembangkang, apa lagi oleh musuh-musuh negara yang sentiasa menunggu peluang menangkuk di air keruh. Kita telahpun melihat tadi bagaimana Ahli dari Petaling telah menggunakan kesempatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, biarpun kita boleh menafikan bahawa bukanlah hasrat kita mengadakan sebahagian dari pindaan ini ditujukan kepada seseorang yang tertentu atau seseorang individu, tetapi kenyataan memang tidak dapat dinafikan bahawa ada pindaan-pindaan itu yang merupakan sebagai kebimbangan terhadap individu tertentu. Boleh jadi perkara itu berbangkit kerana suasana pindaan ini dikemukakan pada waktu ini merupakan seolah-olahnya sengaja diadakan. Kemungkinan besar bahawa sangkaan dan kebimbangan ini salah, tetapi ini adalah kenyataan sebagaimana saya katakan tadi yang sedang menjadi pertanyaan yang amat susah juga hendak dikikis dari pemikiran dan kecurigaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini tidak ada seorang rakyat Malaysia yang siuman tidak merasa bangga di atas kemajuan dan kejayaan yang dicapai oleh Malaysia dengan pegangannya yang teguh kepada pemerintahan demokrasi. Kepercayaan dan pegangan yang teguh kepada demokrasi inilah yang telah membolehkan negara mengekalkan kestabilan politik dan seterusnya mencapai kemajuan dan kejayaan yang pesat di segala bidang sosial-politik yang sungguh-sungguh mengkagumkan. Biarpun ada pihak yang masih tidak berpuas hati dan terus mengkritik bahkan di atas kesucian dan kedaulatan undang-undang dan hak-hak asasi

individu atau "fundamental rights" yang menjadi foundation kepada demokrasi Malaysia hari ini tetapi Malaysia tetap berbangga kerana negara kita adalah merupakan satu-satunya negara di kawasan ini yang masih dapat mempertahankan pemerintahan demokrasi.

Tahniah dan terima kasih kepada pandangan luas dan fikiran positif yang dianut oleh penggubal dan pengasas Perlembagaan kita dahulu. Mereka telah meletakkan Malaysia di atas foundation yang begitu pejal dan kebal sehingga dapat menyingkirkan setiap taufan dan badai sejak hampir suku abad yang telah kita lalui.

Benar, beberapa pindaan telah dibuat dari semasa ke semasa tetapi pindaan itu tidaklah menjejaskan keutuhan dan kekebalan Perlembagaan kita bahkan semakin bertambah kuat kerana bukti kekuatan dan keutuhan sesebuah Perlembagaan itu terdiri dan terletak di atas degree kestabilan politik yang dicapainya apalagi dalam negara demokrasi. Saya harap Kerajaan bersungguh-sungguh dan mendapatkan pendapat-pendapat yang dilahirkan yang boleh menolong menguatkan lagi perpaduan dan menebalkan lagi kepercayaan rakyat dan sokongan rakyat kepada Kerajaan. Kita dan Kerajaan kita sungguh sedar bahawa menyekat dan membenters terutama sekali kebebasan dan hak asasi rakyat akan merupakan sebagai usaha mengikis (eroding) kepercayaan rakyat di mana dalam jangka panjang akan rugi dan menjejaskan demokrasi kita sendiri.

Kita faham bahawa dalam demokrasi ala Malaysia ini rakyat adalah pemegang kuasa mutlak dan kata pemutus dan setiap lima tahun sekali kita terpaksa mengadap rakyat untuk mendapat mandat yang baru.

Kita dapat menyaksikan dengan mata kepala kita sendiri bahkan tidak usah memandang jauh, hanya di sekeliling kita, bagaimana sesebuah negara yang bermula dan diasaskan atas dasar demokrasi tetapi berakhir dengan totalitarian dan dictatorship.

Malah saya rasa tidak salah kita mengingatkan diri kita betapa banyaknya contoh-contoh dalam sejarah di mana

pertukaran dan perubahan dalam sesebuah negara itu berlaku dengan tidak disedari, disengaja atau dimaksudkan oleh pemimpin-pemimpinnya. Hanya-sanya perubahan-perubahan itu berlaku sebagai air yang mengalir sedikit demi sedikit dan akhirnya melimpah dan sehingga tidak dapat di tahan-tahan lagi yang akibatnya hanya kemusnahan segala-galanya. Oleh itu dictum sejarah yang mengatakan "power tends to corrupt and absolute power corrupts absolutely" muncul sebagai kenyataan di negara-negara tersebut. Di sinilah parti-parti Pembangkang bertalutalu menggunakan dictum yang serupa terhadap kita manakala Kerajaan berhasrat membuat sesuatu pindaan dalam Perlembagaan. Sebaliknya mereka bukan sahaja salah bahkan terus melakukan kesalahan kerana buktinya sesudah suku abad kita merdeka kita masih boleh berbangga dengan kemerdekaan dan demokrasi kita bahkan Parlimen kita masih merupakan satu-satunya Parlimen yang paling terbaik dan teragah di rantau ini.

Bagaimanapun kenyataan ini tidak sepatutnya melalaikan dan mengabaikan kita, sebaliknya kita harus terus berwaspada dalam sebarang langkah dan tindakan dan jangan sekali-kali membiarkan diri kita terjerumus ke dalam perangkap musuh-musuh kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada satu pindaan yang saya rasa agak ganjil dan berlawanan sedikit dengan konsep kedaulatan undang-undang dan hak asasi atau "fundamental rights" individu iaitu Fasal 5, 9A (b) di mana seseorang yang telah menjalani hukuman penjara selama tidak kurang dari satu tahun dan denda sebanyak dua ribu ringgit, maka ia akan hilang kelayakan "daripada menjadi, dan tidak boleh menjadi, memegang jawatan penasihat atau pekerja sesuatu pertubuhan berdaftar" dan hanya dibebaskan setelah tamat lima tahun kecuali dengan rayuan dan persetujuan daripada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Sekatan atau kehilangan kelayakan ini saya rasa berlawanan sedikit dengan kedaulatan undang-undang dan hak asasi individu yang kita praktikkan selama ini. Ia merupakan seolah-olahnya hukuman yang sepatutnya sudah setimpal dengan kesalahan yang

dijatuhkan oleh mahkamah keadilan setelah seseorang itu melalui berbagai-bagai proses undang-undang dengan tujuan hukuman itu cukup menjadi pengajaran kepadanya supaya tidak mengulangi lagi tetapi sebaliknya dengan pindaan-pindaan ini hukuman itu nampaknya masih belum mencukupi kerana ia terpaksa melalui satu lagi hukuman di mana beliau belum boleh lagi diterima oleh masyarakat bahkan masih terus memikul stigma jenayah lima tahun lagi atau sehingga dibebaskan oleh pihak tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah kita dapat berbangga dengan kedaulatan undang-undang dan kebijaksanaan serta credibility mahkamah keadilan kita sendiri. Saya bimbang, Tuan Yang di-Pertua, hakikat ini akan menerbitkan pertentangan dan tidak selaras dengan konsep demokrasi yang kita alami selama ini. Dan ini akan lama kelamaan akan menyebabkan kelumpuhan dan terjejas sedikit demi sedikit imej keutuhan dan ketegapan pemerintahan kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya rakyat dan anggota parti atau pertubuhan-pertubuhan berkenaan dapat membuat penilaian terhadap siapakah pemimpin mereka yang benar-benar jujur dan ikhlas atau pemimpin-pemimpin yang hanya boleh mencemarkan nama dan imej pertubuhan mereka. Dan sesungguhnya percaya kepada kebijaksanaan dan kebolehan rakyat menggunakan hak mereka bahkan tak mungkin bagi golongan ramai bukan hanya seseorang atau segolongan kecil akan memilih seseorang yang dianggap bukan sahaja boleh merosakkan imej bahkan merugikan parti atau pertubuhan mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat disembunyikan bahkan Kerajaan sendiri mengaku bahawa penyeludupan atau subversif yang dilakukan melalui badan-badan buruh juga badan-badan sosial dan sukarela bahkan badan-badan agama dan tidak berkecuali parti-parti politik sendiri sedangkan masih berleluasa. Bagaimanapun kita mempunyai penuh kepercayaan bahawa alat-alat dan jentera-jentera Kerajaan adalah mencukupi jika tidak hendaklah diperbesarkan lagi bagi mengesan bahkan

membentaras aktiviti-aktiviti sedemikian daripada mencetuskan sesuatu yang boleh mengancam keselamatan negara kita. Bahkan tahniah kita ucapkan kepada pasukan keselamatan kita tidak ada sebarang percubaan dan ancaman terhadap perpaduan dan keutuhan Kerajaan kita yang tidak dapat diatasi selama ini termasuklah percubaan-percubaan dalam masa konfrontasi dan lebih-lebih lagi peristiwa 13 Mei, 1969.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi hasrat dan tujuan musuh-musuh negara terutama sekali pihak komunis yang telah tidak berjaya menguasai pemerintahan melalui kekerasan dan penyeludupan dalam parti-parti politik dan pilihan raya maka mereka akan terus mencuba dengan berbagai cara dan angkara bagi mengelirukan dan menghasut Kerajaan terutama sekali kepercayaan dan sokongan rakyat kepada Kerajaan.

Apakah yang boleh menghalang mereka daripada melepaskan agen-agen mereka menyeludup di dalam pejabat-pejabat bahkan Kementerian-kementerian sebagaimana dalam pertubuhan-pertubuhan bahkan parti-parti politik dan bergerak sebagai "api di dalam sekam". Dapatkah kita mencegah bahkan mengesan usaha mereka untuk mempengaruhi seseorang bagi mengambil tindakan-tindakan yang pada akhirnya tegas dan berani tetapi mempunyai akibat sebaliknya.

Marilah kita belajar dari sejarah kejatuhan dan kehancuran yang telah berlaku di negara-negara lain dan belajar bagaimana bijak, halus dan licinnya permainan musuh-musuh negara ini yang telah berjaya menguasai sesebuah Kerajaan melalui cara di luar perlembagaan dan di luar demokrasi.

Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua, dukacita saya katakan bahawa dalam demokrasi tidak ada individu termasuk Raja kita sendiri yang merupakan Raja berperlembagaan yang diberi kuasa sepenuhnya sehingga perbuatan dan tindakannya tidak boleh diadu ke peringkat yang lebih tinggi walaupun ke mahkamah keadilan kerana konsep ini berlawanan dengan konsep demokrasi yang tegak di atas dasar keadilan dan hak asasi kebebasan

individu tetapi sebaliknya seolah-olah kita sedang bermain dengan api. Jadi saya ucapkan terima kasih kerana Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah membuat penerangan sedikit tadi.

Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, bahawa rakan saya Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri juga tidak ingin sebegitu luas dan mutlak kuasa dipikulkan ke bahunya, iaitu kuasa yang merupakan sebagai api jika tersalah bukan sahaja boleh membakar orang lain tetapi boleh membakar dirinya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, maafkan saya memetik satu ayat dalam bahasa Inggeris dari buku political justice iaitu "As a weapon in the fight between the established Government and forces hostile to the political system, legality is a two-edged sword. It lends the appearance of justice and decency to the action of the Government, but it reduces the action's range and blunts its striking power", yang bermakna di dalam perjuangan antara Kerajaan yang sah dengan musuh yang tidak menghormati sistem politik maka undang-undang merupakan sebagai pedang dua mata, satu pihak merupakan tindakan keadilan dan ikhlas dan jujur oleh Kerajaan tetapi di satu pihak lain sebaliknya melemahkan dan merugikan di jangka panjang dan seolah-olah menumpulkan kekuatan senjata itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasa bimbang kemungkinan dengan setengah dari pindaan-pindaan ini akan memerangkapkan kita di dalam perangkap yang sengaja dipasangkan oleh musuh-musuh yang semata-mata bertujuan hendak melihat perpecahan dan kehilangan kepercayaan rakyat kepada Kerajaan, apalagi dengan kejayaan dan kestabilan yang dicapai oleh Kerajaan kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, secara berterus terang, saya ingin mengatakan bahawa sebenarnya dengan undang-undang ISA dan undang-undang keselamatan yang ada pada hari ini, saya rasa sudah mencukupi bagi mengawasi dan mengatasi beberapa masalah yang dibimbangkan dalam pindaan Akta ini. Apa yang pentingnya ialah memperkuatkan agensi-agensi dan badan-badan yang bertanggungjawab bertindak tegas sesuai

dengan kehendak dan hasrat Kerajaan membenteras dan mengesan musuh-musuh negara sama ada yang berpunca dari dalam atau dari luar, lebih-lebih lagi unsur-unsur subversif sama ada dalam politik, ekonomi, sosial kemasyarakatan atau badan-badan agama.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup, dengan pandangan dan pendapat serta syor-syor yang saya kemukakan ini, saya menyokong dasar pindaan-pindaan yang dikemukakan ini dan berharap semoga Kerajaan dapat membuktikan jiwa besar dengan kesungguhan membuat sedikit sebanyak pindaan yang hanya-sanya saya Kerajaan dan imej negara kita yang dikasihi ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

6.39 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana berkesempatan untuk ikut serta membahaskan Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan 1966 yang telah dibentangkan dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kepada Dewan yang mulia ini sekejap tadi.

Sesungguhnya, Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini telah banyak mendapat publisiti melalui akhbar-akhbar serta majalah-majalah sama ada dalam atau luar negeri dalam seminggu dua akhir-akhir ini. Kemuncak kepada publisiti tersebut ialah terdapatnya usaha-usaha menentang dan sekurang-kurangnya untuk menangguhkan Rang Undang-undang ini sebelum ianya dibahaskan sepertimana disebutkan oleh Yang Berhormat sekejap tadi.

Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, tidak nampak kepada saya kenapa Rang Undang-undang ini perlu ditangguhkan kerana kalau setiap usaha Kerajaan hendak mengemukakan sebarang Rang Undang-undang setelah mendapat tentangan daripada beberapa golongan yang tertentu, maka perlu ianya ditangguhkan.

Kita, Ahli-ahli Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak kurangnya menerima memorandum, surat dan telegram daripada pihak-pihak yang berkenaan agar meminta kita menentang Rang Undang-undang ini ataupun sekurang-kurangnya meminta supaya Rang Undang-undang ini ditangguhkan perbahasannya pada petang ini.

Biar saya berterus terang sekali lagi di sini. Saya berdukacita tidak dapat melayan atau menerima sebarang permintaan ataupun ugutan secara kehormat itu kecuali ianya datang daripada orang-orang yang saya wakili ataupun sekurang-kurangnya rakyat yang saya wakili di dalam kawasan pilihanraya saya sendiri. Ini bukan kali pertama sejarah di Parlimen ini mengemukakan ataupun meminda sebarang akta dan ini bukanlah kali pertama yang Ahli-ahli Dewan yang mulia ini menerima surat-surat ataupun telegram-telegram supaya menentang Rang Undang-undang yang berkenaan. Biarlah dalam masalah ini, kami Ahli-ahli Dewan yang mulia ini yang dipilih oleh rakyat menentukan sikap kami sendiri yang sudah tentu setelah mengambil perhitungan tentang kepentingan rakyat dan negara ini keseluruhannya.

Kita menganjurkan kepada mereka yang berminat untuk menentang Rang Undang-undang ini, kalau mereka bukan ahli Parti Pembangkang mintalah sahaja kepada Parti Pembangkang dan kalau sudahpun menjadi ahli sebuah Parti Pembangkang memadailah dengan penyuaran yang dibuat oleh hero-hero mereka di dalam Dewan yang mulia ini. Tidak payahlah bagi mereka hendak memakai banyak topi, di dalam menentang sesuatu Rang Undang-undang terutama sekali Rang Undang-undang ini.

Selagi Kerajaan ini yakni Kerajaan Barisan Nasional wujud maka perhitungan saya sepertimana yang saya katakan awal-awal tadi, bukanlah kepada pihak lain tetapi terhadap kepentingan negara, keseluruhannya sepertimana yang dipandang oleh sebahagian besar rakyat negara ini yang telah memilih Kerajaan pada hari ini. Keadaan yang dihadapi oleh negara pada hari ini adalah memerlukan pindaan kepada Akta Pertubuhan ini. Kita mesti mengakui hakikat

yang wujud di sekeliling dan di kalangan kita. Selain daripada soal perpaduan yang perlu diwujudkan, soal-soal keselamatan dan kestabilan politik perlu dikekalkan. Saya tidak hendak menyatakan penentangan terhadap Seksyen 11A umpamanya dapat dianggapkan seseorang itu rela negara ini disubvertkan oleh anasir-anasir untuk merosakkan negara ini seperti Communist United Front. Tetapi tidak menentang Seksyen 11A ini sekurang-kurangnya dapat dianggapkan sebagai menolong mempertahankan negara ini daripada disubvertkan oleh anasir-anasir perosak negara yang tersebut.

Seterusnya, tidak perlu dirisaukan oleh sesiapa tentang takrif political party atau political society ataupun takrif-takrif yang lain sepertimana yang terkandung dalam tambahan kepada Fasal 2 Akta itu tersebut. Dengan pindaan ini, tidak bermakna seseorang warganegara tidak boleh cergas dalam lapangan politik. Tidak juga melanggar Perkara 10 Perlembagaan Malaysia sepertimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri dan juga rakan saya dari Maran sekejap tadi. Bahkan melalui pindaan Akta Pertubuhan 1966 ini ianya dapat membezakan sebuah badan politik dan bukan politik dengan tugas-tugasnya yang tersendiri.

Mungkin dengan pindaan ini seseorang yang mempunyai kepentingan politik diperlukan lebih berani untuk menentukan sikap dan pendiriannya iaitu kalau berkecimpung di arena politik mereka tidak boleh lagi berselindung di sebalik pertubuhan yang bukan politik sepertimana yang terdapat lumrah berlaku pada hari ini. Tidak perlu ditakuti oleh orang-orang yang berkenaan kalau mereka tidak sanggup menggelarkan diri mereka sebagai orang-orang politik padahal tindak-tanduk mereka adalah jelas politik maka orang-orang seperti ini tidak patut dibenarkan memimpin sebarang badan di dalam masyarakat kita hari ini. Kita tidak boleh membenarkan orang-orang yang penakut-penakut mengepalai sebarang pertubuhan di kalangan masyarakat kita hari ini. Lebih baik bagi orang-orang yang berkenaan pilih satu sahaja sama ada hendak berpolitik ataupun tidak. Kalau mereka takut

tidak terjamin untuk mendapatkan tempat yang istimewa melalui penyertaan badan-badan politik yang sedia ada jadikanlah badan yang mereka pimpin itu sebagai sebuah parti politik yang sah dan halal dari segi undang-undang negara.

Cara yang kedua ini adalah lebih senang dibuat perhitungan.

Setakat hari ini terlalu banyak orang-orang yang dapat disifatkan sebagai political opportunists dengan menggunakan platform badan-badan yang bukan politik untuk bercakap mengenai politik. Kita tidak mampu untuk membenarkan orang-orang seperti ini menggunakan badan-badan politik demi kepentingan mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya seterusnya ingin mengalu-alukan Rang Undang-undang ini terutama sekali Fasal 3 yang merujuk kepada pindaan atau tambahan kepada Seksyen 2A. Ahli Yang Berhormat dari Petaling sekejap tadi telah membangkitkan soal ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya tambahan kepada Seksyen 2A di bawah Fasal 3 dalam Rang Undang-undang ini sekurang-kurangnya kita dapat menjamin bahawa setiap badan yang diwujudkan di bawah kuatkuasa permohonan Seksyen 2A ini dapat menjamin sekurang-kurangnya lima perkara tidak akan disentuh dengan berleluasa.

Perkara yang pertama, mengenai sistem pemerintahan demokrasi yang diketuai oleh Raja yang berperlembagaan bagi Persekutuan dan oleh Raja atau Yang di-Pertua Negeri yang berperlembagaan bagi negeri-negeri; kedua, kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan serta agama-agama lain yang diamalkan dengan aman dan harmoni.

Seksyen 2A 1 (b) adalah penting kerana pada akhir-akhir ini sering kedapatan adanya usaha oleh pihak-pihak yang tertentu sama ada untuk memperkecilkan agama secara tidak langsung bahkan juga adanya usaha-usaha untuk membuat sesuatu perkara yang dapat dianggapkan sebagai injurious kepada perjalanan kesucian agama Islam kita.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, apalah salahnya kalau dapat dimasukkan ceraihan (c)

iaitu penggunaan Bahasa Kebangsaan bagi maksud-maksud rasmi. Kita tidak mampu sesebuah badan umpamanya badan sukarela yang terdapat di bandar-bandar kecil ataupun di bandar besar apabila kedapatan sesuatu usaha pihak berkuasa tempatan untuk menggunakan atau untuk melaksanakan penggunaan Bahasa Kebangsaan di papan papan tanda mereka ini awal-awal lagi menjadi juara kepada pihak-pihak yang tidak pun bercakap sesuatu dan tidak kenalah perkara ini dimasukkan di bawah pindaan ini.

Seterusnya perkara (d) kedudukan orang-orang Melayu dan bumiputra negeri Sabah dan negeri Sarawak. Ini adalah hanya memasukkan bahagian ini sebagaimana untuk diselaraskan sebagaimana telahpun terkandung di dalam pindaan Perlembagaan 1971 sebagaimana yang diakui sendiri oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling sekejap tadi.

Seterusnya mengenai kepentingan yang sah bagi masyarakat lain terutama sekali ceraihan (d) dan (e) tadi adalah merupakan asas-asas yang penting untuk menentukan bahawa wujudnya perpaduan di kalangan masyarakat kita yang berbagai kaum ini. Kiranya perkara-perkara yang seperti ini tidak diperkanankan, tidak dimasukkan, tidak dientrenched ke dalam badan-badan atau pertubuhan-pertubuhan di dalam negara ini mungkin ahli-ahli pertubuhan ini tidak begitu jelas ataupun melupai hakikat bahawa negara ini adalah didiami oleh berbagai kaum. Boleh jadi sesuatu kaum merasai bahawa merekalah sahaja wujud di negara ini. Boleh jadi satu kaum yang lain merasai bahawa mereka lebih berhak daripada kaum lain dan begitulah seterusnya. Maka di sinilah pada anggapan saya letaknya rahsia atau hikmat yang sepatutnya dibaca di sebalik Seksyen 2A ceraihan (c) dan (d) ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Petaling sekejap tadi telahpun membangkitkan soal pindaan Perlembagaan 1971 yakni merujuk kepada had kebebasan bercakap di bawah Akta Hasutan Pindaan 1948.

Perkara ini telahpun dibawa ke Dewan yang mulia pada tahun 1971 dan ini telahpun diuji sama ada ini dapat diterima atau tidak

oleh rakyat melalui pilihanraya 1974 dan 1978. Sekurang-kurangnya kita tidak tahu untuk mengambil satu kriteria ataupun ukuran yang lain tetapi sekurang-kurangnya apabila sesuatu perkara itu telah dibuat oleh Kerajaan, sesuatu undang-undang itu dikemukakan oleh Kerajaan ataupun sesuatu Akta telah dipinda oleh Kerajaan maka kunci atau cara hendak mengetahui sama ada rakyat menerima atau sebaliknya adalah perkara yang paling lojik melalui sistem demokrasi seperti ini ialah melalui pilihanraya.

Sebaliknya, Tuan Yang di-Pertua, walaupun beberapa banyak usaha daripada pihak-pihak Pembangkang sama ada parti DAP atau sebagainya melalui pilihanraya-pilihanraya 1974, melalui pilihanraya 1978, dan begitu juga melalui pilihanraya kecil sejak Akta meminda Perlembagaan 1971 dibawa ke dalam Dewan yang mulia ini, maka nampaknya, alhamdulillah setakat hari ini kekuatan dan keutuhan pihak pemerintah pada hari ini belum lagi tergugat. Dengan ini saya menjauhkan diri daripada mempunyai perasaan yang sombong atau bongkak sehinggakan hendak mencabar perkara ini supaya dibawa kepada rakyat tetapi ini adalah permainan politik dalam sistem demokrasi.

Kiranya perkara yang dikemukakan oleh Kerajaan atau pihak Kerajaan pada hari ini dan insya Allah akan diluluskan kemudian nanti tidak bersecocok, tidak berselera, sama selera dengan kehendak pihak DAP atau wakil dari Petaling tadi, maka bawalah sahaja perkara ini kepada rakyat dan insya Allah kita akan bertemu dengan rakyat dan melalui rakyat inilah akan menentukan sama ada rakyat mahu di negara ini suatu keadaan demokrasi yang tidak ada sekatan langsung sebagaimana yang telah kita alami sebelum tahun 1969 ataupun rakyat di negara ini mahukan demokrasi tetapi demokrasi yang terjamin, suatu demokrasi yang boleh menjamin keselamatan mereka, suatu demokrasi yang boleh menjamin keamanan mereka dan suatu demokrasi yang boleh menjamin pertumbuhan ekonomi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapati bahawa dalam masalah ini, saya juga merasai lucu. Di dalam sejarah Parlimen ini terlalu banyak

kali apabila sesuatu Rang Undang-undang itu dikemukakan sama ada Rang Undang-undang itu keadaannya seperti hari ini ataupun Rang Undang-undang itu keadaan kepentingannya mungkin tidak seperti hari ini ataupun lebih daripada hari ini maka bangun sahajalah pihak Pembangkang meminta supaya Rang Undang-undang ini dirujuk kepada satu Jawatankuasa Pemilihan seolah-olah Kerajaan tidak berkemampuan dengan segala jentera Kerajaan pada hari ini, dengan segala pegawai Kerajaan hari ini, dengan segala jentera yang ada di belakang Kerajaan hari ini tidak berkemampuan untuk membuat satu penilaian, tidak berkemampuan untuk menyediakan suatu Rang Undang-undang yang akan dijadikan satu akta atau pindaan kepada Akta Pertubuhan ini dan ini adalah salah satu permainan yang sengaja sentiasa dibawa oleh pihak Pembangkang. Dan dengan ini, mungkin akan membawa kepada kepentingan-kepentingan yang lain.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyentuh mengenai hubungan badan-badan tempatan dengan pihak-pihak luar negeri. Saya dapati oleh sebab keadaan negara kita seperti hari ini, kita adalah wujud di ambang ataupun tidak begitu jauh dengan tempat-tempat berkelegakannya gelora politik dunia pada hari ini. Keadaan yang tidak stabil di sekeliling kita pada hari ini, keadaan politik dan keadaan keselamatan yang tidak terjamin di setengah-setengah negara jiran kita pada hari ini dan dengan adanya sepertimana yang kita tahu usaha-usaha di peringkat antarabangsa untuk menakluk negara-negara yang kecil, untuk subvert negara-negara kecil maka usaha Kerajaan untuk menyekat sekurang-kurangnya untuk mengetahui apakah jenis hubungan yang dibuat oleh badan-badan dalam negara ini dengan badan-badan lain adalah suatu perkara yang wajar, satu perkara yang patut dialu-alukan.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ingin melihat badan-badan atau pertubuhan-pertubuhan dalam negara ini sama ada badan-badan sosial ataupun badan-badan politik diperkudakan oleh pihak-pihak yang berkepentingan di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya badan-badan berkenaan yang bercadang hendak mempunyai hubungan dengan pihak-pihak antarabangsa maka apalah salahnya badan-badan berkenaan berterus terang dan menyampaikan perkara ini seperti mana yang dikehendaki oleh pindaan kepada Perlembagaan ini. Seterusnya, saya dapati bahawa di dalam kita menentukan sesuatu undang-undang itu hendak dipinda ataupun tidak seperti mana yang ada di hadapan kita pada hari ini, kita tidak perlu melihat atau tidak perlu mendengar sama ada kita akan dikatakan, we are putting back the clock dengan izin, ataupun dikatakan ini adalah merupakan suatu perkara yang akan membawa kepada situasi politik yang mengurangkan lunas-lunas demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab, sebagai sebuah badan politik yang bertanggungjawab mentadbirkan negara ini yang bertanggungjawab maka sudah tentu, masalah-masalah ini hendaklah kita lihat dalam lingkungan keselamatan dan juga kepentingan negara keseluruhannya.

Seterusnya saya ingin menyentuh perkara yang telah dibawa oleh seorang dua Ahli Yang Berhormat tadi. Apalah perlunya ditakutkan dengan pindaan-pindaan ini, kerana melalui pindaan-pindaan ini sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi adalah untuk menentukan bahawa sesuatu badan itu badan politik atau sebaliknya. Kalau sekiranya sesebuah badan itu badan politik maka senanglah kita buat penentuan sama ada kita berdepan di segi politik ataupun sebaliknya. Setakat hari ini, sepertimana yang saya sebutkan awal-awal tadi susah hendak berhadapan apabila dicabar untuk berdepan dari segi politik maka ada kalangan daripada masyarakat kita pada hari ini oleh sebab keadaan politik yang mirip kepada mereka itu tidak menyenangkan dari segi kekuasaan atau tidak menyenangkan mereka itu kerana potensi-potensi melalui badan politik yang bergerak ini tidak begitu menghairankan maka mereka melenyapkan diri tetapi di samping itu mereka secara senyap-senyap dan kadang-kadang mereka menggalakkan anak buah mereka di peringkat bawah dan di

samping itu tidak kurang juga mereka turun ke padang untuk bermain besama-sama di gelanggang orang lain.

Yang kita minta pada hari ini, kita berterus terang, kalau kita mahu bermain bola, ayoh! kita bermain bola dan kalau kita bermain netball, terus main netball sahaja, kekalkanlah sifat kelakian itu yang kita bermain bola bersama-sama; jangan kita buat apa yang pernah saya katakan dalam Dewan yang mulia ini dasar baling batu sembunyi tangan. Ini adalah sifat-sifat yang hendak ditunjukkan atau yang hendak ditimbulkan hasil daripada pindaan-pindaan yang kita sebutkan ini.

Seterusnya saya juga hendak menyentuh mengenai sejauh manakah keupayaan Kerajaan untuk melaksanakan perkara-perkara ini. Kerana setakat hari ini seolah-olah sekali sekala Kerajaan dicabar dan saya dapati banyak kali Kerajaan telah bermurah hati dengan pihak-pihak yang berkenaan. Misalnya, di dalam isu Tamil Malar walaupun ini tidak ada kena-mengena dengan pertubuhan. Kerajaan walaupun telah mengambil tindakan-tindakan yang tertentu tetapi tindakan-tindakan yang diambil itu adalah tidak setimpal dengan hasrat dan kehendak rakyat di negara ini dan seterusnya saya mengharapkan bahawa dengan adanya pindaan-pindaan yang ada di hadapan kita ini, yang insya-Allah akan diluluskan nanti, saya mengharapkan bahawa Kerajaan akan mempunyai political will untuk melaksanakan perkara ini daripada awal hingga akhir. Tidak guna kalau di dalam Dewan yang mulia ini kita beria-ia bercakap mengenai pindaan-pindaan yang baru, dengan kekuasaan-kekuasaan yang baru, dengan peruntukan-peruntukan yang baru diberikan kepada Pendaftar dan juga kepada Yang Berhormat Menteri tetapi bila sampai perlaksanaannya esok maka tidak ada ertinya kalau perkara ini tidak diselenggarakan dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa menyebut perkara yang akhir ini kerana sesuatu undang-undang itu tidak ada gunanya kalau tidak dilaksanakan sepenuhnya dan di dalam keadaan negara kita yang berhadapan dengan berbagai masalah pada hari ini, kita perlu melaksanakan undang-undang ini.

Kiranya kita hendak mencapai atau menjamin keselamatan negara ini, maka ini adalah perkara-perkara yang perlu diambil tindakan oleh pihak Kerajaan. Kiranya perkara ini tidak dijalankan, kiranya perkara ini tidak dilaksanakan sepenuhnya maka tidak ada gunanya kita meminda Rang Undang-undang ini dan seterusnya saya meminta supaya pihak-pihak yang berkenaan sama ada yang menentang atau yang menyokong Rang Undang-undang ini supaya menerima hasrat suci pihak kerajaan di dalam meminda Akta Pertubuhan, 1966 ini iaitu dengan tujuan tidak lain, tidak bukan seperti mana saya fahamkan, yang pertamanya, untuk menentukan bahawa badan-badan yang wujud di negara ini ditentukan sama ada badan-badan itu politik atau sebaliknya.

Yang kedua, adalah untuk menentukan bahawa keselamatan dan pertahanan negara ini akan terjamin dan yang ketiga, untuk menentukan pertumbuhan ekonomi negara ini tidak akan terjejas dan seterusnya pada akhirnya demi perpaduan dan keselamatan negara dan anak cucu cicit kita yang kemudian, maka Dasar Ekonomi Baru akan tercapai dan insya-Allah kita akan wujudkan sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat dan seterusnya kita akan hidup dalam satu keadaan yang aman, damai, tenteram dan di samping itu lunas-lunas demokrasi tetap juga dipertahankan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bagan Datoh.

7.04 mlm.

Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad (Bagan Datoh): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini atas asas bahawa Rang Undang-undang ini boleh menyelamatkan pertubuhan-pertubuhan kebajikan, pertubuhan-pertubuhan sosial kita daripada diseludupi dan juga ditunggangi oleh anasir-anasir subversif, anasir-anasir anti nasional, anasir-anasir international yang menjalankan berbagai-bagai kegiatan politik dengan berbagai-bagai cara dan teknik pada masa ini.

Belajar daripada pengalaman sebuah negara sahabat kita iaitu negara Indonesia tidak berapa lama dahulu apabila satu

pencapaian coup d'etat kaum komunis telah gagal. Menjelang coup d'etat ini kita semua mengetahui dan mendengar serta melihat bagaimana Partai Komunis Indonesia yang dipimpin oleh Dupa Nusantara Aidid pada masa itu dan juga sebuah pertubuhan yang terkenal pada masa itu bernama Darul Islam yang dipimpin oleh Karto Suwario dari Makasar telah menggunakan berbagai-bagai taktik untuk menguasai, mempengaruhi, menunggangi, meperalatkan pertubuhan-pertubuhan kecil, pertubuhan-pertubuhan sosial, pertubuhan-pertubuhan buruh bahkan juga pertubuhan-pertubuhan yang bercorak agama.

LEKRA umpamanya, golongan penulis tentu pernah mendengar nama LEKRA di Indonesia iaitu sebuah pertubuhan karyawan-karyawan budaya, Lembaga Kebudayaan Rakyat Indonesia. Bagaimana pertubuhan kaum budaya dan kaum penulis ini telah dapat, bukan sahaja diperalat, bukan sahaja diseludupi tetapi diperalat dan menjadi front hadapan Partai Komunis Indonesia pada masa itu. Ini adalah sedikit contoh apabila kita memandang keluar.

Selain daripada itu, di dalam zaman sekarang ini ada berbagai-bagai pertubuhan antarabangsa yang sebenarnya menjalankan kegiatan-kegiatan politik yang memakai berbagai-bagai nama. Ada yang memakai nama dan kegiatan-kegiatan yang bercorak agama, tidak mesti sesuatu agama tetapi mereka ini menghamburkan wang dengan berbagai-bagai cara, menyalurkan bantuan dengan berbagai-bagai cara berupa mata benda dan sebagainya untuk memperalatkan, untuk membeli, untuk mengupah orang-orang yang menjadi pemimpin-pemimpin pertubuhan sosial dan kebajikan di berbagai-bagai negara supaya orang-orang ini bekerja menjalankan rancangan mereka untuk mengubah struktur negara itu, untuk mengubah struktur pemerintahan di dalam sesebuah negara itu. Jadi, saya rasa dengan Akta ini kita akan menentukan, akan dapat menyelamatkan pertubuhan-pertubuhan kita daripada ditunggangi—sebelum ditunggangi, sebelum diperalat oleh anasir-anasir ini.

Saya faham bahawa ada kebimbangan menurut yang kita baca daripada akhbar-akhbar sejak beberapa hari ini, ada

kebimbangan-kebimbangan daripada setengah-setengah pemimpin-pemimpin Pertubuhan Akhlak Islam, kebimbangan mereka takutkan pihak Kerajaan atau pihak Menteri yang berkenaan akan menjalankan kuasa sewenang-wenang untuk menjadikan mangsa (victimise) pertubuhan-pertubuhan akhlak Islam ini.

Dalam perkara ini saya tidak fikir bahawa Kerajaan kita mempunyai niat yang jahat ini. Oleh sebab kalau sekiranya Kerajaan mempunyai niat untuk menghapuskan, untuk menahan ataupun untuk menghalang kesedaran Akhlak Islam ini atau meminjamkan sepatah bahasa asing "resurgence of Islam" ini maka undang-undang ini tidak boleh berbuat apa-apa oleh beberapa kesedaran akhlak Islam ini telah tumbuh di seluruh dunia ini sebagai sesuatu yang universal, tidak boleh dihalang oleh sesiapa juga dan saya fikir Kerajaan tentu tahu bahawa adalah ini telah berkembang di mana-mana juga dan saya percaya bahawa Akta ini tidak diguna untuk ini, tetapi memang saya yakin bahawa seseorang Menteri ataupun seseorang yang berkuasa boleh menyalahgunakan kuasa, tetapi kalau ini berlaku bahawa Menteri yang berkenaan boleh diadili dalam pilihanraya, boleh diadili di dalam Dewan ini, seseorang Ahli Parlimen boleh mengemukakan undi tidak percaya untuk menegur kebijaksanaan pemimpin yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu syor untuk mengelak penyalahgunaan kuasa sama ada oleh Pendaftar ataupun oleh Menteri yang berkenaan oleh sebab mereka pun manusia, saya tidak fikir ada manusia yang tamakkan kuasa pada masa ini.

Sebelum Menteri atau sebelum Pendaftar yang berkenaan mengambil sesuatu keputusan untuk menentukan sepanjang yang bersengkita dengan pertubuhan-pertubuhan akhlak Islam, sama ada sesuatu keputusan ataupun sesuatu cadangan yang diterbitkan oleh pertubuhan-pertubuhan ini untuk menentukan—sebelum ditentukan, apakah itu akhlak atau itu politik maka Menteri yang berkenaan patutlah meminta berunding ataupun meminta fatwa ataupun meminta pendapat daripada Majlis

Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam kita, sebab kita mempunyai Majlis Hal Ehwal Kebangsaan Ugama Islam di mana Majlis ini mempunyai orang-orang yang authoritative, yang benar-benar mempunyai mandat boleh menentukan apakah ini akhlak atau ini politik dalam istilah Rang Undang-undang ini. Oleh sebab ini ada melibatkan perkara yang rumit dan dengan tidak bermaksud merendah-rendahkan Pendaftar atau Menteri berkenaan. Saya rasa bahawa keputusan Majlis ini harus diambil supaya mengelakkan kekeliruan dan saya harap Menteri berkenaan akan boleh memberi jaminan dalam soal ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang sebagai seorang muslim siapapun curiga tidak mahu sebarang undang-undang diluluskan dan dikuatkuasakan bagi menghancurkan Islam. Sebagai seorang Muslim siapapun mempunyai semangat dan perasaan ini, tetapi Islam, syiar Islam, kemuliaan Islam saya fikir tidak akan boleh hancur semata-mata kerana pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta ini. Saya telah membacanya. Tetapi syiar dan kemuliaan Islam boleh hancur kalau sekiranya kita ada banyak pertubuhan-pertubuhan yang dipimpin oleh orang-orang yang jahil dalam Islam tetapi sewenang-wenang mempermainkan Islam.

Saya telah melihat dengan mata kepala saya di sebuah negara yang biasa saya berkunjung ke negara itu di mana ada lebih beratus-ratus pertubuhan yang bukan politik sama ada dari namanya atau dari bentuknya adalah pertubuhan sosial, pertubuhan kebajikan, pertubuhan akhlak tetapi oleh kerana negara itu terlalu liberal demokrasinya dan undang-undangnya, sehingga menjadikan semua pertubuhan-pertubuhan itu bercakap dan bertindak sebagai perjuangan politik malah lebih daripada itu semua pertubuhan itu menjadi pertubuhan bersenjata, menjadi pertubuhan makan upah kepada golongan tertentu, A makan upah dari orang ini, B makan upah dari orang itu sehingga keadaan menjadi berkecamuk sehingga pertumpahan darah banyak berlaku di antara sesama golongan Islam sendiri, daripada orang Syiah dengan orang Sunni, orang Sunni dengan orang Syiah dan sebagainya. Saya tidak menyebutkan

nama-nama itu tetapi saya rasa kita semua faham. Jadi ini yang kita akan elakkan dengan Akta ini supaya keadaan tidak menjadi lebih rumit supaya pertubuhan tidak diperalatkan.

Sekarangpun ada gejala-gejala yang tidak sihat. Kita sering mendengar ada tuduh-menuduh, umpamanya, ada golongan menuduh Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) adalah menjadi alat PAS, ada golongan lain pula menuduh pertubuhan dakwah Arqam menjadi alat UMNO padahal ini boleh jadi semata-mata perasangka politik mungkin kerana pemimpin ABIM rapat dengan pemimpin PAS, mungkin oleh kerana Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sering berkunjung ke Kampung Darul Arqam dan membawa hadiah di sana timbul tuduhan orang itu memeralatkan orang ini dan sebagainya. Saya percaya boleh jadi perkara ini tidak benar sama sekali.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tolong duduk sekejap Yang Berhormat, Saya hendak membuat pengumuman bahawa saya akan meminta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan membuat jawapan pada pukul 8.30 malam ini, dan Ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap selepas ini saya jemput tolong pendek-pendekkan dan bernaskan ucapan. Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, itulah saya puas hati bahawa Rang Undang-undang ini boleh memelihara dan boleh menyelamatkan pertubuhan kebajikan kita, pertubuhan sosial dan juga pertubuhan akhlak kita daripada diseludupi atau diperalatkan menjadi alat politik dan dengan ini juga pertubuhan itu dapat mengekalkan identiti masing-masing dan menolak tuduhan yang tidak berasas yang ditampalkan kepada mereka.

Jadi, itulah sekali lagi saya menyeru kepada Menteri berkenaan supaya sebelum sesuatu keputusan diambil untuk mengenakan tindakan kepada sesuatu pertubuhan supaya sepanjang yang mengenai Islam dan sepanjang yang mengenai akhlak Islam supaya diminta lebih dahulu fatwa ataupun pendapat daripada Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang.

5.55 ptg.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong meminda Akta Pertubuhan 1966.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Akta ini kelak tidak pula bermakna menyekat untuk bercakap politik, tetapi biarlah ada gelanggannya untuk bercakap politik. Dengan adanya pindaan itu dapat menentukan dan mengenali perbezaan antara politik dengan yang bukan politik, sebagaimana kata Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tadi sudu biarlah dengan sudu, senduk biarlah dengan senduk tidak seperti sekarang ini ada pertubuhan yang sepatutnya pertubuhan sosial, tetapi telah terang-terang melalui pertubuhan sosial ini mereka menyemarakkan sentimen-sentimen politik seolah-olah lebih politiknya daripada pertubuhan politik sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Akta ini juga menjelaskan lagi perbezaan antara persatuan politik dengan parti politik. Dengan adanya Akta ini Kerajaan hendaklah dengan seberapa segera kalau tidakpun diharamkan hendaklah memberi ingatan dengan sekeras-kerasnya kepada persatuan-persatuan yang selalu menzahirkan cakap-cakap politik sedangkan persatuan itu didaftarkan sebagai persatuan sosial dan ahli-ahlinya bercakap fasal politik melalui persatuan-persatuan tersebut hendaklah diambil tindakan. Jangan buat kata Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sebentar tadi berpolitik di dalam jubah peguam. Saya hendak memberi satu pepatah yang sesuai sekali iaitu janganlah jadi musang berbulu ayam.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu kita sedar dan faham ada peraturan yang selama ini wujud di negara ini akan tetapi telah mendapat bantuan kewangan dari negara asing. Ada pula pemimpin tertingginya ke luar negeri untuk membuat lawatan ke negara-negara asing telah bercakap fasal politik dan menemui pemimpin negara lain yang dilawatnya itu telahpun memberikan gambaran yang kurang sihat terhadap

pemimpin dalam negara kita ini. Dengan adanya kebebasan seperti ini maka sebagaimana baikpun pemerintahan Kerajaan negara kita namun di mata negara lain yang ditemui oleh mereka itu menjadi tercemar.

Tuan Yang di-Pertua, dengan lulusnya Rang Undang-undang ini kita tidak ragu-ragu lagi bahawa kepentingan negara kita diutamakan dari semua kepentingan. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

7.18 mlm.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Rang Undang-undang ini ada berkaitan dengan banyak persatuan dan pertubuhan dalam kawasan saya, maka saya suka mengambil bahagian dalam perbincangan atas Rang Undang-undang ini. Di sini juga saya ingin mengambil kesempatan untuk menyuarakan kebimbangan dan ketakutan yang bukan tidak berasas; banyak persatuan dan pertubuhan telah muncul dan wujud di dalam kawasan saya akibat dari keputusan Kerajaan untuk mengemukakan Rang-Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pendapat yang telah disuarakan oleh rakan saya dari Petaling apabila beliau menyatakan bahawa tidak ada mana-mana Rang Undang-undang dalam sejarah Parlimen Malaysia yang telah menyebabkan begitu banyak kontroversi dan menerima penentangan dari rakyat Malaysia seluruh kaum seperti Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan), 1981 yang di hadapan Dewan ini.

Tuan Speaker, pengemukakan Rang Undang-undang ini meskipun kita telah menerima perhatian berat dan bantahan-bantahan keras daripada berbagai pertubuhan dan, dengan izin, civic conscious bodies termasuk Majlis Peguam Negara telah dengan jelasnya menandakan satu lagi langkah Kerajaan untuk menyekat dan membatasi kebebasan berucap daripada mana-mana pertubuhan yang sah di sisi undang-undang serta juga menyekat kebebasan berpersatuan oleh orang perseorangan. Sungguhpun tadi Yang

Berhormat Menteri dalam ucapannya apabila beliau membentangkan Rang Undang-undang ini ada berkata bahawa orang ramai tidak perlu bimbang dan takut atas Rang Undang-undang ini dan menggunakan perkataan yang tidak payah "panic" atas Rang Undang-undang ini, akan tetapi setelah meneliti Rang Undang-undang ini dengan mendalamnya saya terpaksa menegaskan di sini bahawa orang ramai adalah bimbang dan takut atas Rang Undang-undang ini. Apa yang menghairankan saya ialah kenyataan kenapa Kerajaan memutus untuk mengemukakan Rang Undang-undang ini dalam Parlimen dengan cara tergesa-gesa tanpa memberikan peluang yang cukup kepada pertubuhan yang berkenaan untuk melahirkan pandangan-pandangan mereka ke atas perkara yang penting ini yang memberi kesan kepada hak asasi dan kebebasan di negara ini. Cara bagaimana Kerajaan hendak membawa dan meluluskan Rang Undang-undang ini dalam Parlimen dengan menggunakan majoritinya sebanyak 2/3 tanpa memberikan masa dan peluang yang mencukupi untuk perbincangan orang ramai ke atas perkara ini, dengan sendirinya menunjukkan sikap tidak berdemokratik dan tidak yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, saya sesungguhnya kesal akan hakikat bahawa Kerajaan sehingga sekarang tidak memperdulikan permintaan daripada pertubuhan-pertubuhan yang berkenaan yang menggesa supaya pindaan tersebut ditarik balik atau ditangguhkan kepada satu masa yang mana segala pandangan orang ramai ke atas perkara ini diperolehi. Kegagalan Kerajaan mengambil perhatian ke atas rayuan yang munasabah daripada berbagai pertubuhan supaya menarik balik pindaan tersebut jelas menunjukkan bahawa ini bukanlah sebuah Kerajaan berdemokratik, yang bersedia menerima pendapat rakyat terutama sesuatu pendapat yang berumbikan kebebasan, keadilan dan demokrasi adalah jelas bahawa Kerajaan bukan sahaja enggan menerima kekesanan yang serius berikutan pindaan yang dicadangkan ini. Tetapi sebaliknya memutus untuk mengemukakan Rang Undang-undang ini dalam Parlimen kerana ia mempunyai suara majority sebanyak 2/3 tanpa mengirakan apakah akibatnya nanti.

Saya ingin mengulangi sekali lagi bahawa saya menentang Rang Undang-undang ini dalam rupa bentuk yang ada sekarang, yang tadi saya ada kata bertujuan untuk menyekat kebebasan berpersatuan dan bersuara serta juga implikasi yang serius ke atas perjalanan beberapa pertubuhan dan persatuan di seluruh negara yang mana pada masa lepas sehingga sekarang telah memberikan sumbangan yang banyak dalam membangunkan kegiatan kebudayaan, pelajaran dan sosial ekonomi dengan cara sihat dan membina. Apa yang sangat ditentang mengenai Rang Undang-undang ini ialah cadangan pindaan yang memberikan kuasa yang begitu luas kepada Pendaftar Pertubuhan dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang membolehkan mereka mengawasi sepenuhnya pentadbiran dan perjalanan semua pertubuhan dan persatuan dan menentukan nasib dan masa depan pertubuhan itu. Kuasa-kuasa Pendaftar yang luar biasa dan luas ini dan begitu juga kuasa-kuasa Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri jelas diperuntukkan dalam Fasal 3, 5, 8 dan 10 dalam Bahagian 1A (18H) Rang Undang-undang pindaan yang baru ini. Ada sukar dipercayai bahawa mana-mana Kerajaan demokrasi boleh meletakkan kuasa yang sebegitu luas kepada hanya seorang pegawai Kerajaan sahaja; mana-mana pertubuhan yang melakukan kesalahan undang-undang boleh dibawa ke mahkamah dan didakwa. Tetapi cadangan pindaan ini menyekat hak asasi sesuatu pertubuhan dan memindahkannya ke tangan Pendaftar Pertubuhan yang tidak secara langsung bertanggungjawab kepada kepentingan orang ramai, tetapi berkuasa memutus nasib atau masa depan sesuatu pertubuhan dengan kuasa luas yang diberikan kepadanya.

Apa yang lebih menakutkan lagi ialah mengenai cadangan pindaan iaitu selain daripada memberi kuasa yang sungguh luas kepada Pendaftar untuk mengawal sesuatu pertubuhan bahawa mana-mana pertubuhan yang tidak berpuas hati dinafikan haknya untuk mengambil tindakan undang-undang dalam sebuah mahkamah undang-undang kerana keputusan Menteri di atas semua perkara berhubung cadangan pindaan adalah terakhir dan muktamad dan tidak boleh dicabar, dibuat rayuan terhadapnya, dikaji

semula, dibatalkan atau dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah. Ini ialah satu peruntukan yang amat tidak adil dan pada pandangan kami menentang sepenuhnya semangat Perlembagaan, ini ialah satu pencabulan ke atas salah satu tenet Rukunegara mengenai Keluhuran Perlembagaan. Kecenderongan undang-undang yang diluluskan di negara kita pada akhir-akhir ini telah mengkurniakan kuasa-kuasa yang sangat luas kepada bahagian perlaksanaan dasar Kerajaan dan adalah perlu supaya orang ramai dilindungi terhadap perjalanan daripada kuasa-kuasa ini, jika keadilan hendak dikekalkan dan sistem demokrasi hendak dipertahankan. Doctrine pembahagian kuasa iaitu apa yang membezakan sebuah Kerajaan demokrasi daripada sebuah Kerajaan dictator memerlukan bahawa seharusnya terhadap satu saluran, rayuan kepada satu Tribunal Undang-undang bebas atau Mahkamah Undang-undang dan hak merayu kepada Yang Berhormat Menteri sahaja tentang sesuatu keputusan yang dibuat oleh seorang pegawainya adalah bukan satu perlindungan yang sempurna.

Menurut Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri cadangan pindaan-pindaan ini adalah perlu bagi maksud untuk mengenalkan sesuatu pertubuhan yang mana satu pertubuhan politik dan yang mana satu pertubuhan persahabatan (Friendship Association). Sebenarnya apa yang Kerajaan berharap ingin mencapai daripada pindaan-pindaan yang dicadangkan itu ialah di bawah pindaan-pindaan ini hanya ahli-ahli politik dan pertubuhan politik dibenarkan mengulas mengenai hal ehwal politik dan juga mengenai hal ehwal orang ramai atau awam. Pindaan-pindaan sebenarnya bermakna bahawa seseorang warganegara adalah dihalang daripada menubuhkan sesebuah persatuan dengan lain-lain warganegara bagi melahirkan sesuatu pandangan politik atau membuat cadangan politik kepada Kerajaan yang ada bukan dengan kepentingan orang ramai tanpa menyentuh kritik terhadap dasar-dasar Kerajaan.

Tafsiran sesebuah pertubuhan politik sebagaimana dijelaskan dalam Rang Undang-undang ini mencerminkan bahawa Kerajaan

mempunyai satu pandangan dan fahaman perjalanan sesuatu sistem demokrasi yang sangat cetek. Walaupun saya ialah seorang ahli politik, saya merasa bahawa amat tidak adil dinyatakan hanya ahli-ahli politik sahaja dibenarkan atau diberi hak mengulas mengenai hal ehwal rakyat atau hal ehwal politik. Pada masa yang sama saya juga merasa bahawa adalah lebih tidak adil bagi Kerajaan menekankan bahawa pertubuhan yang bukan pertubuhan politik, tetapi masih terus menerus menyuarakan masalah-masalah sosial dan orang ramai perlu dikenali sebagai pertubuhan politik sebelum mereka boleh melahirkan pandangan-pandangan mengenai masalah rakyat dan hal ehwal negara, juga pada keseluruhannya ini adalah tidak adil kerana ini bermakna bahawa semua orang perseorangan atau pertubuhan tidak berhak membincangkan hal-hal rakyat melainkan mereka menganggotai sesuatu pertubuhan politik atau dikenali dengan pertubuhan politik. Kelulusan Rang Undang-undang ini akan bermakna bahawa semua Persatuan Peniaga, Persatuan Pengguna dan Persatuan Alam Sekitar terlibat memperjuangkan hak kepentingan orang-ramai tidak dibenarkan mempengaruhi dasar-dasar awam melainkan mereka telah dikenali sebagai pertubuhan politik. Jika mereka tidak ingin dikenali begitu, mereka tidak boleh mengulas mengenai sesuatu isu orang ramai, mempengaruhi dasar awam, jika inilah sikap Kerajaan terhadap orang ramai untuk mengulas dasar-dasar Kerajaan serta tindakan Kerajaan maka ia mempunyai satu fahaman yang sangat cetek tentang konsep demokrasi.

Tuan Speaker, Fasal 8 Rang Undang-undang ini yang menghendaki pindaan Seksyen 13A dengan memberikan kuasa meluas kepada Pendaftar menerusi Seksyen-kecil 13A (1) (b) untuk melarang mana-mana pertubuhan daripada mempunyai secara langsung atau cara tidak langsung apa-apa gabungan, hubungan komunikasi atau apa jua urusan lain dengan mana-mana pertubuhan, organisasi atau mana-mana jua badan lain di luar Persekutuan atau dengan mana-mana pihak berkuasa baik Kerajaan atau sebaliknya dalam mana-mana negeri, wilayah atau tempat di luar Persekutuan, adalah pada anggapan saya satu langkah yang

mundur yang bertujuan untuk membina tembok penghalang atau kawalan dalam pembangunan kerjasama antarabangsa.

Tuan Speaker, dengan menimbangkan sebab-sebab yang saya kemukakan tadi, saya sedar bahawa Rang Undang-undang ini apabila diluluskan nanti akan mengakibatkan mencederakan taraf kepada hak-hak Perlembagaan yang ada sekarang serta kebebasan rakyat dan akan menyekat kebebasan melahirkan pandangan mengenai hal ehwal kepentingan awam dan akan merosakkan sistem demokrasi di negara ini.

Yang akhirnya oleh kerana Rang Undang-undang ini melibatkan dan memberikan kesusahan kepada lebih daripada 30,000 buah pertubuhan dan persatuan di negara kita dengan jumlah keahlihan berjumlah beratus-ratus ribu orang. Saya ingin menyatakan sekali lagi bahawa rundingan terlebih dahulu hendaklah dilakukan dengan mereka oleh kerana ini akan memberi kesan ke atas kewujudan dan survival mereka dan mesti seharusnya Rang Undang-undang ini ditangguhkan dahulu. Tetapi memandangkan Kerajaan tidak berhasrat berbuat demikian dan lebih suka menggunakan majoritinya di Parlimen untuk meluluskan Rang Undang-undang ini, maka saya tidak mempunyai pilihan lain kecuali merekodkan tentangan saya kepada Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

7.33 *mlm.*

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Saya bangun di bawah Peraturan Mesyuarat 53 (4) untuk mencadangkan satu usul:

Bahawa Rang Undang-undang untuk meminda Akta Pertubuhan, 1966 bagi bacaan kali yang kedua "sekarang" ditukar perkataan ke "enam bulan dari hari ini".

Tuan Speaker, tujuan utama saya untuk mencadangkan usul pindaan ini ialah supaya membolehkan lebih kurang 30,000 unit pertubuhan, badan dan pergerakan atau parti politik yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan ini boleh berpeluang untuk berdialog dengan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atau berpeluang untuk merujukkan

kes-kes ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri bila berlakunya satu perkara yang perlu diperinci atau diputuskan sebelum Rang Undang-undang ini dibentangkan untuk perbincangan dan untuk kelulusan Dewan yang mulia ini.

Kedua ialah membolehkan Wakil-wakil Rakyat, umpamanya, Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Ahli-ahli Dewan Negara berpeluang untuk berdialog dengan pertubuhan-pertubuhan. Badan-badan dan pergerakan di kawasan masing-masing untuk mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi satu perasaan dan suasana kebimbangan yang berpunca daripada pindaan-pindaan yang dicadangkan seperti dalam seksyen baru 2A, 9A, 11A dan 13A termasuk Seksyen 18 ini. Kesemua ini yang berpunca daripada satu pindaan pokoknya ialah keterlampauan kuasa yang luar biasa diberikan kepada Pendaftar dan Menteri bila sesuatu perkara perlu diputuskan baik berkaitan dengan hilang kelayakan, permohonan gabungan atau berkaitan dengan perkara yang tertakluk dalam Rang Undang-undang hari ini.

Saya harap satu hakikat yang tidak boleh dinafikan oleh sesiapa pun ialah hak-hak yang begitu luar biasa diberikan kepada Pendaftar dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ini bukan sahaja adalah mencampuri sistem Kehakiman negara kita, juga adalah merupakan satu laughing-stock terhadap Rule of Law yang diamalkan di Malaysia kita. Adalah merupakan satu perkara yang sangat anih kalau kita kaji dari sistem prinsip dan kebebasan untuk rakyat berkumpul dan bercakap dan menyatakan pandangan-pandangan terhadap baik dasar atau sistem pemerintahan Kerajaan.

Sebenarnya semua hak-hak asasi ini adalah termasuk dan terjamin dalam Perlembagaan Malaysia. Saya harap Dewan yang mulia ini khasnya Kerajaan Barisan Nasional bolehlah menjunjung tinggi bukan sahaja hak-hak asasi kemanusiaan tetapi juga semangat dan prinsip Perlembagaan yang ada berkaitan dengan kebebasan dan demokrasi yang dijalankan di Malaysia ini. Jika dikaji dalam konteks sistem Kehakiman negara kita ini, kita boleh lihat bahawa kuasa yang begitu luar biasa yang diperuntukkan kepada

Pendaftar dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ini mungkin ini akan berlaku satu abuse of power dan inilah yang membawa satu keadaan kebimbangan dan kekhuatiran bukan sahaja dalam badan-badan yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan yang mempunyai lebih kurang 30,000 unit di Malaysia juga dari Bar Council dan lain-lain badan yang berkenaan.

Saya merasa kesal bahawa pada hari Isnin Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri enggan melampangkan masanya untuk menemui atau berjumpa dengan perwakilan daripada ABIM, ALIRAN dan lain-lain gerakan belia bersatu dan lain-lain. Saya merasa di dalam sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh mengubah sikapnya, boleh berdialog bukan sahaja dengan badan-badan yang terlibat dalam pindaan Rang Undang-undang ini, juga boleh berdialog dengan parti Pembangkang atau mana-mana satu pihak yang berkenaan. Saya harap perkara ini boleh diperincikan dengan lebih menyeluruh dan mendalamnya.

Sebab itu saya mencadangkan bahawa Kerajaan tidak perlu terburu-buru atau merasa tergesa-gesa hendak menjentolakkan atau bulldozekan Rang Undang-undang ini. Kalaulah Rang Undang-undang ini bukan bermakna hendak menyekat atau mencengkam kebebasan pergerakan badan-badan yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan maka apakah sebabnya Kerajaan tidak boleh menangguhkan bacaan yang kedua ini sekarang ke 6 bulan dari hari ini?

Tuan Speaker, satu perkara yang perlu saya bangkitkan kalau boleh Rang Undang-undang ini diserahkan di bawah Peraturan Mesyuarat 54 (2) kepada sebuah Select Committee, walaupun kedua-dua cadangan ini boleh ditimbang tetapi masalahnya adakah Kerajaan berhasrat untuk memberi peluang kepada semua pihak, semua community dan semua badan-badan berdialog dengan mereka kerana kita sudah sedar bahawa majoriti kerusi yang ada di dalam Dewan ini tentu Kerajaan tidak akan hendak menolak rayuan dan permintaan dari pihak-pihak yang tertentu terutama semalam ahli-ahli dari Bar Council telah tunjuk

perasaan. Ini telah menunjukkan satu reaksi yang tidak diinginkan oleh negara kita. Tetapi bolehkah kesemua masalah ini diatasi hanya dengan dijentolak (bulldoze) tanpa menghiraukan apa yang telah berlaku dalam negara kita dan apa sudah berlaku dan reaksi dan perasaan rakyat Malaysia hari ini.

Tuan Speaker, saya harap cadangan dan usul saya sebagai cara penyelesaian ini boleh menerima sokongan dari semua pihak terutama Wakil-wakil Rakyat dalam Barisan Nasional, termasuk parti Pembangkang khususnya dari DAP yang begitu melantang suaranya di Dewan Rakyat serta mahu menangguhkan bacaan kedua atas Rang Undang-undang ini. Di sini kita boleh lihat bagaimana seriusnya dan sincerenya DAP boleh menyokong satu usul yang adalah berasas kepada kepentingan rakyat yang berjiwa rakyat. Nanti saya harap Tuan Speaker boleh membuat satu keputusan di Dewan yang mulia ini selepas saya bercakap supaya kita boleh lihat adakah DAP yang mengatakan mahu memperjuangkan rakyat Malaysia. Tadi kita ada dengar suara yang begitu lantang sebagai pahlawan (hero), juara mahu membela demokrasi kebebasan, human rights. Sebenarnya DAP langsung tidak ada human rights, kebebasan dan demokrasi dalam parti sendiri. Sebenarnya DAP tidak berhak hari ini menyentuh atau bercakap mengenai human rights. Apa sebab DAP Malaysia tidak berani menentang PAP di Singapura dengan begitu serius menekan human rights rakyat Malaysia di Singapura? Itulah satu hypocrite politik yang dijalankan oleh DAP selama 15 tahun ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tolong Yang Berhormat tumpu kepada perkara ini.

Tuan Chan Teck Chan: Ya, kerana tadi Yang Berhormat dari Petaling ada menyentuh mengenai human rights. Saya katakan rekod human rights DAP sangat memalukan, double standard.

Tuan Karpal Singh: (Bangun)

Tuan Chan Teck Chan: Saya tidak beri jalan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, tolong duduk.

Tuan Chan Teck Chan: Demokrasi, Tuan Speaker. Di mana ada demokrasi di DAP hari ini?

Tuan V. David: Perkara apa?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat . .

Tuan Chan Teck Chan: Saya tidak beri peluang.

Tuan V. David: You are not there to ask me to shut up.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau ada hal ... (*Disampuk*).

Tuan Chan Teck Chan: You are the running dog of MTUC.

Tuan V. David: You are a slave ...

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya bilang diam.

Tuan Chan Teck Chan: Mengenai demokrasi, lihat pemimpin-pemimpin, Ahli-ahli DAP kalau ada pandangan yang ada berselisih faham semuanya dipecat. Mana ada demokrasi dalam DAP? Tiada hak, tidak ada demokrasi dalam DAP hari ini. Inilah double agent—DAP, double agent party.

Tuan Karpal Singh: Saya minta jalan, Tuan Speaker.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan.

Tuan Chan Teck Chan: Saya tidak beri jalan. Sikap dictatorship, tadi ada menuduh Barisan Nasional, apa bezanya Barisan Nasional dengan DAP? Dia lagi dictator (*Tepuk*). Kalaulah ditegur sedikit tidak boleh terima, halau, pecat, tuduh agen Kerajaan, agen UMNO, pengkhianat! Itukah Parti yang menjunjung tinggi akan hak-hak asasi kemanusiaan? Where is the democracy of DAP? Big bluff, hypocrite DAP, hypocrite party. (*Tepuk*).

Tuan Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, saya minta jalan.

Tuan Chan Teck Chan: Saya tidak beri jalan.

Tuan Karpal Singh: Yang Berhormat, jangan macam itu.

Tuan Chan Teck Chan: Saya tidak beri jalan, dia boleh cakap, nanti boleh cakap, ada peluang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong . .

Tuan Chan Teck Chan: Tadi Ahli Yang Berhormat dari Petaling kata arrogance of power. Saya kata dia lebih lagi arrogance of power daripada Barisan Nasional. Semua rakyat Malaysia boleh lihat sikapnya bagaimana cakap satu style buat satu style. Okay cakap, loyalty . .

Tuan Karpal Singh: On a point of order.

Tuan Chan Teck Chan: On what order?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Duduk Yang Berhormat. Order nombor berapa Yang Berhormat?

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, ini perbahasan atas Akta Societies Act, ini bukan ada kaitan.

Tuan Chan Teck Chan: Ini bukan order.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat . .

Tuan Karpal Singh: Saya mahu memberi penjelasan, Tuan Speaker, ini tidak ada kaitan atas perbahasan yang ada di depan kita.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rulekan ada. Teruskan.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Speaker, apa yang saya cuba menarik perhatian rakyat Malaysia hari ini ialah saya mahu membongkarkan topeng DAP yang hypocrite. (*Tepuk*). Fighting for human rights, democracy; all rubbish (*Tepuk*).

Tuan Lim Cho Hock: Duduk, duduklah traitor, running dog.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat diam, saya minta Yang Berhormat dari Ipoh, saya harap Yang Berhormat tarik perkataan 'running dog'.

Tuan Lim Cho Hock: Dia satu running dog.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat perkataan itu unparliamentary dan mengikut peraturan, ini salah. Yang Berhormat tarik balik.

Tuan Lim Cho Hock: Dia seorang pondan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak tarik balik atau tidak?

Tuan Karpal Singh: Oleh kerana Tuan Speaker tidak larang orang ini jangan mengeluarkan tuduhan-tuduhan yang tidak benar.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ipoh.

Tuan Lim Cho Hock: Dia bukan berucap, sekarang dia hentam DAP macam mana?

Tuan Chan Teck Chan: Saya bukan hentam, saya cakap fact.

Tuan Lim Cho Hock: Apa fact itu?

Tuan Chan Teck Chan: Tadi Yang Berhormat dari Petaling kata demokrasi, human rights, all rubbish, hypocrite!

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua Yang Berhormat dari Ipoh, mahu tarik balik atau tidak. Saya harap tarik baliklah!

Tuan Lim Cho Hock: Bolehlah. Saya tarik balik. (*Disampuk*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Diam, diam!

Tuan Chan Teck Chan: But your boss dares not accept my challenge.

Tuan Lim Cho Hock: You are a traitor!

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ipoh, tolong duduk!

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Speaker, Seksyen 2A. Ada satu perkara yang sangat serius yang berlaku dalam DAP. Ada pengkhianatan dalam DAP. Saya berikan contoh, peristiwa yang berlaku di Perak pada 4hb Ogos, 1978. Apa sebab keenam-enam. . .

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, saya minta jalan. Tuan Speaker, bolehkah Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini menggunakan perkataan "pengkhianat"?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh.

Tuan Karpal Singh: Baru-baru ini dia ada gunakan.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti, nanti dahulu, duduk.

Tuan Karpal Singh: Saya minta satu keputusan boleh atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh.

Tuan Karpal Singh: Kalau begitu, minta tarik balik.

Tuan Chan Teck Chan: Dia cakap dahulu.

Tuan Karpal Singh: Baru-baru ini juga, Tuan Speaker. Kalau Tuan Speaker adil, perintah dia tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan berkata, "kalau Tuan Speaker adil".

Tuan Karpal Singh: Kalau adil.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan kata begitu, jangan kata tidak adil, saya beri contempt of the House nanti.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, baru-baru ini kata perkataan itu tidak boleh guna. Jikalau tidak boleh guna, mengikut keadilan, perintah orang itu tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Dengar cakap orang dahulu. Cakap saya hendak minta dia tarik balik, itu sahaja. Jangan kata kalau adil. Jangan cakap begitu. Kalau perkataan "pengkhianatan", tarik balik.

Tuan Chan Teck Chan: Saya kalau disuruh tarik balik, saya tarik balik. Tadi dia cakap 'traitor', minta tarik balik.

Tuan Lim Cho Hock: Awak traitor.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Ipoh, minta tarik balik perkataan 'traitor'.

Tuan Lim Cho Hock: Itu ada benar, Tuan speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Saya nasihatkan tarik balik, kalau benarpun tidak boleh di sini, mengikut Peraturan Mesyuarat 36(4).

Saya nasihatkan tarik balik, kalau tidak saya bertindak.

Tuan Lim Cho Hock: Baiklah, saya tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Order, order!

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, sudahkah dia tarik balik?

Tuan Chan Teck Chan: Saya sudah tarik balik tadi.

Tuan Karpal Singh: Bila dia tarik balik, bila? Saya tidak dengar!

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Ahli Yang Berhormat dari Jelutong tidak dengar, tidak mesti semua orang tidak dengar. Orang lain dengar.

Tuan Karpal Singh: Saya tidak dengar.

Tuan Yang di-Pertua: Saya dengar.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker dengar, itu lain kira.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan!

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Speaker, Seksyen 2A ini saya harap perlu diperluaskan dengan perkataan "Rukunegara". Perkataan ini sangat mustahak. Saya berikan satu contoh peristiwa berlaku dalam DAP pada 4hb Ogos, 1978. Apa sebab keenam-enam Ahli Dewan Undangan Negeri Perak enggan melafazkan ikrar kepada Duli Yang Maha Mulia. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat itu menyeleweng sedikit. Tak usah jauh-jauh.

Tuan Chan Teck Chan: Itu sangat mustahak.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya saya tahu tetapi jangan jauh sangat. Ini contoh-contoh yang kurang relevant, tak usah.

Tuan Chan Teck Chan: Ini sudah berlaku.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya tahu. Beri contoh lain.

Tuan Chan Teck Chan: Saya harap DAP boleh menyatakan pendiriannya adakah DAP menyokong 5 rukun yang mungkin saya

cadangkan mahu diletakkan dalam Seksyen 2A ini, Kesetiaan kepada Raja dan Negara. Apa sebab mereka enggan melafazkan Taat Setia kepada Sultan Perak? Ini adalah menderhaka dalam adat istiadat dan adat resam orang Melayu, kehidupan orang Melayu khasnya dalam masyarakat Keluarga Di Raja. Itulah saya harap pemimpin-pemimpin DAP, khasnya dari Ipoh boleh menyatakan mereka hypocrite, misleading memperdaya orang ramai, katanya dia resign 6 months, sebenarnya ada satu permainan untuk mempesongkan orang ramai tetapi selepas 6 bulan dia menjadi Pengerusi Perak lagi. Nampaknya DAP adalah hypocrite, bertopeng, yang perlu dibongkar (*Disampuk*).

Tuan Yang di-Pertua: Apa ini? Di bawah Peraturan Mesyuarat, tiap-tiap kali Ahli Yang Berhormat masuk dan keluar dengan "decorum".

Tuan Peter Paul Dason: Minta maaf (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Speaker, saya sudah banyak bercakap Part I mengenai DAP, ada 10 bab dan bab yang terakhir ada 3 dokumen, saya mahu membongkarkan tentang DAP.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tak mahu dengar itu, cukuplah apa yang ada. Tumpukan kepada Bil ini.

Tuan Chan Teck Chan: Kalau ganggu masa lagi this is my last warning to the DAP. Ini first chapter, ada 10 chapter..... (*Disampuk*) cakap nanti semua kena halau dari Malaysia (*Ketawa*).

Tuan Speaker, ada 3 dokumen yang mustahak yang boleh membuktikan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh.....

Tuan Yang di-Pertua: Sudah, tidak payah! Tumpukan kepada yang ada hubungan dengan ini sahaja.

Tuan Chan Teck Chan: Kerana parti itu bergabung dengan negara-negara asing, itulah mustahak Seksyen 11A.

Tuan Yang di-Pertua: Itu dahulu, ini belum lulus lagi.

Tuan Chan Teck Chan: Itulah saya mahu memberitahu dahulu.

Tuan Peter Paul Dason: Masuk MCA lah!

Tuan Chan Teck Chan: You masuk UMNO lah (*Ketawa*). Cocok MP masuk MCA, mereka dapat \$1 juta, itu sebab suruh masuk MCA (*Ketawa*). Inilah agen Barisan Nasional (*Ketawa*).

Tuan Speaker, sekarang sudah sampai masanya satu peringkat yang serius iaitu usul saya sudah jalankan. Sekarang saya mahu lihat bolehkah DAP berasaskan kepada kepentingan rakyat dan 30,000 unit pertubuhan yang berdaftar atas Akta Pertubuhan ini untuk menyokong supaya bacaan kali yang kedua ini ditangguhkan. Sama ada boleh atau tidak boleh, saya tak tahu, kita semua mahu lihat adakah DAP sebagai parti yang hypocrite.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ini ada satu pindaan yang telah diberitahu lebih dahulu oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang berbunyi, iaitu:

“Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, diganti dengan, iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua 6 bulan dari hari ini”.

Dan tiap-tiap satu usul di dalam perbincangan di sini hendaklah ada penyokong. Ada penyokong?

Tuan Chan Teck Chan: Tanya DAP lah (*Ketawa*), kenapa tak mahu sokong? Di luar Parlimen kata mahu sokong, sekarang tak mahu sokong, lain cerita. DAP ada cakap dalam suratkhbar —hypocrite!

Tuan Yang di-Pertua: Dengan sebab tak ada sokongan, jadi ini gugur dengan sendirinya.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Speaker, ertinya DAP adalah menyokong Akta Pertubuhan.

Tuan Yang di-Pertua: Itu urusan lain. Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda.

7:54 mlm.

Tuan Haji Hashim bin Endut (Ulu Muda): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Akta yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri, 100% sokongan. Setinggi tahniah dan syabas serta sekalong bunga patut diberikan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, khususnya kepada Menteri, Timbalan Menteri dan seluruh anggota daripada Kementerian ini kerana sanggup meminda undang-undang yang sudah lapuk dan tidak boleh dipakai lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh hairan tengok telatah yang dimainkan oleh DAP dan bekas DAP (*Ketawa*). Dengan ini membuktikan bahawa bangkangan-bangkangan mereka itu tidak berasas sama sekali kerana Wakil dari Petaling ada mengatakan ini adalah satu sejarah yang paling hitam bagi demokrasi negara. Ini tidak betul kerana saya percaya kalaulah undang-undang ini diluluskan masih ada demokrasi, tetapi malang sekali parti yang begitu berselerak, bertabur pada hari ini bukan dikenali sebagai parti DAP lagi tetapi “Divided Action Party”. Kita tengok sendiri di dalam Dewan yang mulia ini perangai dan budi pekerti tidak patut wujud di dalam Dewan yang mulia ini. Ini adalah satu tempat yang mulia dan sungguh-sungguh patut di hormati, tetapi kelaku-kelayak Wakil DAP tak harus saya sebut dalam Dewan ini (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, mereka mengatakan mengikut sejarah tidak ada undang-undang dapat dipinda begitu banyak yang dapat tentangan daripada pertubuhan-pertubuhan, berapa banyak? Yang banyak ini saya agak kuat-kuat 50 daripada 30,000 pertubuhan-pertubuhan yang berdaftar dalam negara kita, tak sampai 1%. Kemudian fasal apa hendak tangguh, fasal apa tak mahu sokong? Ini adalah diibaratkan Bapa Menteri tahu bahawa rumah undang-undang tubuh itu begitu usang dan lapuk, bumbungnya bocor, tingkapnya robak-rabit, penyamun-penyamung boleh naik, kewajipan Menteri hendak perbetulkan rumah itu, sekarang ini hendak diperbetul.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ini tak pakai “Bapa Menteri”, tetapi “Yang Berhormat Menteri” sahaja.

Tuan Haji Hashim bin Endut: Yang Berhormat Menteri (*Ketawa*)—maaf Tuan Yang di-Pertua. Jadi tujuan hendak membetulkan, hendak pindaan undang-undang ini adalah hendak membezakan di antara musang dengan ayam seperti sahabat saya dari Batang Padang kata tadi. Yang malangnya hari ini pertubuhan-pertubuhan yang usang ini bila kita hendak cekup musang, dia kata dia ayam, ini susah. Sekarang dengan adanya undang-undang ini kita boleh tahu ini ayam, ini musang, mana kata tak boleh bebas, ayam boleh bebas cara ayam, musang boleh bebas cara musang—bebaslah, tak ada siapa halang, tetapi undang-undang ada, baik musang boleh bebas bergerak di dalam hutan, hendak datang curi ayam, di situlah masa kita hendak pegang dia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang diketahui adalah menjadi matlamat Akta itu untuk menjelaskan kepada rakyat kedudukan sebenar satu-satu pertubuhan supaya rakyat jelata tidak keliru. Sebagai contoh, Pertubuhan Orang-orang Buta Malaysia adalah digalakkan menjaga kepentingan orang-orang buta, mereka yang tidak buta juga perlu membantu untuk menolong orang-orang buta dengan turut memimpin pertubuhan itu. Kerajaan perlu menjaga kepentingan orang-orang buta dan menghalang orang-orang yang tidak buta memperalatkan pertubuhan itu untuk kepentingan peribadi dan membawa pertubuhan kebajikan itu ke dalam controversy yang tidak menguntungkan orang buta.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pengawasan hubungan antarabangsa dan pengawasan penerimaan wang dari sumber luar negeri adalah penting dilihat bahawa strategi Barisan Bersatu Komunis Antarabangsa (Communist United Front) adalah untuk mencari pengaruh di dalam pertubuhan-pertubuhan di negara bukan komunis untuk menganjurkan huru-hara. Kerajaan telah mengesan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa yang merupakan barisan depan bagi Barisan Bersatu Komunis (CUF) yang bertopengkan badan-badan

kebajikan, termasuk badan-badan profesional yang berusaha ke arah menembusi pertubuhan-pertubuhan dalam mana-mana negara untuk mencapai niat buruk mereka. Kerajaan tidak berniat menyekat hubungan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa tetapi Kerajaan perlu mengetahui siapa mereka—singa, naga atau buaya yang semuanya merbahaya kepada negara (*Ketawa*).

Sebenarnya seperti saya katakan tadi pindaan Akta Pertubuhan 1981 bertujuan membezakan di antara musang dengan ayam. Saya kalaulah menjadi ahli Bar Council, saya semua letak jawatan, tidak guna duduk di dalam Bar Council lebih lanjut lagi kerana semalam mereka di Lake Club hendak mengadakan mesyuarat, tetapi malang sekali tidak dapat sokongan daripada ahli-ahli mereka yang dijangka 250 hadir hingga tidak sampai 200 orang hadir. Daripada 200 orang, 50 orang lebihkurang mari hendak masuk ke Parlimen hendak berjumpa disitu dengan tidak ada pas dan sebagainya, tidak boleh masuk. Mereka jahil sebagai peguam, tidak ada pas hendak masuk Parlimen.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, saya hendak beri penjelasan.....

Tuan Haji Hashim bin Endut: Tidak beri jalan, sila duduk!

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, saya minta dibenarkan.....

Tuan Haji Hashim bin Endut: Saya tidak beri jalan. Sit down! You are unwanted in Alor Setar and in Penang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jaga sedikit bahasa. Jangan kata "not wanted" dan macam-macam.

Tuan Haji Hashim bin Endut: Saya tarik balik, Tuan Speaker (*Ketawa*). Tuan Yang di-Pertua, saya tengok 11 orang yang dapat kad hendak masuk ke bangunan Parlimen dipakainya gelang hitam. Lazimnya gelang hitam ini orang mati, tetapi mengapa ahli-ahli Bar Council ini dengan tidak semena-mena pakai gelang hitam. Apabila saya check dalam list, rupa-rupanya mereka ini adalah tetamu kepada beberapa wakil rakyat yang ada di dalam Dewan ini. Itu jelas sekali

bahawa apa yang dilaung-laungkan oleh mereka ini mendapat restu daripada wakil rakyat dari Divided Action Party ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada orang-orang yang beri surat layang. Saya dapat 10 lebih surat layang. Daripada surat layang dan telegram yang saya terima jelas sekali mereka ini jahil dan mereka tidak tahu apa yang kita hendak buat. Kemudian heboh di luar pagar. Ini adalah satu perkara yang tidak patut berlaku kepada negara yang begini aman, yang mengamalkan demokrasi. Kerana daripada situ saya tengok senarai 19 pertubuhan-pertubuhan yang bangkang kepada kita, dan kalau kita short listkan daripada 19 pertubuhan yang bangkang ini kita dapat lebihkurang empat group sahaja iaitu group ABIM, group CAP, group Alam Sekitar yang mana pemimpin-pemimpin mereka seperti ABIM adalah Sdr Anuar Ibrahim, Persatuan Kebangsaan pelajar-pelajar Islam Malaysia, juga Anuar Ibrahim. MBM (Majlis Belia Malaysia) adalah juga Anuar Ibrahim. (*Ketawa*) Kesatuan Akademik Universiti Kebangsaan Malaysia ada juga kawan-kawan Anuar Ibrahim; itu satu group.

Group yang kedua daripada Alam Sekitar, hendak jaga alam sekitar yang biasa tunjuk keburukan negara kita di luar negeri dan untuk dapat hadiah kerana negara kita buruk, busuk! Kerana rakyat Malaysia pergi tunjuk ke luar negeri keburukan negara kita. Yang ini namanya Gurmit Singh. Dia sahaja terlibat dengan lima pertubuhan iaitu Persatuan Perlindungan Alam Sekitar Malaysia, Persatuan Jurutera Malaysia, Sahabat Alam Malaysia, Persatuan Siswazah Selangor dan beberapa lagi.

Tuan satu group adalah CAP (Persatuan Pengguna Pulau Pinang), yang mana ketuanya ialah Dr Lim Teik Yee. Lim Teik Yee ini mengaji sekolah sama saya, saya kenal baik. (*Ketawa*) Demonstrasi di Baling juga Dr Lim Teik Yeelah yang bertanggungjawab dan Lim Teik Yee juga termasuk dengan kumpulan yang bernama Persatuan Orang-orang Buta Malaysia yang mana ketuanya Peter Chin.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah jauh melencong daripada perkara yang berkaitan. Tolong tumpukan kepada perkara yang berkaitan.

Tuan Haji Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa sebut menunjukkan.

.....

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Untuk reference bolehlah tetapi janganlah meleret-leret panjang sangat.

Tuan Haji Hashim bin Endut: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya terpaksa membawa perkara ini kerana membuktikan bahawa empat group sahaja yang menentang dalam Akta ini. Maka adakah Dewan yang mulia ini hendak mengambil hirau berkenaan dengan orang-orang yang tidak bertanggungjawab yang disokong oleh parti DAP yang tidak demokratik lagi di antara mereka sendiri. Jadi ini membuktikan bahawa apa yang dibawa oleh Menteri pada petang ini adalah satu perkara yang baik dan perlu mendapat sokongan 100% daripada Dewan ini, biarlah mereka tidak mahu sokong tetapi kita Barisan Nasional mesti sokong, kita wujudkan Akta ini. Kalau tidak, tidak tahulah masih terjadi macam ini juga.

Oleh yang demikian saya sokong 100% di atas pindaan Akta ini, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pantl.

8.04 mlm.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning (Panti): Tuan Yang di-Pertua saya bangun bersama-sama dengan rakan saya mengambil kesempatan sedikit bagi menyokong Akta untuk meminda Akta Pertubuhan 1966 ini. Saya yang mewakili seramai lebihkurang 190,000 orang rakyat dalam Dewan ini menyokong 100% atas Akta pindaan yang akan diluluskan sebentar lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya memang sudah lama Akta ini dipinda memandangkan keadaan-keadaan. Kita belajar daripada kesilapan dan keadaan yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum terutama sekali para

lawyer saya percaya bahawa Parlimen ini ialah supreme ataupun ketua segala undang-undang dan bukannya Bar Council yang boleh memutuskan undang-undang tetapi adalah Parlimen yang membuat undang-undang. Tetapi entah bagaimana dengan sedikit kesilapan ataupun kejahilan pihak-pihak yang tertentu agaknya sanggup mencabar Parlimen dan sanggup hendak mengadakan demonstrasi, hendak mencabar kuasa-kuasa yang ada pada Parlimen.

Pada hari semalam, satu rombongan telah cuba melanggar peraturan Parlimen ini dengan cuba datang menyeludup untuk menemui sendiri dengan Ahli-ahli Parlimen dengan memberikan surat-surat bantahan dan sebagainya, tidak ubahnya, Tuan Yang di-Pertua, macam orang jual kacang putih dalam panggung wayang!

Tuan Yang di-Pertua, pihak Pembangkang terutama daripada DAP ataupun PAS boleh mengeluarkan 1001 hujjah dan hujjah mereka itu hanya untuk melepasi mereka sendiri. Tidak ubah seperti ketam hendak mengajar anaknya berjalan betul tetapi ibu ketam itu sendiri berjalan mengereng. Inilah sifat yang saya namakan kepada pihak-pihak yang suka atau cuba membantah.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya pihak-pihak yang cuba hendak membantah ini tidak ubah seperti orang sakit yang cuba hendak diberi ubat oleh pihak doktor tetapi dengan sifat kejahilan orang sakit ini menolak ubat yang mana ubat tadi sebenarnya boleh menyembuhkan penyakitnya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian umpamanya dalam Fasal 6 iaitu yang akan dipinda:

“Jika sesuatu berdaftar bercadang hendak mengadakan apa-apa gabungan atau hubungan di luar Persekutuan pertubuhan itu hendaklah, sebelum memulakan gabungan atau hubungan itu, memohon kepada Pendaftar.....”

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita nampaknya terlalu toleransi selama ini. Kerajaan kita membiarkan sahaja pihak-pihak yang berkenaan ataupun pihak-pihak yang tertentu menikam Kerajaan dari belakang sehingga dengan kebebasan yang

ada seolah-olah mereka cuba membunuh demokrasi dengan demokrasi juga. Kerana mereka menyalahgunakan demokrasi yang ada ini maka mereka akan cuba membunuh demokrasi yang telah berjalan selama ini di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini ada segolongan masyarakat kita, ada pertubuhan-pertubuhan, ada persatuan-persatuan belia yang sanggup mendewadewakan negara asing, ada pertubuhan yang sanggup menyanjung tinggi, mendewadewakan pemimpin-pemimpin negara asing hingga mereka lupa dan mereka tidak sedar, sepatutnya di mana bumi dipijak, di situ langit mesti dijunjung.

Saya amat dukacita apabila pihak saudara saya daripada PAS umpamanya membawa hadith-hadith dan ayat-ayat Quran di dalam menegakkan hujah-hujahnya tetapi seolah-oleh mereka sudah lupa, sudah lupa mereka itu ayat yang berbunyi: Waatiullah waatiurassul ulilamri minkum-Taatkan Allah, taatkan Rasul dan mereka yang mentadbirkan urusan kita.

Pada hari ini dengan kemenangan-kemenangan yang kita dapati tiap-tiap lima tahun sekali maka yang menjadi pentadbir hal ehwal negara kita ialah Barisan Nasional sehingga kita dapat menguasai Dewan Parlimen ini. Mereka cuba juga bertanding dalam pilihanraya tetapi mereka tidak dapat menarik minat rakyat maka dengan sebab itu mereka banyak yang kalah dalam pilihanraya tetapi rakyat telah memberi kepercayaan kepada Barisan Nasional maka dengan sebab itu Kerajaan yang ada hari ini dinamakan ulilamriminkum-ulilamri— Sultan yang memerintah, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah ulilamri yang patut ditaati tetapi malangnya dengan sebab kebebasan yang telah kita berikan ada segolongan manusia yang sanggup mencemarkan negaranya sendiri, yang sanggup mencemarkan nama pemimpin negaranya sendiri dan sebaliknya cuba pula mendewadewakan pemimpin-pemimpin asing yang barangkali dengan Akta ini mereka sebelum ini telah mendapat peruntukan, telah mendapat bantuan daripada negara-negara asing untuk

disalurkan kepada negara kita, kepada pertubuhannya untuk menghentam Kerajaan kita, untuk menghentam pemimpin kita. Di mana lojiknya, Tuan Yang di-Pertua? Maka dengan sebab itu, saya harap perkara ini akan dapat diluluskan juga pada hari ini. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Baling.

8.13 mlm.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad (Baling): Bismillahhirrahmanirahim. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menentang Rang Undang-undang pindaan ini dan penjelasan-penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai Undang-undang ini dan perlunya diadakan Undang-undang ini tidak meyakinkan sama sekali. Bahkan di dalam beberapa hal Menteri yang berkenaan telah memberikan suatu penjelasan yang tidak bertanggungjawab kerana apabila menghuraikan tentang hak pertubuhan-pertubuhan untuk hak dan kuasa Pendaftar, beliau telah menyatakan bahawa segala keputusan yang dibuat itu boleh dirayukan kepada Menteri dan kemudian jika tidak puas hati boleh dirayukan kepada mahkamah.

Sebenarnya itu adalah suatu penjelasan yang tidak sebagaimana yang terdapat di dalam undang-undang ini sendiri yang menyebutkan bahawa keputusan-keputusan itu adalah terakhir dan muktamad dan tidak boleh dicabar, dibuat rayuan terhadapnya, dikaji semula, dibatalkan ataupun dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah. Saya mengatakan bahawa penjelasan beliau itu tidak bertanggungjawab melainkan jika sekiranya beliau bermaksud untuk menarik dan meminda peruntukan ini. Jika sekiranya beliau menyatakan apa yang diucapkannya itu tidak merupakan sesuatu hasrat untuk merubah dan meminda peruntukan ini atau peruntukan-peruntukan yang seumpamanya maka ia menunjukkan sama ada beliau sendiri tidak membaca Rang Undang-undang ini ataupun beliau sengaja untuk mengelirukan Dewan ini sebagai suatu justifikasi bagi mengharuskan tindakan-tindakannya.

Tuan Yang di-Pertua, alasan-alasan yang telah diberikan oleh banyak penyokong-penyokong Kerajaan ialah bahawa Akta ini bertujuan untuk menyekat penyusupan-penyusupan subversive ke dalam pertubuhan-pertubuhan dan kerana itu diperuntukkan Akta-kata yang sebenarnya adalah untuk menyekat kebebasan pertubuhan-pertubuhan itu. Sebenarnya penyusupan-penyusupan komunis ini bukanlah sangat dapat dielakkan dengan peruntukan-peruntukan yang ada ini kerana komunis walaupun sama ada undang-undang ini atau tidak ia akan menjalankan usaha-usaha untuk menyusup ke dalam mana-mana parti politik ataupun di dalam mana-mana pertubuhan bukan berkaitan sangat dengan Akta ini bahkan penyusupan komunis itu hanya dapat dielakkan dengan kelicinan ataupun dengan kukuhnya jentera-jentera Kerajaan dan juga dengan adanya suatu ketahanan nasional dan prinsip-prinsip yang luhur yang ditanam dan diasuh di dalam negara ini. Dan jika sekiranya jentera Kerajaan yang ada dapat mengelakkan ataupun dapat menghalang daripada penyusupan-penyusupan komunis seperti mana pihak Pasukan Keselamatan atau pihak yang berkuasa dapat membawa pulang pemimpin komunis Musa Ahmad daripada Peking sebelum Akta ini dikemukakan. Ini menunjukkan bahawa penyusupan komunis itu dapat dihalang dengan adanya suatu jentera yang cekap dan jentera yang berpegang teguh kepada nilai-nilai keadilan. Bahkan Akta ini dengan tujuan untuk menyekat kebebasan sebenarnya adalah merupakan dorongan untuk komunis bekerja dengan lebih kuat lagi kerana adanya faktor-faktor yang boleh menggalakkan fahaman-fahaman komunis.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Akta Pertubuhan 1966 yang telah dikemukakan di dalam Dewan ini merupakan satu lagi sebenarnya siri kerakusan Kerajaan Barisan Nasional membuat Akta-akta dengan tujuan memberi lebih banyak kuasa kepada badan eksekutif dan untuk apakah kuasa-kuasa itu diminta oleh badan eksekutif selama ini. Jawapannya adalah terdapat di dalam undang-undang yang telah diluluskan dan di dalam Akta-akta yang dicadangkan. Akta yang dibincangkan sekarang ini mempunyai tujuan yang sama di samping menyekat

kebebasan rakyat dan menghalang mereka menjalankan kegiatan-kegiatan secara berkumpulan untuk kebaikan masyarakat dan negara.

Sebelum daripada saya membincangkan selanjutnya mengenai Akta Pertubuhan 1966 ini, saya ingin mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat akibat buruk penyerahan terlalu banyak kuasa kepada badan eksekutif tanpa membuat penelitian teliti terhadap kepentingan segenap lapisan rakyat, walaupun mungkin kuasa yang diberikan itu boleh menjaga kepentingan parti pemerintah tetapi sekiranya kuasa yang diberikan itu menjejaskan kepentingan dan hak asasi sebahagian lain daripada rakyat, sudah tentulah keadilan akan terjejas terutamanya apabila kuasa diberikan itu dengan tujuan yang khusus sebagai langkah tidak bertolak ansur terhadap Pembangkang dan pengkritik dasar-dasar Kerajaan dan apabila ini berlaku dan terus dilakukan Kerajaan akan melakukan lebih banyak kesilapan-kesilapan yang akan membawa negara menuju keruntuhan dan juga kehancuran.

Tuan Yang di-Pertua, sudah beberapa kali Dewan ini membincang dan meluluskan Akta seumpama ini dan sudah beberapa kali kuasa-kuasa yang penting diserahkan kepada badan eksekutif dan penggunaan kuasa-kuasa itu tidak pula dapat dicabar dan dipersoal di mahkamah-mahkamah keadilan. Sekiranya badan eksekutif memang bercadang tidak hendak menyalahgunakan kuasa itu dan berazam menjalankan keadilan, mengapa diperuntukkan fasal-fasal yang menetapkan keputusan-keputusan yang dibuat oleh badan eksekutif ini menurut kuasa-kuasa yang diberi tidak boleh dipersoalkan di mahkamah keadilan.

Mengapa badan eksekutif ini takut kepada keadilan sekiranya mereka menghormati keadilan dan mempunyai niat untuk melaksanakan keadilan. Apakah keadilan itu semata-mata untuk menghukum dan mendera orang lain dan bukan untuk melahirkan kebenaran terhadap sesuatu keraguan, membenarkan yang benar dan menyalahkan yang salah. Adalah jelas daripada peruntukan-peruntukan seperti itu Kerajaan Barisan Nasional takut kepada keadilan dan terbau oleh saya semacam ada

perencanaan raksaksa jangka panjang untuk menjadikan negara ini terus kekal di tangan Barisan Nasional, hatta walaupun di saat rakyat tidak lagi menaruh kepercayaan kepada mereka. Dengan lain perkataan, Kerajaan sekarang akan bertindak untuk mengekalkan kuasa mereka walaupun terpaksa menjadikan negara ini sebagai sebuah negara kuku besi kerana pemimpin-pemimpin Barisan Nasional sedar bahawa majoriti besar yang dimiliki oleh mereka di dalam Parlimen ini lebih merupakan hasil kemenangan teknik dan bukan sangat kemenanan yang dihasilkan oleh sokongan majoriti yang mutlak daripada rakyat. Kerana itu pemimpin Barisan Nasional terpaksa mengatur perencanaan sedemikian rupa untuk terus berkuasa.

Kerapuhan asas-asas yang membina kuasa Barisan Nasional ini dicariganti dengan unsur-unsur pengukuhan yang negatif iaitu mematikan suara-suara kritik dan pendedahan terhadap penyelewengan yang terus dilakukan oleh Kerajaan, maka lahirlah akta-akta dan undang-undang yang menuju ke arah matlamat tersebut. Sebenarnya terlalu lumrah Parlimen membincangkan akta-akta yang bertujuan menyekat kebebasan dan hak asasi rakyat. Terlalu lumrah Parlimen membincangkan anugerah kuasa kepada badan eksekutif tanpa membolehkan keputusan-keputusan badan itu dipersoalkan di mahkamah keadilan.

Akta yang sedang kita bincangkan sekarang ini satu lagi sandiwara yang bercorak trajedi kepada kebebasan rakyat. Sebaliknya di sebalik babak ini terdapat lagi babak-babak di dalam perencanaan pemimpin Barisan Nasional untuk membolot kekuasaan. Babak yang lebih serius kesannya menyekat kegiatan parti politik, memusnahkan pemimpin-pemimpin mereka dengan kuatkuasa undang-undang dan langkah-langkah seperti itu. Saya yakin pindaan akta ini akan diikuti dengan yang lain apabila tiba masa yang sesuai. Entahkan akan ada lagi pilihanraya tahun 1983 atau pilihanraya selepas itu atau tidak merupakan gambaran-gambaran yang tidak harus diketepikan begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, akta yang kita bincangkan sekarang ini jelas bertujuan

menyekat kebebasan bersuara dan menghalang penyuaran sikap dan pandangan yang berkesan walaupun orang-orang perseorangan tidak dilarang mengemukakan pendapat dan pandangan masing-masing tetapi pendapat dan pandangan yang berkesan melalui pertubuhan tidak lagi semudah yang diharapkan dalam sebuah negara demokrasi. Tentulah tidak munasabah masalah-masalah besar yang berkaitan dengan negara dibenarkan dibincangkan oleh orang-orang perseorangan sahaja yang sudah tentu tidak begitu berkesan. Di manakah kebijaksanaan badan-badan dan pertubuhan-pertubuhan dinafikan hak tersebut sekiranya kegiatan mereka mengancam keselamatan. Tidak cukuplah lagi dengan kuasa-kuasa luas yang telah diberikan oleh Akta Keselamatan Dalam Negeri sehingga perlu diwujudkan sekatan baru ke atas pertubuhan? Apakah teguran terhadap dasar dan pentadbiran semuanya telah menjadi masalah keselamatan.

Kerajaan mungkin berkata bahawa Kerajaan tidak berniat menyekat kebebasan pertubuhan-pertubuhan untuk bersuara dan memberikan pendapat. Apa yang dikehendaki oleh Kerajaan ialah hendak menetapkan identiti pertubuhan itu dan memandu orang ramai untuk membuat pilihan yang tepat ke atas suatu pertubuhan yang hendak diceburi dan ini diperkatakan tadi oleh ahli-ahli daripada Kerajaan dengan mengeluarkan berbagai-bagai misalan dan bidalan. Tetapi peruntukan dan juga takrif yang terkandung di dalam akta ini bukanlah bersifat sebagai pemandu tetapi memaksa sesuatu pilihan tertentu dengan menjadikan pertubuhan tertentu sebagai pertubuhan politik. Dengan memberikan suatu takrif yang begitu umum kepada pertubuhan politik, Kerajaan dapat menghalang sebahagian penting daripada masyarakat bergiat cergas dalam kegiatan pertubuhan-pertubuhan, selain daripada pertubuhan-pertubuhan yang lain daripada parti politik kerana telah ditentukan lebih awal lagi pegawai-pegawai Kerajaan, pelajar-pelajar, kakitangan universiti dilarang bergiat cergas di dalam politik, bahkan lebih dahsyat daripada itu pertubuhan-pertubuhan kebajikan sekarang yang dianggotai oleh

sebahagian masyarakat tidak lagi dapat menyuarakan kepentingan-kepentingan mereka dan juga kepentingan negara kerana dengan menyuarakan apa sahaja yang menyentuh kehidupan ini pertubuhan mereka akan menjadi pertubuhan politik. Pertubuhan pelajar misalnya tidak dapat lagi menyuarakan pendapat mengenai biasiswa mereka atau pentadbiran universiti kerana dengan menyuarakan perkara ini pertubuhan mereka akan menjadi pertubuhan politik kerana mengikut takrif pertubuhan politik yang disebutkan iaitu a(ii):

“a(ii) mempengaruhi dengan apa jua cara dasar-dasar atau aktiviti-aktiviti atau mana-mana daripada dasar atau aktiviti, atau perjalanan, pengurusan, atau pengendalian, Kerajaan Malaysia, atau Kerajaan mana-mana Negeri atau mana-mana pihak berkuasa tempatan, atau mana-mana pihak berkuasa berkanun, atau mana-mana jabatan atau agensi mana-mana Kerajaan atau pihak berkuasa itu;”

Oleh kerana pelajar-pelajar dilarang melibatkan diri dalam politik dan pertubuhan mereka akan dianggap pertubuhan politik, tidak ada apa yang dapat mereka lakukan kerana segala-gala aktiviti dengan apa bentuk jua pun akan melibatkan kesan atau pengaruh terhadap universiti dan Kerajaan melainkan kegiatan menyokong sahaja.

Kalau misalnya nasi yang dihidangkan di asrama mentah sekalipun mereka hanya boleh menyatakan sokongan kerana bantahan akan melibatkan pentadbiran dan pengendalian universiti dan dengan itu pertubuhan mereka akan jadi pertubuhan politik yang dilarang mereka campurtangan dan melibatkan diri di dalamnya.

Badan-badan sekerja dan badan-badan kebajikan walaupun ini dijelaskan oleh Menteri dan juga oleh Timbalannya, menjelaskan bahawa ini tidak kena mengena tetapi takrif yang di dalam undang-undang ini adalah mencakup kepada soal-soal tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga badan-badan sekerja dan badan-badan kebajikan dan Jabatan-jabatan Kerajaan atau badan-badan berkanun tidak dapat

menyuarakan apa-apa pun mengenai Kerajaan dan Jabatan mereka kerana ia menyentuh soal pengendalian dan pentadbiran walaupun mengenai tandas kotor misalnya, kerana ini akan menyentuh soal pengendalian dan pentadbiran Jabatan atau badan-badan tersebut. Jika mereka menyuarakan pertubuhan atau persatuan mereka menjadi pertubuhan politik. Oleh kerana mereka tidak boleh berpolitik atau takut berpolitik kerana tekanan-tekanan yang sudah diketahui, maka tidak ada apa lagi yang boleh dilakukan oleh persatuan atau pertubuhan mereka untuk menyuarakan kepentingan mereka dan kepentingan perkhidmatan menerusi pertubuhan itu.

Persatuan-persatuan pengguna yang mendedahkan harga-harga barang yang sebenar atau menganalisa sesuatu bahan makanan yang mengandungi unsur-unsur atau bahan-bahan merbahaya dan membuat tuntutan kepada Kerajaan melarang penjualannya tidak lagi dapat menjalankan kegiatannya berdasarkan peruntukan yang dicadangkan di atas kerana sebahagian petugas-petugas di dalam pertubuhan itu terikat dengan Kerajaan, maka mereka terpaksa berhenti kerana pertubuhan itu telah menjadi pertubuhan politik.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada masa dua tiga minit sahaja lagi. Harap gulung.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dengan takrif yang diberikan dalam Akta ini kebanyakan pertubuhan akan menjadi pertubuhan politik dan sebahagian besar masyarakat yang ada kaitan dengan Kerajaan tidak lagi boleh melibatkan diri dalam pertubuhan-pertubuhan itu kecuali pertubuhan dan persatuan yang menjadi tukang 'angeh' sahaja. Sikap inilah yang paling disukai oleh diktator-diktator di seluruh dunia sepanjang sejarah dan sikap inilah yang menjadikan diktator itu sering melakukan kesilapan yang menghancurkan diri dan juga negara mereka.

Adalah tidak adil sekiranya sesuatu kumpulan orang yang mempunyai pandangan dan pendapat tertentu untuk menyumbangkan kepada masyarakat atau untuk menyatakan pendirian dan sikap

mengenai sesuatu isu negara terpaksa mengubah kumpulan mereka kepada pertubuhan politik yang tidak pula mudah dilakukan sekiranya mereka berkhidmat dengan Kerajaan atau badan-badan berkanun. Penafian hak seperti ini tidak boleh dibiarkan berlaku dan kegilaan kepada kuasa oleh ahli-ahli politik yang merasai parti mereka sedang menghadapi kehancuran dan ahli-ahli mereka lebih mementingkan kebendaan daripada perjuangan dan melihat hanya kuasa yang ada pada mereka sahajalah yang dapat mempertahankan kuasa dan pengaruh itu akan membawa kepada suatu keadaan di mana prinsip-prinsip yang luhur akan terus dikorbankan dan dimusnahkan demi untuk mencari keagungan diri yang dikira sebagai faktor utama kejayaan dalam hidup. Tetapi di waktu yang sama ia menambahkan benih kehancuran dan kerapuhan dalam masyarakat dan negara dan akan berakhir dengan kemusnahan jua.

Saya suka mengingatkan Kerajaan peri mustahaknya dalam sebuah negara ini setiap orang perlu mempertahankan prinsip-prinsip yang luhur itu. Di antaranya ialah kebebasan bersuara dan memberikan pendapat terutama mengenai isu-isu penting yang dihadapi oleh negara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan diwujudkan pertubuhan politik dan memberi definasi yang terlalu umum Akta ini mempunyai kesan yang besar terhadap kebebasan bersuara dan mengeluarkan pendapat. Walaupun Akta ini menjamin kebebasan bersuara kepada individu tetapi individu pula tidak mempunyai wasilah yang berkesan untuk menyampaikan pandangan-pandangan itu. Saya yakin Kerajaan menyedari kesan buruk daripada definasi yang umum ini tetapi saya tidak memahami mengapa pihak Kerajaan merestui cadangan ekstrim daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ini ataupun persetujuan seperti ini sebagai tawaran kepada cadangan yang lebih ekstrim sehingga kepada peringkat menghapuskan demokrasi pada waktu ini juga.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang Berhormat Menteri dan juga Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah membuat beberapa penjelasan mengenai

Akta ini tetapi beliau tidak usah memperbodohkan orang ramai dengan penjelasan itu. Penjelasan beliau itu tidak sedikitpun mengurangkan maksud umum yang terkandung dalam Akta tersebut. Mengikut penjelasan Timbalan Menteri berkenaan, Persatuan Pengguna boleh menyuarakan mengenai harga barang-barang dan menuntut penurunan harga Persatuan Orang-orang Buta boleh menuntut mengenai kebajikan orang-orang buta kerana memang dasar Kerajaan hendak menolong orang buta dan menstabilkan harga barang. Apa yang dikatakan oleh Timbalan Menteri itu bukanlah persoalan prinsip. Persoalan prinsip di sini ialah bahawa mereka hanya dibenarkan berbicara dan bersuara ataupun menjalankan aktiviti untuk kepentingan kebajikan mereka dan juga masyarakat hanya dalam batas-batas dasar Kerajaan. Mengapa harus ada syarat

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Sedikit lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tolong gulong cepat.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Ya. Mengapa harus adanya syarat-syarat seperti ini dalam sebuah negara yang dikatakan negara demokrasi. Di manakah logiknya sebuah pertubuhan itu boleh menyuarakan hanya perkara-perkara sesuai dengan dasar-dasar Kerajaan sahaja, kalau tidak mereka akan dianggap sebagai pertubuhan politik yang akan diikat dengan berbagai-bagai halangan dan tertakluk kepada kuasa Pendaftar Pertubuhan yang begitu luas dan terdedah kepada pembatalan pendaftaran pada bila-bila masa sahaja. Pun apabila kita berbicara mengenai dasar yang dipersetujui oleh Kerajaan dan pertubuhan, adakah mungkin pelaksanaan dasar tersebut dapat dicapai menerusi jalan-jalan yang berlainan? Menurut Akta ini jika perkara ini disuarakan atau diusahakan oleh mana-mana pertubuhan sudah pasti ia menjadi pertubuhan politik kerana walaupun ianya tidak menyentuh dasar tetapi menyentuh aktiviti perjalanan, pengurusan ataupun pengendalian Kerajaan . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

8.33 mlm.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Wakil-wakil Rakyat dari Barisan Nasional, dari Maran, Kepong, Tanah Merah, Batang Padang, Ulu Muda dan Panti dan Wakil Rakyat dari Bagan Datoh yang telah menyokong usul pindaan Akta Pertubuhan ini.

Wakil dari Petaling telah mengecam pindaan Rang Undang-undang ini tetapi malangnya sebahagian besar hujah beliau tidak berkait dengan pindaan ini. Kebanyakan hujahnya yang umum telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri sewaktu membentangkan pindaan ini, tetapi oleh kerana ucapan beliau telah disiapkan terlebih dahulu maka beliau terpaksaalah membacanya.

Saya ucapkan tahniah kepada wakil Kota Melaka yang telah mendedahkan apa yang dikatakan penyelewengan dalam DAP. Jangan pula Wakil Kota Melaka terfikir Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tidak tahu, sedangkan Musa Ahmad yang dahulu di Baling sekarang ini sudah berada di Malaysia. Malah ada kalangan sosialis demokratik yang tidak sembahyang tetapi mengalu-alukan, mengenalkan diri dan memperalatkan Islam untuk tujuan mereka. Ini juga kita kenal.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga 31hb Mac, 1981 jumlah pertubuhan yang telah didaftarkan ialah sebanyak 14,288 buah kesemuanya dengan mempunyai 19,290 cawangan, oleh itu jumlah jawatankuasa pertubuhan ialah 33,578 buah kesemuanya. Dari jumlah 14,288 buah pertubuhan, jumlah parti politik ialah 38 buah. Jadi pertubuhan persahabatan atau friendly societies yang bukan parti politik berjumlah 14,250 buah. Kita mendengar 50 buah dari 14,250 buah friendly societies tidak begitu friendly. Mereka ini terdiri dari 7 golongan.

Pertama, golongan karyawan oposisi atau professional oppositionist atau karyawan bangkangan atau orang-orang yang menjadikan kerja membangkang sebagai matlamat hidup seperti ahli-ahli Parti DAP.

Kedua, golongan dari sebahagian kaum-kaum minoriti yang keciwa kerana tidak mendapat tempat di dalam parti-parti politik yang sudah ada dan ingin melibatkan diri di dalam politik dengan cara selamat dengan memperalatkan pertubuhan-pertubuhan persahabatan yang bukan politik untuk tujuan politik mereka.

Ketiga, mereka yang mempunyai kepentingan semasa seperti ingin mendapat pengaruh dari kalangan-kalangan tertentu.

Keempat, mereka yang didorong dari belakang oleh pihak-pihak tertentu.

Kelima, mereka yang terikut-ikut kerana malu dan segan kepada mereka yang mengajak.

Keenam, mereka yang bersikap seperti kelkatu mengejar cahaya.

Ketujuh, mereka yang kurang faham mengenai pindaan Akta ini termasuk kalangan peguam-peguam.

Pihak-pihak tertentu khususnya dari kampus-kampus universiti dari 50 buah pertubuhan telah menggembar-gembarkan isu pindaan Akta ini seolah-olah seluruh rakyat jelata menentanginya. Sokongan kepada usaha membangkang nampaknya seolah-olah banyak tetapi kita mengetahui bahawa sebahagian besar daripada pemimpin-pemimpin pertubuhan yang membantah hanya mengeluarkan pendapat peribadi tetapi atas nama pertubuhan sedangkan tidak ada perundingan terlebih dahulu dengan mengadakan mesyuarat ahli-ahli jawatankuasa pertubuhan mereka apatah lagi untuk meninjau pendapat semua ahli-ahli. Malahan ada beberapa orang yang mengeluarkan kenyataan bagi pihak banyak pertubuhan yang mereka turut menjadi pemimpin atau ahli jawatankuasa. Kita mengetahui ramai ahli-ahli jawatankuasa dari pertubuhan-pertubuhan yang kononnya menyokong bantahan terhadap pindaan Akta ini yang tidak setuju dengan pendapat pemimpin-pemimpin mereka. Ada yang

mengeluarkan kenyataan menyokong bantahan ini kerana hubungan pekerjaan, ada yang mengeluarkan pendapat berasaskan hubungan keluarga ataupun mempunyai tempat tinggal yang sama atau tempat kerja yang sama.

Ada pihak yang mengeluarkan pendapat berasaskan kawan lama, walaupun pendapat itu dikeluarkan atas nama pertubuhan untuk memberi gambaran bahawa ramai orang terlibat di dalam usaha membangkang Akta ini. Mereka yang membangkang juga mempunyai kawan-kawan yang menduduki tempat istimewa di dalam akhbar-akhbar dan melalui rakan-rakan istimewa dalam akhbarlah pertubuhan-pertubuhan mengkongkong kebebasan akhbar untuk hanya turut menentang apa sahaja yang mereka tentang sehingga ada akhbar yang tidak bebas kerana dikongkong oleh pertubuhan-pertubuhan itu dan takut untuk menyokong pindaan kepada Akta ini.

Dari hujah-hujah yang dikeluarkan oleh Pembangkang dalam Dewan ini jelaslah bahawa sokongan yang diberi kepada usaha membangkang pindaan ini tidaklah berasas pengkajian yang mendalam yang telah dibuat bangkangan terhadap Akta ini, bukanlah bangkangan baru atau istimewa kerana ianya adalah bangkangan yang merupakan timbul dari satu tabiat malah ianya telah dibuat sebelum pun Akta ini diedarkan untuk umum. Dan ada yang terus membangkang setelah pindaan ini diedarkan walaupun sebenarnya mereka tidak pernah membaca. Ada yang terus membangkang walaupun setelah dibaca didapati bahawa pindaan ini adalah munasabah dan baik, tetapi kerana malu disebabkan telah terlajak cakap, maka terpaksa meneruskan bangkangan. Ada tokoh-tokoh lama politik yang menentang pindaan Akta ini walaupun belum mengetahui isinya dengan melahirkan satu bidalan untuk memperkuatkan hujahnya, katanya: Sekilat ikan dalam air, tahu kita jantan betinanya. Yang penting ialah sebelum kita mengenal jantan betina ikan itu seorang itu hendaklah menjadi nelayan yang berpengalaman, tetapi jika bidang politik itu dianggap sebagai bidang nelayan maka kita tidak boleh menerima pendapat tokoh tadi kerana beliau bukan seorang nelayan yang

success untuk mengenal jantan atau betinanya ikan tadi.

Sewaktu mengemukakan pindaan ini baik di dalam dan di luar Dewan ada orang yang berasa takut jika sekatan dibuat bagi orang asing melibatkan diri dalam pertubuhan-pertubuhan politik mereka. Mereka tidak percaya kepada diri sendiri. Kepada mereka kita nasihatkan campakkanlah jauh-jauh belengu kolonial kerana kita sudah merdeka 24 tahun. Kita mempunyai cukup tenaga, fizikal dan mental untuk mengendalikan politik kita sendiri.

Mengenai kebebasan bercakap, saya berasa bangga kerana wakil dari Baling rupanya turut membaca semua kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Walaupun beliau telah mengatakan perkara-perkara yang ditimbulkannya adalah perkara-perkara prinsip, tetapi contoh-contoh yang ditimbulkannya untuk membantu memperkuatkan hujah-hujah beliau adalah contoh-contoh lama yang rendah mutunya jika dibandingkan dengan contoh-contoh yang telah kita berikan di dalam akhbar-akhbar. Kita telah menyatakan bahawa Persatuan Pengguna jika mereka mendesak kerana harga barang sudah naik, mereka tidaklah menentang dasar Kerajaan. Memanglah dasar Kerajaan untuk berusaha supaya barang tidak naik harga. Jika Persatuan Pelajar menyatakan masalah mereka, itu juga tidak bertentangan dengan dasar, kerana Kerajaan juga ingin melihat masalah pelajar diselesaikan. Jika Persatuan Pengguna umpamanya mendesak supaya harga barang diturunkan, kita dapat memahami, tetapi jika Persatuan Pengguna menggunakan biaya yang banyak sebagaimana yang dikatakan oleh wakil dari Ulu Muda untuk membuat gambar mengenai keadaan di satu tempat di mana keadaan alam didapati terburuk di Malaysia untuk mendapat hadiah gambar yang terbaik di dunia maka mereka tentu perlu memberitahu kepada ahli-ahlinya dan kita juga ingin tahu apa motif di sebaliknya, bagaimana ahlinya beruntung dan bagaimana negara boleh beruntung dengan kerja demikian.

Saudara-saudara, tuan-tuan dan puan-puan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat (*Ketawa*) Timbalan Menteri berucap di dalam Dewan.

Tuan Sanusi bin Junid: Ahli-ahli Yang Berhormat, jika ada orang-orang buta umpamanya yang mempunyai ahli jawatankuasa yang terdiri dari orang-orang celek maka kita menggalakkan, dan jika orang-orang celek yang menduduki satu jawatankuasa memimpin orang buta, maka jika orang-orang celek ini mendesak supaya orang-orang buta dibantu tidak bercangah dengan dasar Kerajaan, kerana Kerajaan memang mahu membantu orang-orang cacat dan orang-orang buta. Tetapi jika ada orang yang celek menimbulkan isu-isu yang tidak menguntungkan orang buta semata-mata kerana tempat duduk ataupun rumahnya berdekatan dengan pertubuhan-pertubuhan lain yang suka membawa isu-isu dan beliau ingin turut terlibat maka dengan sendirinya kita perlu mengetahui lebih dalam mengenai orang buta tadi. Ada orang yang takut kononnya undang-undang ini tidak demokratik. Soalnya adakah dengan meminda undang-undang mereka kita tidak demokratik? Ada yang memetik pendapat tokoh-tokoh barat untuk memperkuatkan hujahnya, ada yang memetik pendapat tokoh-tokoh barat dan orang-orang ini terdiri dari Ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional sendiri.

Kita juga kenal negarawan asing seperti di Amerika Syarikat umpamanya sebagai kuasa demokratik yang terbesar juga mempunyai undang-undang yang diperlengkapkan untuk memelihara demokrasi itu sendiri. Adalah menjadi satu kenyataan sejarah di dalam peperangan bersaudara Amerika apabila hidup matinya Amerika Syarikat sebagai satu negara sudah terancam. Lincoln mendapatkan kuasa meluas—lebih luas untuk mempertahankan kedaulatan negara. Kita tidak mendapatkan kuasa setanding dengan yang diperolehi oleh Lincoln hanya sekadar meminda Akta Pertubuhan. Presiden Roosevelt dalam tahun-tahun 1930an telah mendapatkan kuasa undang-undang yang begitu banyak untuk memimpin Amerika Syarikat keluar dari kemelesetan ekonomi. Kita tidak mempunyai kuasa setanding

dengan yang diperolehi oleh Roosevelt. Kita hanya sekadar meminda Akta Pertubuhan. Walaupun Lincoln dan Roosevelt telah ditentang hebat oleh Kongres waktu mereka meminta kuasa secukupnya untuk menyelesaikan masalah negara, tetapi mereka sekarang dianggap oleh ahli-ahli sejarah sebagai dua pemimpin Amerika yang terbesar.

Kami yakin kebijaksanaan pemimpin negara sekarang dan pindaan Akta ini akan ditentukan oleh sejarah demi kepentingan bangsa dan kesejahteraan ummah untuk masa kini dan masa akan datang. Presiden Charles De Gaulle dari negara asalnya demokrasi telah bertindak untuk menghadapi krisis tahun 1950an untuk memperpanjangkan masa pemerintahannya sehingga 7 tahun untuk dapat mengatur pemerintahan dan mengekalkan kestabilan politik. Kita tidak boleh mengatakan Lincoln, Roosevelt dan De Gaulle sebagai tidak demokratik. Bagaimana pula kita ditohmah tidak demokratik sedang kita membuat undang-undang seperti Lincoln, Roosevelt dan De Gaulle, kita hanya sekadar membezakan sahaja antara pertubuhan politik dan persahabatan. Memberi tempoh kepada yang pernah dihukum oleh mahkamah dan menghalang yang ditahan dari memimpin, kesemuanya untuk mampastikan rakyat jelas dari segi matlamat atau dari segi kepimpinan apabila menjadi anggota mana-mana pertubuhan. Kita tidak seharusnya disalah ertikata demokrasi sebagai kebebasan yang tidak terbatas sehingga menjadi anarchy. Memang benar seperti yang dikatakan oleh wakil Kuala Kedah bahawa kita tidak boleh membuat undang-undang hanya untuk mengenal seseorang individu tetapi kita tidak boleh berganjak dari membuat undang-undang untuk kepentingan negara kerana kita takut tertekan individu-individu tertentu yang kita kasihi kerana bukan itu tujuan undang-undang ini.

Wakil dari Petaling dan Kuala Kedah perlu mengetahui perbezaan antara hukuman yang dikenakan atas seseorang yang dihukum dan tempoh yang perlukan untuk kelayakan memimpin pertubuhan. Ianya ialah dua perkara yang berasingan dan tempoh lima tahun bukan tambahan kepada hukuman.

Untuk makluman wakil dari Petaling dan Kuala Kedah bukan peguam, bukan Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi peguam, doktor dan akauntan juga jika dihukum hilang kelayakan mereka.

Sebagaimana pemimpin-pemimpin yang berpengalaman pasti mengetahui perasaan peribadi tidak patut dijadikan asas pemerintahan sebagaimana Kerajaan tidak berbandukan kepada emosi dalam mengendalikan kepentingan rakyat. Pemimpin juga tidak seharusnya melibatkan nafsunya dalam menentukan matlamat. Jika pemimpin ingin berjaya sikapnya perlu ditentukan berasaskan penilaian yang rasional ke atas kuasa, fakta dan reality sejarah, kerana sebarang tolak ansur tidak patut dilakukan kerana kemahuan hati, tetapi disebabkan tidak dapat dielak.

Wakil dari Petaling menyatakan peruntukan 2A menyebabkan pertubuhannya boleh dibatalkan pendaftarannya. Nampaknya pindaan ini sememangnya datang tepat pada waktunya kerana jelaslah DAP tersangat minat untuk mencabar peruntukan-peruntukan Perlembagaan yang menjadi hak-hak hasil dari perundingan pemimpin-pemimpin kaum sewaktu menentukan syarat-syarat kemerdekaan. Barangkali apa yang dikatakan oleh wakil dari Kota Melaka dapat dipercayai dan jika dapat dipercayai pindaan ini menjadi lebih perlu.

Untuk makluman wakil dari Petaling apabila kuasa diberi kepada Pendaftar Pertubuhan bukanlah kita mencabut kuasa mentafsir Perlembagaan oleh Privy Council kerana kuasa mentafsirkan Perlembagaan tidak ada pada Privy Council. Banyak orang yang mengaku diri mereka sebagai pemimpin yang berlagak sebagai wira mempertahankan demokrasi, walaupun kadangkala orang-orang ini terkenal sebagai hak kalangan yang mempunyai mentality yang tidak demokratik, cuba untuk memberi pengertian demokrasi mengikut nafsu dan selera masing-masing. DAP sendiri mempunyai contoh demokrasi sendiri.

Dalam negara yang berbilang bangsa, ugama, bahasa ibunda dan kebudayaan, kita mempunyai banyak kontradiksi atau

pertentangan yang dalam usaha meleburkannya kita akan membawa seluruh negara ke dalam alam revolusi yang tidak ada akhirnya. Ada negara di dunia yang rakyatnya berperang kerana berbeza agama, ada yang berperang kerana berbeza bahasa ibunda, ada yang berperang kerana berbeza bangsa, ada yang berperang kerana berbeza tahap pencapaian ekonomi. Kita mempunyai unsur-unsur perbezaan ini dan tanpa undang-undang yang memberi garis panduan yang jelas negara kita akan berada di dalam anarchy yang sudah tentu tidak demokratik. Dalam keadaan anarchy inilah pihak komunis dapat mengambil kesempatan.

Pihak komunis tentu senang hati kerana Wakil dari Petaling dengan mudah menyarankan supaya pindaan Akta ini ditiadakan kerana dengan mudah kita boleh senaraikan pertubuhan antarabangsa yang menjadi dalang Communist United Front atau Barisan Bersatu Komunis. Seolah-olah orang-orang yang bermentaliti komunis juga akan mengelakkan diri dari berhubung terus dengan CUF. Kita boleh menghukum orang-orang atau pemimpin yang diperalatkan oleh CUF tetapi kita tidak adil kepada rakyat jika kita tidak mengadakan pindaan Akta ini dahulu supaya rakyat terpelihara dan dapat mengelak dari penjerat setelah mendapat penjelasan.

Pindaan Akta ini akan memberi kuasa pengawasan yang lebih jelas. Adalah penting diingat bahawa cara bertindak pihak komunis sudah menjadi lebih sophisticated sehingga Parti Komunis Malaya pun telah mengadakan Parti Persaudaraan Islam (PAPERI) yang menjalankan dakyahnya dengan memeralatkan agama. Jika kita baca suratkhbar *Watan* baru-baru ini kita melihat satu karangan mengenai Islam di Russia sehingga ada yang terfikir bahawa keadaan umat Islam di Russia adalah sungguh baik. Ini menunjukkan jarum puak kiri sudah berjalan kerana kita mengetahui keadaan sebenarnya.

Baru-baru ini kita mengetahui sebuah buku dikarang oleh seorang pemimpin Parti Sosialis Rakyat Malaysia mengenai Islam sehingga timbul sengkita di dalam partinya kerana bukunya memberi gambaran bahawa beliau telah mirip ke Islam atau apa yang

mungkin dikatakan beliau sudah bertaubat; malah partinya sendiri telah meroboh Perlembagaannya untuk memasukkan Islam tetapi kita bernasib baik kerana dengan takdir Tuhan seorang tahanan telah menumbuk pemimpin Sosialis tadi di dalam tempat tahanan kerana beliau menyatakan manusia berasal dari buruk sedangkan umat Islam beriman bahawa manusia berasal dari tanah dan Nabi Adam a.s. adalah manusia pertama di dunia ini. Pemimpin Sosialis ini ialah Kassim Ahmad dan pertengkarannya mengenai asal usul manusia berlaku walaupun bukunya mengenai Islam sudah terbit dan partinya sudah memasukkan Islam ke dalam Undang-undang Tubuhnyanya sehingga ada yang terfikir Kassim sudah bertaubat dan perjuangan partinya menuju Islam.

Untuk merencanakan lagi tempo dan rentak baru di dalam usaha untuk menyatupadukan rakyat, kita perlu memastikan negara berada di dalam aman dan dapat menghadapi tentangan ancaman komunis yang sentiasa ada. Kita perlu memastikan pembangunan berjalan dengan pesat mengikut perancangan dan kita perlu memupuk sistem demokrasi yang berlatar belakangkan reality sejarah, kebudayaan, tradisi masing-masing. Kebebasan hanya dapat dipertahan dan diperkembangkan dengan tindakan yang positif dalam batasan garis panduan yang jelas.

Wakil dari Petaling menyatakan Pendaftar Pertubuhan dikatakan mempunyai banyak kuasa untuk membatalkan pertubuhan sama ada setelah dibawa ke mahkamah didapati salah atau tidak. Beliau lupa kuasa membatalkan diberi di bawah undang-undang kerana undang-undang ini jugalah yang memberi kuasa kepada Pendaftar untuk mendaftarkan pertubuhan. Membatalkan pendaftaran tidaklah mencacatkan mana-mana individu dan individu-individu boleh mendaftar pertubuhan lain atau membuat rayuan.

Wakil dari Pengkalan Chepa telah menimbulkan keraguannya mengenai kebebasan badan-badan Islam untuk bergerak apabila pindaan Akta ini dibuat. Sebenarnya kebimbangan ini tidak patut timbul dari Ahli Yang Berhormat kerana jika

ada orang yang berselindung di bawah nama-nama badan Islam sehingga mungkin pertubuhan itu dinamakan pertubuhan politik maka orang-orang itu hendaklah keluar dari badan Islam itu untuk menyelamatkan badan itu dari diheret sehingga menjadi pertubuhan politik. Ini mungkin ditakuti oleh setengah pemimpin-pemimpin Pembangkang. Bagi badan-badan Islam yang ingin mengekalkan sifat non-politiknya maka jika ada dikalangnya individu yang ingin mengheret badan itu ke kancah politik maka adalah menjadi tanggungjawab badan Islam non-politic itu untuk memujuk atau menyingkirkan dari kalangan mereka individu-individu politik tersebut.

Sesebuah badan yang memperjuangkan Islam hendaklah melaksanakan sekadar mampu seluruh tuntutan ugamanya dengan merangkumi seluruh bidang hidup. Politik adalah sebahagian dari agama dan bukan agama sebahagian dari politik. Kuasa politik hendaklah diperalatkan untuk memenuhi kehendak agama dan bukan agama diperalatkan untuk tujuan politik. Badan Islam perlu memperjuangkan hidup seluruh umat Islam tanpa memilih, badan-badan Islam non-politic perlu menyatakan yang benar walau pahit sekalipun, tidak kira dari parti mana kebenaran dan kebaikan itu datang.

Di sinilah letaknya perbezaan antara badan Islam sejati dan pertubuhan atau parti politik sama ada yang mengikut atau yang tidak berideologikan Islam sementara pertubuhan Islam yang dinamakan pertubuhan politik tidak semestinya pro atau anti pihak Kerajaan. Sesebuah parti politik yang berideologi Islam atau lain, mencatitkan ideologinya kerana kehendak parti. Seseorang ahli politik berparti terpaksa menjaga nama baik partinya dengan melupakan kelemahan anggota-anggota partinya dan mendedahkan keburukan parti lawan untuk mengurangkan pengaruh parti lawan dalam masyarakat. Semua ini dilakukan dengan keyakinan bahawa apabila pengaruh partinya meningkat maka partinya akan mengendalikan pemerintahan dan setelah itu dia mengharapakan akan dapat menyelesaikan masalah masyarakat sebagai

pemimpin. Sikap begini di kalangan ahli politik berparti jarang ada kecuali di dunia ini.

Untuk menjaga nama baik parti dan menyatupadukan organisasi maka mereka yang menyeleweng waktu sedang berada di berbagai peringkat pencapaian dalam satu-satu ideologi parti terpaksa melupakan sehingga ideologi itu sendiri tercabul lebih-lebih di dalam negara yang mengamalkan sistem demokrasi. Oleh kerana sokongan orang ramai juga menjadi faktor menentukan maka ragam orang ramai juga menjadi faktor menentukan. Mahu tidak mahu kepentingan orang ramai menjadi lebih penting dari kesucian ideologi di dalam satu-satu demokrasi kecualah tahap kesedaran orang ramai sudah meningkat begitu kecil untuk menegakkan satu-satu ideologi dalam masyarakat yang tahap kesedaran orang ramai mengenai ideologi itu belum menyeluruh, memerlukan paksaan secara revolusi berdarah. Parti yang berideologi sedangkan tahap pemikiran rakyat di dalam ideologi belum menyeluruh tidaklah mengharapakan penerimaan ideologinya oleh masyarakat untuk mencapai kemenangan dalam sistem demokrasi. Oleh itu tidaklah hairan jika parti begini tidak menghiraukan kesucian ahli-ahlinya asalkan ahlinya boleh memberi kemenangan kepada partinya.

Di manakah letaknya kesucian ideologi tadi? Itulah sebabnya kebanyakan alim ulama tidak aktif di dalam mana-mana jua parti politik. Dengan ini saya berharap sudah jelas perbezaan antara badan Islam non-politic dan parti yang menyatakan ideologinya Islam.

Wakil dari Petaling telah memberi penekanan yang salah mengenai tafsiran pertubuhan politik. Tafsiran (a) bagi pertubuhan politik adalah bagi peringkat permulaan atau di waktu hendak didaftarkan. Jika pertubuhan tidak mahu dipanggil pertubuhan politik, tidak usahlah masukkan tujuan yang demikian bunyinya sebagaimana yang terkandung di dalam (a). Pertubuhan-pertubuhan persaudaraan tidak dipaksa untuk memasukkan peruntukan-peruntukan ini dan boleh mengisi peruntukan-peruntukan yang begitu banyak yang melayakkan mereka sebagai pertubuhan persahabatan.

Wakil dari Petaling seterusnya memberi tafsiran (b) untuk pertubuhan politik pula. Kita perlu memerhati rangkaian kata jika diambil kira secara menyeluruh, kita tidak menyatakan setiap tindakan itu akan menyebabkan sesebuah pertubuhan itu akan berubah sifat tetapi aktiviti-aktivitinya secara menyeluruhlah yang akan menyebabkan sifatnya berubah. Aktivitinya pula adalah berkait dengan dasar dan bukan pelaksanaan. Saya telah menjelaskan mengenai perkara ini awal tadi.

Kelmarin kira-kira pukul 6.00 petang saya ternampak satu gerombolan manusia yang secara kelam-kabut dan liar mengedarkan kertas-kertas di ruangan Dewan yang mulia ini. Jumlah yang selebihnya dari mereka berkumpul secara haram di tepi jalan di luar Parlimen. Seorang dari mereka telah mendekati Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk memberi satu dari kertas yang sedang disebar pada waktu itu. Oleh kerana Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berasa curiga maka beliau telah menasihati sebarang surat untuknya disampaikan ke pejabatnya atau kepadanya di Dewan ini melalui Yang di-Pertua Dewan. Tiba-tiba seorang pegawai dari Pejabat Peguam Negara telah mengenali si pengedar kertas itu yang sedang menggigil tangannya sebagai pemimpin Majlis Peguam. Lantas Menteri menjadi tercengang kerana surat yang diedarkan merupakan protes yang mengikut Peraturan Parlimen tidak boleh diedarkan demikian.

Salah seorang pekerja Parlimen telah tampil untuk mengingatkan kepada peguam-peguam yang tidak mengikut peraturan mengenai Peraturan Parlimen dan Tata tertib Parlimen yang sepatutnya sebagai peguam mereka mengetahui peguam tentu tidak boleh mengatakan mereka tidak tahu ada undang-undang, kerana saya masih teringat ada bahasa Latin yang berbunyi, *Ignorantibus juris non defensio*, dengan izin, Ignorance of the law is no defence. Jahil undang-undang tidak ada maaf. Jika peguam-peguam yang dipengaruhi oleh peguam-peguam yang menjadi Pembangkang di Parlimen tidak dapat memahami peraturan dan undang-undang di Parlimen tidak hairanlah saya jika mereka tidak dapat memahami pindaan Akta

ini dan mempengaruhi orang lain supaya salah faham. (*Tepuk*).

Perbuatan ini sangat memalukan malah memalukan saya sendiri. Saya sangat berharap semoga peguam-peguam dari Barisan Nasional dan Peguam-peguam yang lain yang banyak yang baik-baik di negara ini dapat memberi pertunjuk kepada mereka yang sangat keliru ini dan memaafkan mereka kerana adalah jelas bahawa mereka ini adalah peguam-peguam yang tidak tahu peraturan dan undang-undang Parlimen (*Tepuk*). Oleh kerana pemimpin peguam yang keliru ini telah menunjukkan contoh yang tidak baik maka baki peguam-peguam juga telah terikut-ikut sehingga ada yang berkumpul secara haram di luar Parlimen. Sekali lagi ini menunjukkan bahawa peguam-peguam ini tidak tahu peraturan dan undang-undang. Kita sama-sama berdoa semoga Allah subhanahu wa'taala menyelamatkan negara ini dari orang-orang yang kononnya cerdik dan pandai dalam bidang kerja masing-masing tetapi jelas menunjukkan kejahilan mereka dan telah mendedahkan sikap mereka apabila Akta Pindaan ini mahu dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila peguam-peguam yang sepatutnya tahu undang-undang pun sudah menunjukkan bahawa mereka tidak mengetahui undang-undang maka pindaan Akta ini menjadi lebih perlu supaya orang-orang yang tidak berdisiplin ini dapat didisiplinkan dan orang-orang yang tidak memahami undang-undang yang sudah ada akan diberi peluang memahami apabila peruntukan undang-undang yang sudah ada di dalam Perlembagaan diulang-ulangkan di dalam pindaan Akta ini, maka yang sudah jelas dan yang sudah terang menjadi bersuluh. Agak anih ada peguam yang merasakan bahawa undang-undang boleh dibuat di pinggir-pinggir jalanraya, di luar Parlimen sedangkan jika mereka mengetahui Parlimen, inilah tempat membuat undang-undang. Undang-undang tidak dibuat di dalam suratkhbar *Watan*, undang-undang juga tidak dibuat di dalam suratkhbar *Star* apatah lagi di dalam suratkhbar Tamil Malar (*Tepuk*).

Undang-undang dibuat di dalam Parlimen dan jika ada peguam yang ingin membuat

undang-undang mereka semestinya berusaha melibatkan diri secara langsung di dalam politik dan datang ke Dewan ini untuk sama-sama menegakkan demokrasi kerana demokrasi kita bukan demokrasi jalanan; demokrasi kita bukan demokrasi pinggiran, demokrasi kita bukan demokrasi nafsu, demokrasi mempunyai peraturannya sendiri, mempunyai undang-undangnya sendiri dan demokrasi hanya akan berjalan dengan baik jika orang yang sepatutnya turut mempertahankan undang-undang terlebih dahulu dapat memahami undang-undang. Yang lebih anih lagi ada di antara mereka yang memakai tali hitam dikelilingi lengan mereka. Jelaslah bagi ramai orang termasuk budak-budak yang memerhatikan keadaan ini bahawa ilmu pengetahuan sahaja belum cukup untuk menjadikan manusia itu orang berdisiplin, matang, sopan dan siuman. Mereka tidak berkesanggupan untuk berhujah tetapi bergantung kepada ribon hitam.

Bagi pihak Kementerian saya mengucapkan tahniah kepada Setiausaha Dewan dan Timbalan Speaker yang telah dapat memberi pertunjuk kepada mereka yang sesat untuk menjaga marwah dan ketenteraman Dewan dan kehormatan Parlimen. Memanglah kalau kita dengar hujah-hujah Pembangkang seolah-olah bumi akan roboh, tetapi yakinlah besok demokrasi tetap ada (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan usul bagi diputuskan. Soalnya ialah Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya minta division.

Tuan Yang di-Pertua: Division berkehendakkan sokongan 15 orang Ahli yang bersetuju kepada belah-bahagian, sila bangun. (*14 orang Ahli bangun*) 14 orang, tidak cukup 15 tidak boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, menurut Peraturan Mesyuarat 54, saya cadangkan, Bahawa Rang Undang-undang ini diserahkan kepada Jawatankuasa Pemilih.

Tuan Yang di-Pertua: Ini di bawah Peraturan Mesyuarat lain pula, di bawah 54(1) supaya Rang Undang-undang ini

dikemukakan kepada Jawatankuasa Pemilih. Maka Usul ini tidak boleh dibahas dan sekarang masih di dalam Majlis Mesyuarat penuh. Ada Ahli yang menyokong?

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Itu tidak perlu dibahas. Saya kemukakan terus.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 8

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, yang pertama saya hendak minta penjelasan mengenai definasi berkenaan "political society" di bawah Fasal 2 khasnya mengenai (a) (i) dan (ii) dan (b) di mana berbunyi: "political society means any society which—

"(a) by any of its objects or rules, regardless whether such object or rule is its principal object or rule, or constitutes merely an object or rule"

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat cuba baca naskah Bahasa Malaysia.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, oleh sebab naskah sahnya dalam bahasa Inggeris. . . .

Tuan Pengerusi: Ya, naskah sahnya dalam bahasa Inggeris, betul. Itu kalau ada kekeliruan, tetapi kalau tiada kekeliruan yang dibahaskan ini hendaklah dalam naskah Bahasa Malaysia.

Tuan Lim Kit Siang: Baiklah, Tuan Pengerusi.

“2 (a) (i) memperoleh dengan apa jua cara sesuatu takat kawalan terhadap, atau untuk mempengaruhi dengan apa jua cara, Kerajaan Malaysia, atau Kerajaan mana-mana Negeri, atau pentadbiran mana-mana pihak berkuasa tempatan.”

Saya hendak mendapat satu penjelasan sama ada sebuah persatuan semacam Rate Payers Association dengan tujuan

Tuan Pengerusi: Pembayar cukai.

Tuan Lim Kit Siang: Dengan tujuan untuk menjamin bahawa kemudahan-kemudahan longkang dan lain-lain ada sempurna di mana dalam satu Kerajaan Tempatan ada kecuaiian, kelalaian dalam penjagaan ini. Adakah pertubuhan ini akan merupakan satu pertubuhan politik (political society)?

Yang kedua, sama ada di bawah (b) bahawa satu pertubuhan dengan tujuan untuk semacam RSCPA yang ada tujuan bahawa Kerajaan mesti mengadakan undang-undang untuk menjaga dan mengelakkan, mencegah cruelty kepada binatang-binatang boleh define di bawah (b) bahawa tendency di sini ialah bahawa:

“2. (b) tujuan-tujuan atau kaedah-kaedahnya, menguruskan halnya atau menjalankan aktiviti-aktiviti dengan cara yang jika diambil kira secara menyeluruh mempunyai kecondongan untuk mendesak supaya prinsip atau tujuannya itu diterima-pakai sebagai dasar Kerajaan”

Tadi daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri nampaknya antara satu ukuran kalau saya tak silap ialah bahawa tidak bantah Kerajaan, tidak tentang dasar Kerajaan dan kalau tidak tentang dasar Kerajaan bukanlah jatuh di bawah definisi ini.

Satu contoh ialah mengenai Consumers' Association, kalau mahu tahan harga naik itu tidak tentang dengan dasar Kerajaan, itulah apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat

Timbalan Menteri. Kalau begitu sebagai satu contoh, satu kempen di mana mahu semua calon-calon untuk Parlimen atau untuk State Assembly mengisytiharkan aset-aset mereka untuk mencegah korupsi dan oleh kerana Kerajaan tidak melawan korupsi, tidak tentang korupsi, adakah satu tindakan semacam inipun akan disifatkan sebagai “political society” atau apa-apa. Saya haraplah ada apa-apa lain ukuran akan digunakan untuk define perkara semacam ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat boleh teruskan Fasal 1 sampai 8 sebelum saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

Tuan Lim Kit Siang: Sampai habis?

Tuan Pengerusi: Sekarang Fasal 1 sampai 8 dibaca oleh Setiausaha tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, itu ialah mengenai Fasal 3. Sungguhpun saya ada sentuh perkara ini dalam perbahasan tadi tetapi tidak ada satu keterangan yang diberi mengenai 2A (1) di mana ada diperuntukkan bahawa:

“2A. (1) Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap pertubuhan berdaftar pada menjalankan aktiviti-aktivitinya dan semasa menguruskan hal-ehwalnya menentukan bahawa perjalanan aktiviti dan pengurusan hal-ehwal itu adalah selaras dengan, dan berfaedah bagi pelaksanaan, dan pematuhan, peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan-perlembagaan Negeri; dan jika mana-mana daripada aktiviti-aktiviti atau hal-ehwal mana-mana pertubuhan itu adalah dengan apa jua cara melanggar, atau mengurangkan, atau bertentangan dengan, atau menampakkan sikap tidak mengendahkan—

(a) x x x x x x x x x x x x x x x x

(b) x x x x x x x x x x x x x x x x

(c) x x x x x x x x x x x x x x x x

(d) x x x x x x x x x x x x x x x x

(e) x x x x x x x x x x x x x x x x

(f) x x x x x x x x x x x x x x x x

Oleh kerana ini menimbulkan dasar yang sangat luas di mana Pendaftar boleh membatalkan pendaftaran sesuatu

pertubuhan, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi satu penjelasan bagaimana perkataan-perkataan semacam dalam naskah akan tidak dilaksanakan ialah dalam naskah sah, perkataan semacam "violative of", atau "derogatory to", atau "militates against", atau "shows disregard". 5 perkara ini akan dinilai dan "(f) apa-apa perkara lain," dalam Federal Constitution atau State Constitution. Bukankah ini boleh saya kata satu peruntukan yang begitu monstrous di mana boleh berlaku salahguna kuasa atau "any other matter", beribu-ribu perkara yang timbul dan dalam meluluskan satu undang-undang tentulah kita mahu "specific" dan bukan "vague" di mana ada berlaku. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan mengenai perkara ini kenapa ada peruntukan ini yang boleh menimbulkan salahguna kuasa.

Fasal 5 mengenai seksyen 9A (7) (a) satu definasi mengenai "office-bearer" atau "pemegang jawatan" yang termasuk:

"(c) seseorang yang dilantik atau diberikuasa untuk mewakili, atau bertindak bagi pihak, sesuatu pertubuhan berdaftar, atau mana-mana cawangan pertubuhan itu, dalam apa-apa perkara,"

Bukankah ini bererti bahawa tak payah seorang memegang jawatan sama ada Presiden, Setiausaha atau lain-lain jawatan yang tertentu tetapi seorang anggota biasa yang tulis surat kepada suratkhbar bagi pihak pertubuhan itu atau buat satu ucapan boleh jatuh dalam definasi semacam ini yang begitu luas.

Kedua, bukankah ini bererti untuk satu parti politik bahawa seorang yang dinamakan sebagai calon sungguhpun tidak ada apa-apa jawatan pun boleh jatuh dalam peruntukan ini oleh kerana mengikut (c) ialah "seseorang yang dilantik atau diberikuasa untuk mewakili, atau bertindak bagi pihak, . . . dalam apa-apa perkara,". Kalau itu tujuannya bukankah inipun satu langkah peruntukan Perkara 48 dalam Perlembagaan mengenai syarat-syarat disqualification seorang Ahli Parlimen.

Fasal 8, seksyen 13A (1) (b) mengenai Pendaftar Pertubuhan membuat satu perintah secara bertulis:

"(b) melarang pertubuhan itu daripada mempunyai, secara langsung atau taklangsung,"

Apa erti "secara langsung", itu kita boleh faham. Kalau "taklangsung", inipun lagi satu perkara di mana semuapun boleh terlibat;

". . . . taklangsung, apa-apa gabungan, hubungan, komunikasi atau apa-apa jua urusan"

Semua ini sangat "vague" dan boleh menimbulkan intepretasi-intepretasi seseorang dan ini akan membolehkan bukan sahaja "inconsistency", tetapi kegunaan kuasa yang "arbitrary".

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

9.18 mlm.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, saya cuba hendak menyentuh tentang takrif "parti-parti politik" dan "pertubuhan politik" ini.

Tuan Pengerusi: Sebutkan Fasalnya!

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Fasal 2 "parti politik" dan juga dari segi "pertubuhan politik". Pada mulanya saya baca Akta ini takrif-rakrif ini saya cukup faham tetapi apabila saya dengar Wakil dari Baling bercakap itu saya sudah keliru. Jadi Wakil dari Baling daripada Parti Ajaran Sesat ini; dia telah menyebutkan bahawa badan-badan pelajar ini tak boleh hendak komplek fasal biasiswakah atau fasal nasi mentahkah dan tidak boleh komplek apa-apa katanya. Selepas itu kalau Pejabat atau Badan-badan Berkanun didapati tandasnya kotor pun tidak boleh komplek katanya; kerana kalau komplek jadi badan politik. Jadi adakah takrif yang diberi oleh Wakil dari Baling itu benar ataupun tidak.

Saya bimbang dan takut Wakil ini bukan sahaja tidak faham takrif undang-undang tetapi dia pergi cerita kepada rakyat di kampung. Kalau ayat-ayat Quran pun dia bercakap ke kampung dengan tafsiran yang

salah. Jadi saya bimbang dan takut undang-undang inipun dia pergi ke kampung, pergi kepada pelajar, dan dia tafsirkan dengan apa yang dia cakap dalam Parlimen tadi. Jadi saya takutlah tafsiran ini salah kerana anggapannya, misalnya dia kata, "rakyat tidak memberi kepercayaan kepada Kerajaan Barisan Nasional", katanya, tetapi hairannya daripada 13 tinggal 5 kerusi dalam Parlimen ini.

Di Kelantan, parti UMNO tidak diberi kepercayaan oleh rakyat, tetapi daripada 36 tinggal 2, jadi ini yang saya kurang faham. Majority mana yang dia kehendaki, majority tinggal duakah?, tinggal limakah atau majority mana? Jadi takrif dari segi betulakah persatuan pelajar ini kalau nasi mentah dia tidak boleh komplek, biasiswa kurang pun tidak boleh komplek, tandas kotor pun tidak boleh komplek kerana dia kata parti politik. Ini saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Sekian, terima kasih.

9.20 mlm.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya suka mendapat penjelasan juga daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan Fasal 5 yang berkaitan dengan Seksyen baru 9A yang ada kena-mengena dengan hilang kelayakan terpakai bagi pemegang jawatan, penasihat dan pekerja dengan pertubuhan berdaftar. Di sini suka saya mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri iaitu sama ada sebuah pertubuhan berdaftar seperti satu persatuan persahabatan, misalnya, tarian singa ataupun persatuan penjaja sama ada pertubuhan itu boleh melantik seorang Wakil Rakyat menjadi penasihatnya tanpa pertubuhan itu dikehendaki untuk memohon menjadi satu pertubuhan politik.

9.21 mlm.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad (Baling): Tuan Pengerusi, saya tidaklah mahu melayan ucapan emosi Wakil dari Pasir Putih tadi, tetapi saya ingin merujuk kepada Seksyen 2 (b) iaitu mengenai takrif "pertubuhan politik" di mana terdapat di sini ialah saya hendak merujuk kepada soal dasar pengurusan ataupun pengendalian serta perjalanan.

Jadi, kemungkinan di sini terdapat percanggahan di dalam jabatan-jabatan Kerajaan dan juga di dalam badan-badan berkanun iaitu di antara dasar dan pengendalian. Misalnya, apa yang saya sebutkan tadi mengenai walaupun dasar pihak universiti, misalnya, ingin kepada kebersihan dan sebagainya tetapi di dalam soal pengendalian terdapat kekurangan, percanggahan, misalnya, tempat itu tidak bersih dan sebagainya. Jadi pertentangan ini walaupun tidak bercanggah dengan dasar, kemungkinan misalnya badan-badan pelajar akan mempersoalkan tentang pelaksanaan ataupun tentang pengurusan yang tidak betul dan ini melibatkan soal pengurusan, jadi terdapat penentangan di antara pelaksanaan yang dilaksanakan oleh universiti dengan dasar itu bercanggah. Maka apakah ini juga boleh melibatkan pertubuhan itu menjadi pertubuhan politik kerana dia menyentuh soal pengendalian ataupun malpractices di dalam universiti itu.

Yang keduanya ialah mengenai (c) dalam takrif ini juga iaitu "menjadi parti politik" sebagai suatu takrif kepada pertubuhan politik. Ini menunjukkan bahawa parti politik itu suatu pertubuhan yang khusus dan pertubuhan politik itu lebih umum lagi. Jadi dengan demikian bermakna adakah benar bahawa pertubuhan politik itu dengan sendirinya dengan takrif (c) ini menjadi satu pertubuhan politik.

Yang ketiganya ialah mengenai Seksyen 3 di sini iaitu dengan masukkan 2A (1) (f) iaitu apa-apa perkara lain, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan atau mana-mana Perlembagaan Negeri. Jadi di sini mana-mana pertubuhan yang melakukan "(f) apa-apa perkara lain", sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan atau mana-mana Perlembagaan Negeri ini.

Jadi hendak menentukan pelanggaran itu sudah tentu oleh kerana ini suatu takrif yang umum, ia memerlukan kepada pentafsiran. Jadi apabila hendak menentukan sama ada satu pertubuhan itu bercanggah dengan peruntukan (f) ini yang melibatkan Perlembagaan dan juga memerlukan kepada suatu pentafsiran. Jadi setahu kita yang boleh mentafsirkan Perlembagaan itu ialah

mahkamah, sekarang diberi kuasa kepada Pendaftar. Bagaimanakah Pendaftar boleh mentafsirkan sesuatu aktiviti itu bercanggah dengan Perlembagaan sepertimana peruntukan (f) ini di dalam sesuatu keadaan di mana kehendak-kehendak Perlembagaan itu perlu ditafsirkan. Ini diberi kuasa kepada Pendaftar. Adakah itu suatu pemberian yang sah padahal sepatutnya mentafsirkan Perlembagaan itu ialah Parlimen ini ataupun Mahkamah Tinggi.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Menteri

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Ada satu lagi.

Tuan Pengerusi: Ada lagi? Saya nampak sudah duduk tadi.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Seksyen 5 ini, 9A (1) (a). Di sini saya minta Yang Berhormat Menteri menimbang kesan-kesan daripada ini iaitu memberi satu penjelasan yang lebih menasabah di sini iaitu seorang itu hilang kelayakan jika dia telah disabitkan melakukan apa-apa kesalahan terhadap Akta ini. Kesalahan-kesalahan terhadap Akta ini mungkin juga melibatkan soal-soal teknikal dan ini menyebabkan bahawa seorang daripada pemimpin-pemimpin pertubuhan itu terpaksa berhenti apabila dia melakukan kesalahan di bawah Akta ini padahal mungkin kesalahan itu merupakan kesalahan teknikal semata-mata. Jadi seorang pemimpin yang mendapat kepercayaan daripada ahli-ahlinya tiba-tiba oleh kerana satu kesalahan teknikal bersabit dengan Akta ini, maka dia tidak layak menjadi pemimpin pertubuhan itu dan saya rasa peruntukan ini terlalu tidak menghormati kehendak-kehendak daripada ahli-ahli pertubuhan itu.

Tuan Pengerusi: Sila!

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Pengerusi, dengan sekali gus, izinkan saya menjawab Seksyen 2 yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling soal-soal pentafsiran. Begitu juga yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Baling. Adalah diingatkan di sini, Tuan Pengerusi, contoh-contoh yang disebut tadi

adalah apa yang dikatakan dalam bahasa Inggeris "hypothetical defeat". Pertimbangan akan diberi mengikut fact yang akan ditentukan oleh apa yang terjadi. Tetapi perkara yang penting di dalam undang-undang ini besar perbezaannya di antara (a) dengan (b), (a) itu iaitu syarat-syarat yang sudah tertentu yang persatuan itu sendiri sanggup menerima. Maksudnya adalah menjadi tujuan kepada Persatuan itu bahawa dia akan:

“(i) memperolehi dengan apa jua cara sesuatu takat kawalan terhadap, atau untuk mempengaruhi dengan apa jua cara, Kerajaan Malaysia, atau Kerajaan mana-mana Negeri,”

Maksud saya tadi bahawa persatuan itu sendiri sudah sanggup menjadikan objektifnya-objektifnya. Jadi kalau sudah ada dalam objektifnya begitu dengan sendirinya maka badan itu termasuk di dalam lingkungan persatuan politik, kerana dia sendiri mengatakan inilah tujuan saya. Tertulis sebagai tujuan persatuan itu. Tetapi sesuatu persatuan itu tidak dikehendaki menyebut tujuan-tujuan seperti (a) dia mengatakan saya adalah persatuan seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling R.S.P.C.A.; dia masing-masing mempunyai objektif. Di dalam objektif ini untuk melaksanakan atau menjalankan segala tugas-tugasnya mengikut objektif itu tidak ada larangan sekiranya benar-benar dia mengikut objektif persatuan dia. Yang menjadi susahnya kepada mereka yang tidak faham itu iaitu di mana datangnya (b). (b) ini bukan soal objektif, (b) itu adalah soal pengurusan atau soal aktiviti, dalam bahasa Inggerisnya action (a) soal objektif (b) itu adalah action. Pertimbangan diberi mengikut nilai-nilai yang ditentukan daripada aktivitiya bukan daripada objektifnya. Dengan objektif itu sudah tentu dia badan politik atau dia bukan badan politik. Tetapi sekiranya objektif dia kita tidak ambil kira, kita ambil kira hanya perbuatan dia dan sekiranya perbuatan itu dianggap seperti dalam bahasanya iaitu taken as a whole, bukanlah sekali atau dua kali tetapi taken as a whole sebagai politik baharulah persatuan itu boleh dicap politik. Jadi, maknanya dua perbezaan, yang pertama tadi objektif, yang

keduanya adalah aktiviti. Jadi umpamanya

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Untuk penjelasan. Soal yang pertama tadi dianggap sebagai objektif tetapi bagaimana kita dapat pisahkan objektif itu dengan aktiviti dalam soal yang berkaitan ini. Umpamanya, mestilah aktiviti itu melibatkan juga soal tujuan ini dan ini dipersoalkan misalnya menyentuh soal dasar ataupun soal pengurusan dan sudah tentulah berdasarkan kepada (b) ini bahawa terdapat kaedah-kaedah dia terpaksa membuat sesuatu untuk memenuhi tujuan itu dan kerana itulah ada kaitan pula dengan kuasa yang diberikan oleh Pendaftar Pertubuhan itu untuk menentukan bahawa sesuatu itu adalah pertubuhan politik.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Pengerusi, perkara yang disebutkan tadi umpamanya sebagai satu contoh, ini juga contoh hypothetical iaitu seperti dikatakan oleh Yang Berhormat dari Baling tadi soal anak-anak sekolah komplek. Ini tidak melanggar dengan (b) kerana (b) sudah memang menentukan bahawa polisi Kerajaan itu untuk membetulkan perkara ini, di mana berlanggarnya!

Kalau umpamanya association yang duduk dalam flat—residents committee kata Municipal mesti cuci longkang, ini mana melanggar dasar Kerajaan. Memang ada dasar Kerajaan longkang itu mesti dibersihkan. Jadi di sini janganlah terkeliru kerana perkara (b) itu adalah perkara iaitu aktiviti-aktiviti itu menentukan apakah yang dikehendakinya iaitu tujuannya diterima pakai sebagai dasar to influence the policy of the Government. Memang polisinya membersih longkang tak payahlah dikatakan salah lagi kerana itu polisi membersih longkang. Kalau polisi bukan membersih longkang, itu soal lainlah.

Di dalam masa yang membentangkan Undang-undang ini tadi saya sudah mengatakan, kalau bertalu-talu dan tidak ada kena-mengena dengan persatuan itu macam Persatuan Penerbangan yang saya sebutkan tadi. Suruh Menteri Luar Negeri memutuskan diplomatic relations dengan Indonesia bertalu-talu taken as a whole itu

sudah menjadi political activity yang boleh ditakrifkan sebagai sebuah political society, dan tidak dilarang pula, kalau hendak buat, buatlah tetapi terimalah label baharu. Itu sahaja, bukan melarang. Jadi, inilah keterangan dengan cara umum takrif Clause 2 (a) yang memberikan istilah “political party”.

Ada pula soal Yang Berhormat dari Baling juga iaitu parti politik. Apakah parti politik, persatuan politik. Memang tadi saya sudah sebutkan, satu parti politik sudah dengan sendirinya menjadi persatuan politik tetapi tidaklah semestinya persatuan politik menjadi parti politik kalau sekiranya persatuan itu tidak memberitahu kepada Election Commission mengatakan saya hendak bertanding, tidak payah, tidak ada kena-mengena. Dia dengan sendirinya tidak menjadi parti politik. Satu persatuan politik tidak dengan sendiri menjadi parti politik tetapi tiap-tiap parti politik dengan sendirinya adalah persatuan politik. Itulah keterangannya berkenaan dengan takrif itu.

Kesalahan teknikal tidak menasabah dari segi kesalahan teknikal, maka Registrar mengambil satu-satu langkah mengikut undang-undang ini, kita ada ubatnya iaitu boleh appeal kepada Menteri. Kalau tidak bersetuju juga dengan Menteri itu boleh disoalkan pula motivasiannya, *bona fidenya* di mahkamah. Tidak ada siapa yang melarang seseorang rakyat Malaysia pergi ke mahkamah, bertanya soal motivation, *bona fide*, malicious atau tidaknya apa yang dibuat oleh Menteri, tidak ada siapa boleh melarang. Berkenaan dengan Perlembagaan mahkamah tidak boleh membuat tafsiran melainkan kita dua belah pihak bersetuju untuk membawa kepada mahkamah bagaimana tafsiran Perlembagaan dan sebagainya. Perkara ini semua boleh dibuat tetapi kalau hendak payah memang payahlah.

Salahguna kuasa, tidak cukup specific kerana indirectly atau directly kata Yang Berhormat dari Petaling, inipun sebenarnya soalnya itu sendiri tidak specific, dan dengan sendirinya hypothetical. Kerana apa yang dikatakan indirectly itu macam-macam boleh jadi, itulah sebab dikatakan perkataan indirectly, menggunakan individu sebagai

orang tengah boleh jadi indirectly. Dengan tidak langsung menggunakan individu boleh juga. Inilah point yang agaknya menjadi takut, fasal ada agaknya orang individu-orang perseorangan, jadi dengan cara indirectly atau indirectly ini satu badan bergabung dengan satu badan lain yang badan ini bergabung dengan badan lain di luar, itu indirectly juga bukanlah susah sangat hendak mentafsirkan undang-undang ini, kalau sekiranya hati itu lurus dan jujur yang sanggup menerima bahawa kita tidak mahu lagi memakai topeng itu sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat masih menjawab, Ahli Yang Berhormat dari Petaling ada membawa Fasal 3, Fasal 5 dan Fasal 8.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Yang mana satu?

Tuan Pengerusi: Fasal 3, 2A (1) dan 2A (f)—itu sama dengan Ahli Yang Berhormat dari Baling.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Banyak sangat, saya sudah silap.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang sudah selesai Fasal 2. Sekarang Fasal 3 pula.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Any other matter atau apa-apa perkara lain, sebagaimana diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Di mana yang tidak terangkan ini?

Tuan Pengerusi: 3, 2A (1).

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: 3, 2A (1)

Tuan Pengerusi: Ya. Lepas itu (f) apa-apa perkara lain.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Ya, apa-apa perkara lain, sebagaimana diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Itu yang saya kata tadi. Bukan maknanya apa-apa perkara lain habis disitu, period, bukan. Perkara-perkara lain, sebagaimana diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Lim Kit Siang: Apa-apa perkara lain, sebagaimana diperuntukkan di bawah

Perlembagaan Persekutuan atau mana-mana Perlembagaan Negeri-negeri, dan apa yang ada peruntukan perkara-perkara lain dalam Perlembagaan ini ialah bukan beratus-ratus perkara, beribu-ribu perkara. Adakah semua ini kalau ada disoalkan, ada apa-apa violative atau apa-apa derogatory itu akan mendapati kesalahan dalam peruntukan ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, perkataannya sudah terang iaitu kalau satu-satu persatuan itu sudah membuat apa-apa perkara ini any manner violative of, or derogatory to terhadap Perlembagaan tentulah dia mengambil tindakan. Tentulah. Ini yang tertulis. Ini (a) sampai (e). (f) itu lain daripada itu. Kalau tidak, sudah tulis semua. Jadi yang memutuskan iaitu Registrar dan seksyen ini saya rasa cukup terang dan kita tidak boleh imagine lagi. Saya tidak dapat hendak mengangan-angankan apa yang dimaksudkan iaitu terang sekali mengatakan sekiranya violative. Apa makna violative? Di dalam Bahasa Malaysianya iaitu melanggar. Kalau sudah melanggar apa-apa perkara lain sebagaimana diperuntukkan di bawah Perlembagaan, apa lagi? Tentulah termasuk di bawah perangkap undang-undang ini. Itu dia.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan sahaja melanggar tetapi bertentangan menampakkan sikap oleh kerana peruntukan ini bukan sahaja untuk political society tetapi untuk political party. Oleh kerana ini registered society, adakah ini termasuk satu sikap kritik peruntukan-peruntukan atau apa-apa perkara dalam Perlembagaan selain daripada keempat-empat perkara yang termaktub sebagai sensitif bahawa lain-lain perkara dalam Constitution patut dipinda atau apa-apa oleh kerana dengan peruntukan seperti ini, ini akan boleh menimbulkan intepretasi.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Pengerusi, inilah selalu rakyat kita ini dikeliru-keliru, dikabur-kaburkan. Peruntukan di dalam Perlembagaan kita terang dan nyata boleh diubah Perlembagaan, dan esok kita hendak mengubah Perlembagaan.

Tuan Pengerusi: Lusa.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Lusa, tetapi perubahan itu mengikut cara Perlembagaan. Janganlah diubahkan perubahan itu tidak mengikut cara Perlembagaan. Inilah maknanya. Bukan maknanya sampai tidak boleh bercakap hendak minta mengubah Perlembagaan. Itu bukan maksudnya. Maksudnya bahawa kalau hendak buat apa-apa janganlah violative of the Constitution. Maknanya, mengubah Perlembagaan itu bukan dengan cara Perlembagaan. Ini maksud undang-undang ini.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Baling.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, tadi apa yang tidak dijelaskan iaitu mana-mana undang-undang atau Perlembagaan sendiri tertakluk kepada pentafsiran dan juga huraian atau pentafsirannya. Disini saya timbulkan ialah apabila di dalam suatu keadaan di mana percanggahan terhadap Perlembagaan itu tertakluk kepada suasana-suasana yang memerlukan kepada pentafsiran. Jadi, di sini kuasa untuk mentafsirkan itu juga diberi kepada Pendaftar dan pada hakikatnya bahawa Perlembagaan itu harus ditafsirkan oleh Mahkamah Tinggi, bukan oleh Pendaftar.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tidak benar, Tuan Pengerusi, bahawa hanya mahkamah sahaja yang boleh membuat tafsiran tidak benar.

Tuan Pengerusi: Sekarang Fasal 5, Yang Berhormat.

Tan Sri Haji Muhamad Ghazali bin Shafie: Ya!

Tuan Pengerusi: Fasal 5 ada lagi. Fasal 5, 9A (7) (c). Yang Berhormat dari Petaling 9A dan daripada Yang Berhormat dari Baling Fasal 5, 9A (1) (a).

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: 9 (c)?

Tuan Pengerusi: 7 (c), Yang Berhormat.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: 7 (c) tadi....

Tuan Pengerusi: Kuala Lumpur Bandar 9A (1).

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Ya. Jadi, ini saya rasa sudah cukup terang dalam undang-undang ini kalau (c) ini tadi. "seseorang yang dilantik atau diberikuasa untuk mewakili, atau bertindak bagi pihak, sesuatu pertubuhan berdaftar, atau mana-mana cawangan pertubuhan itu, dalam apa-apa perkara, lain daripada seseorang yang, tidak menjadi ahli pertubuhan itu, diambil bekerja oleh pertubuhan itu untuk mewakili, atau bertindak bagi pihak, pertubuhan itu atau mana-mana cawangan pertubuhan itu atas sifat profesionalnya atau mengikut perkiraan kontrak." Ini sudah terang. Maknanya apa yang dilakukannya itu adalah direstui oleh persatuan itu. Kalau direstui oleh persatuan itu maka dia akan menjadi wakil dan kalau dia menjadi wakil maka tertakluklah dia di bawah peruntukan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Pada pendapat saya ialah kepada seseorang yang dicalon sebagai calon ialah termasuk mewakili parti akan jatuh dalam peruntukan ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Calon?

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Dalam pilihanraya besar Parlimen atau State Assembly oleh kerana dengan dicalonkan ia boleh kata sudah ditanding (authorised) mewakili dan sudah menjadi office-bearer. Ada?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Kalau dia mewakili persatuan itu?

Tuan Lim Kit Siang: Sebagai calon.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Sebagai calon dia mewakili dengan sendirinya apa-apa society itu menjadi political party. Tadi saya sudah cakap. Dengan sendirinya.

Tuan Lim Kit Siang: Ini bukan definition of political society, tetapi definition of office-bearer.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Ya, tetapi office-bearer apa? Office-bearer kepada satu persatuan. Kalau sekiranya persatuan itu mengatakan kepada Election Commission: ini calon saya, dengan sendirinyalah persatuan itu menjadi political party.

Tuan Lim Kit Siang: Mungkin Yang Berhormat Menteri tidak dapat mengikuti soalan saya. Sebenarnya soalan saya ialah sama ada persatuan ini menjadi political society tetapi oleh kerana peruntukan ini ialah mengenai seorang yang hilang kelayakan menjadi office-bearer kalau dia dalam tahanan. Dan dalam definition of office-bearer ialah seorang yang appointed atau authorised untuk mewakili, ialah sama ada seorang yang dicalon oleh sebuah parti untuk menjadi calon baikpun kawasan Parlimen atau kawasan State akan diterima atau diakui sebagai office-bearer dan oleh kerana kalau begitu, ini bererti bahawa seorang yang dalam tahanan tidak boleh menjadi seorang calon.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Orang yang dalam tahanan memang sudah disebut di dalam undang-undang ini tidak boleh menjadi wakil.

Tuan Lim Kit Siang: Seorang yang menjadi calon dengan sendirinya menjadi wakil?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Undang-undang ini tidak mengatakan calon. Dia mengatakan tidak boleh menjadi wakil.

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi apabila seseorang menjadi calon untuk sebuah parti, ia pun menjadi seorang.....

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Kalau hendak letak menjadi calon, letaklah, tetapi tidak boleh menjadi wakil.

Tuan Pengerusi: Tak boleh menjadi office-bearer?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Ya, he is already disqualified.

Tuan Pengerusi: Sekarang ada satu lagi iaitu Fasal 8. 13A (1) (b), soalan Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Fasal 8. 13A (1) (b): melarang pertubuhan itu daripada mempunyai secara langsung atau tak langsung, apa-apa gabungan-gabungan, hubungan, komunikasi. Tadi sudah saya sebut-sudah jawab.

Tuan Pengerusi: Sudah masuk dalam jawapan?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Sudah dijawab.

Tuan Pengerusi: Sudah, baik.

Tuan Lee Lam Thye: Fasal 5. 9A (1).

Tuan Pengerusi: Ya, Fasal 5. 9 (1).

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Fasal 5.9A (1)?

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Pengerusi, kalau saya dapat dibenarkan untuk mengulangi pertanyaan saya. Apa yang saya ingin bertanya tadi ialah sama ada satu pertubuhan berdaftar yang dianggap sebagai pertubuhan persahabatan boleh melantik seorang Wakil Rakyat untuk menjadi penasihatnya tanpa menyalahi peruntukan di bawah Fasal 5 ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Pengerusi, bukan sahaja melantik menjadi penasihat, menjadi presiden pun boleh dan tidak mengubah kedudukan dia sebagai Persatuan Persahabatan.

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 9 hingga 11

Tuan Pengerusi: Ada Ahli Yang Berhormat yang hendak mengambil bahagian dalam Fasal 9 hingga 11? Jemput Ahli Yang Berhormat dari Baling.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan mengenai hukuman-hukuman yang dikenakan, misalnya Fasal 10. 18F (3) "Mana-mana pertubuhan atau mana-mana orang yang melanggar peruntukan-peruntukan Seksyen kecil (1) atau (2) adalah

melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada 3 tahun atau denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau kedua-duanya." Saya hendak bertanya di sini bagaimana pertubuhan itu boleh dipenjarakan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Pengerusi, tentulah tak boleh dipenjara, common sense sudah kata, tetapi boleh fine, boleh denda.

Fasal 9 hingga 11 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang.

Fasal 12 hingga 14 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Fasal 15 hingga 17 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari esok, Khamis, 9hb April, 1981.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.57 malam.